

Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisab Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisab Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103)*. Siri 18. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-86-7.

Abstract

Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisab Harut dan Marut, surah Surah al-Baqarah (2: 102-103), *Siri 18* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Kaum Bani Israil sanggup berpatah arang daripada mengikut ajaran Nabi Muhammad SAW dan memilih kitab sihir sebagai ajaran ikutan. Padahal mereka sangat mengetahui kecelaakaan daripada kedua-dua perkara menjadikan mereka kekal dalam neraka Allah SWT. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 99-103) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia, iaitu tuntutan beragama dengan syariat Nabi Muhammad SAW, ciri agama Islam dalam kitab Taurat; sihir: Asal usul dan persoalan hukum; Harut dan Marut; serta hukum berkaitan dengan bumi Babylon dan tempat yang dilaknat.

References

Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Ta'uzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shashi, Abu Sa'id al-Haytham. 1989. *Al-Musnad li al-Shashi*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah (Ed.). Jld. 1-2. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.

- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Perseteraan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas Kerja dalam Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta Kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 99-103)*. Kertas Kerja dalam Siri 21: Program Budaya al-Quran, 7hb. Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Kecintaan Kepada Dunia dan Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-98)*. Kertas Kerja dalam Siri 20: Program Budaya al-Quran, 21 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103)*. Jld. 18. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-101)*. Jld. 17. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Malik, Anas. 2004. *Muwatta'*. Muhammad Mustafa al-A'zami (Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 18
Bani Israil dan Ilmu Sihir
serta kisab Harut dan Marut:
Surah al-Baqarah (2: 102-103)**

Kamarul Azmi Jasmi



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 18
Bani Israil dan Ilmu Sihir
serta kisab Harut dan Marut:
Surah *al-Baqarah* (2: 102-103)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi
BANI ISRAIL DAN ILMU SIHIR SERTA KISAH HARUT DAN MARUT :
SURAH *AL-BAQARAH* (2:102-103) / Kamarul Azmi Jasmi.
(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 18)
ISBN 978-967-2171-86-7

1. Qur'an. Surat *al-Baqarah*-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.
297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	3
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 99-101)	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 102-103)	9
Tafsiran Ayat Berkaitan Sihir	9
Hukum Sihir	87
Pembahagian Ilmu Sihir	93
Hukum Belajar dan Menggunakan Sihir	108
Berubat dengan Menggunakan Sihir	110
Pengajaran Ayat	112
Tuntutan Beragama dengan Syariat Nabi Muhammad SAW	112
Ciri Agama Islam dalam Kitab Taurat	113
Sihir, Asal Usul, dan Persoalan Hukum	113
Harut dan Marut	124
Hukum Berkaitan dengan Bumi Babylon, Iraq dan Tempat yang Dilaknat	130
Rumusan	130
Rujukan	131
Indeks	134
Biodata Penulis	136

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku

tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2019

PENGENALAN

Selepas Allah SWT membongkar pembohongan permusuhan kaum Bani Israil terhadap Malaikat Jibril (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019b, 2021b), Allah SWT terus membongkar tentang sifat berputus arang kaum Bani Israil tersebut terhadap perutusan Nabi Muhammad dengan penurunan wahyu yang dibawah oleh Jibril AS. Pembongkaran ini menjelaskan bahawa sifat keingkaran ini sememangnya sudah wujud dalam kalangan ulama Bani Israil dan bukan ketika era perutusan Nabi Muhammad sahaja. Di samping itu, akibat daripada sifat berpatah arang kepada Allah SWT dan Rasul-Nya Nabi Muhammad, kaum Bani Israil sebaliknya menjadi syaitan dan sihir sebagai jalan alternatif yang mereka pilih untuk menentang Islam, agamanya, dan pengikutnya (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a, 2021a). Sekalipun mereka mengetahui jalan yang mereka pilih tersebut menjadikan mereka seolah-olah menempah tempat dalam api neraka. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ وَمَا يَكْفُرُ بِهَا إِلَّا
 الْفَاسِقُونَ ﴿٩٩﴾ أَوْ كَلَّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا بَيْنَهُمْ وَفَرِيقٌ مِّنْهُمْ
 بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾ وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِنْدِ
 اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا
 الْكِتَابَ كِتَابَ اللَّهِ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا
 يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾ وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ
 وَمَا كَفَرُوا سُلَيْمَانَ وَلَا كِنَّ الشَّيَاطِينُ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ

النَّاسِ السَّحَرِ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَائِكِينَ بِبَابِلَ هُرُوتَ
 وَمُرُوتَ وَمَا يَعْلَمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ
 فَلَا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ
 وَزَوْجِهِ ۗ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ
 وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۗ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ
 اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلَبَسَ مَا شَرَوْا بِهِ
 أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا
 لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksud: Dan sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) ayat keterangan yang jelas nyata (al-Quran), dan tidak ada yang akan mengingkarinya melainkan orang yang fasik. (99) Patutkah (mereka ingkarkan ayat keterangan itu) dan patutkah tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia, dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka? Bahkan kebanyakan mereka tidak beriman. (100) Dan apabila datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah (Nabi Muhammad SAW), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka, sebahagian dari orang yang diberikan Kitab itu melemparkan Kitab Allah ke belakang mereka, seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya). (101) Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya)

kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babylon (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)." Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua, iaitu ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui. (102) Dan kalau sebenarnya mereka itu tetap beriman dan bertaqwa (nescaya mereka akan mendapat pahala); sesungguhnya pahala dari sisi Allah itu adalah lebih baik, kalau mereka mengetahui. (103)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 99-103)

Perbincangan tafsiran dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahawan penentangan kaum Bani Israil terhadap perutusan Nabi Muhammad SAW dalam ayat *al-Baqarah* (2: 99-101) dan bahagian pemilihan kaum bani Israil dengan jalan syaitan dan sihir sebagai alternatif daripada jalan Allah SWT dan kebenaran Islam yang ditawarkan oleh-Nya kepada mereka dalam ayat *al-Baqarah* (2: 102-103).

TAFSIRAN AYAT

Dua bahagian tafsiran ayat adalah terdiri daripada *al-Baqarah* (2: 99-101) dan *al-Baqarah* (2: 102-103).

SURAH AL-BAQARAH (2: 99-101)

Allah SWT menyambung firman-Nya bagi mendokong al-Quran dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan menunjukkan kekesalan kepada kaum Bani Israil terhadap keingkaran mereka kepada Nabi Muhammad SAW dan ajaran al-Quran. Firman-Nya:

وَلَقَدْ أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ وَمَا يَكْفُرُ بِهَا إِلَّا
 الْفَاسِقُونَ ﴿٩٩﴾ أَوْ كَلَّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا نَبَذَهُ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
 بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾ وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ
 مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ
 كِتَابَ اللَّهِ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

Maksud: Dan sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) ayat keterangan yang jelas nyata (al-Quran), dan tidak ada yang akan mengingkarinya melainkan orang yang fasik. (99) Patutkah (mereka ingkarkan ayat keterangan itu) dan patutkah tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia, dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka? Bahkan kebanyakan mereka tidak beriman. (100) Dan apabila datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah (Nabi Muhammad SAW), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka, sebahagian dari orang yang diberikan Kitab itu melemparkan Kitab Allah ke belakang mereka, seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya). (101)

(Surah al-Baqarah, 2: 99-101)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/344), menyatakan bahawa ayat ini menurut Imam Abu Ja'far membawa maksud, “Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Muhammad) alamat yang jelas yang menunjukkan akan kenabianmu. Tanda tersebut adalah terkandung dalam Kitab Allah (al-Quran) berkait dengan rahsia ilmu Yahudi dan rahsia berita mereka yang disimpan rapi oleh mereka. Juga mengandungi berita tentang nenek moyang mereka, berita tentang apa yang terkandung dalam kitab mereka yang hanya diketahui oleh para rahib dan ulama mereka saja, dan hal yang diubah oleh para pendahulu dan generasi penerus mereka yang berani mengubah hukum yang ada dalam kitab Taurat mereka. Maka Allah SWT memperlihatkan hal tersebut kepada Nabi-Nya, iaitu Nabi Muhammad SAW melalui kitab (al-Quran) yang diturunkan kepadanya. Maka sesungguhnya hal tersebut seharusnya merupakan tanda yang jelas bagi orang yang menyadari keadaan dirinya dan tidak membiarkan dirinya termakan oleh rasa dengki dan kesombongan yang membinasakannya.

Setiap orang yang memiliki fitrah yang sihat nescaya mereka akan membenarkan seperti apa yang didatangkan oleh Nabi Muhammad SAW, iaitu berupa ayat yang jelas. Bukti tersebut mempunyai ciri khas dihasilkan oleh beliau SAW tanpa melalui proses belajar yang dituntutnya dari seorang manusia; tidak pula mengambil sesuatu dari manusia seperti yang disebutkan oleh Ibn 'Abbas RA berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, *Dan sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu ayat yang jelas.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 99)

Allah SWT berfirman bahawa engkau membacaknya (al-Quran) kepada mereka dan memberitahukannya kepada mereka pada setiap pagi dan petang dan antara kedua-duanya, sedangkan dalam kalangan mereka engkau diketahui sebagai orang yang ummi (buta huruf), tetapi engkau memberitahukan kepada mereka semua hal yang ada dalam kalangan mereka sesuai dengan keadaan yang sesungguhnya. Allah SWT berfirman kepada mereka yang dalamnya terkandung pelajaran dan penjelasan, tetapi sekali gus menjadi hujah terhadap mereka, seandainya mereka mengetahui.

Ibn ‘Abbas menceritakan bahawa Ibn Suria al-Qatwayni berkata kepada Rasulullah SAW, “Hai Muhammad, engkau tidak mendatangi kepada kami sesuatu yang kami kenal, dan Allah SWT tidak menurunkan kepadamu suatu ayat pun yang jelas yang menyebabkan kami perlu mengikutimu.” Maka Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, “*Dan sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu ayat yang jelas; dan tidak ada yang ingkar kepadanya, melainkan orang yang fasik.* (Surah al-Baqarah, 2: 99)

Malik Ibn Saif, iaitu seorang Yahudi menyatakan ketika Rasulullah SAW menjadi utusan Allah SWT dan memperingatkan kepada mereka perjanjian yang diambil oleh Allah SWT atas diri mereka dan apa yang dijanjikan oleh Allah SWT kepada mereka berhubung dengan perkara Nabi Muhammad SAW. Dia berkata, “*Allah tidak menjanjikan kepada kami tentang Muhammad, dan Dia tidak mengambil janji apa pun atas diri kami.*” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya yang bermaksud, “*Patutkah (mereka ingkarkan ayat keterangan itu) dan patutkah tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia, dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka? Bahkan kebanyakan mereka tidak beriman.*” (Surah al-Baqarah, 2: 100).

Seterusnya, ayat yang bermaksud, “*Bahkan kebanyakan mereka tidak beriman.*” (Surah al-Baqarah, 2: 100). Al-Hasan al-Basri berkata, “*Memang benar, tiada suatu perjanjian pun di muka bumi ini yang mereka lakukan melainkan mereka pasti melanggar dan merosaknya. Mereka mengadakan perjanjian pada hari ini, dan esoknya mereka pasti melanggarnya. Menurut Al-Suddi, makna *la yu-minuna* (لَا يُؤْمِنُونَ) ialah “mereka tidak beriman dengan apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.”*

Qatadah menyatakan berhubung dengan makna firman-Nya yang bermaksud, “*dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka*” bahawa perjanjian itu dirosak oleh segolongan orang dalam kalangan mereka. Ibnu Jarir menyatakan bahawa asal makna *al-nabaz* (النَّبَذ) ialah membuang dan melemparkan. Oleh kerana itu, anak yang hilang disebut *manbuz* (المنبوذ), iaitu diambil dari kata *al-nabaz* (النَّبَذ) ini, dan disebut pula *nabiz*

(الفايد) bagi buah kurma serta buah anggur yang dimasukkan (dilemparkan) ke dalam air.

Kaum yang disebut dalam ayat ini dicela oleh Allah SWT kerana mereka merosakkan perjanjian mereka dengan Allah SWT sebagaimana yang disebutkan sebelumnya, iaitu mereka bersedia memegang dan mengamalkannya sesuai dengan apa yang sebenarnya. Ironinya, bahkan mereka menjadikan hal tersebut dengan pembohongan terhadap Rasul SAW yang diutus kepada mereka, juga kepada seluruh umat manusia. Padahal perihal Rasul tersebut termaktub dalam kitab mereka dengan penerangan yang jelas tentang sifat dan ciri khasnya serta beritanya dan mereka diperintahkan dalamnya agar mengikuti Rasul itu, mendokong, dan menolongnya. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalam firman-Nya:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا
عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْحَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي
كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۗ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ
وَاتَّبَعُوا التَّوْرَ الَّذِي أَنْزَلْنَا مَعَهُ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksud: Iaitu orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifatnya) dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik,

dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban dan belunggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itulah orang yang berjaya. (157)

(Surah *al-A'raf*, 7: 157)

Sedangkan dalam surat ini disebutkan oleh Allah SWT yang bermaksud, *“Dan apabila datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah (Nabi Muhammad SAW), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka, sebahagian dari orang yang diberikan Kitab itu melemparkan Kitab Allah ke belakang mereka, seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya). (101) (Surah al-Baqarah, 2: 101).*

Apa yang terjadi sebaliknya, segolongan dalam kalangan mereka melemparkan kitab yang ada di tangan mereka yang dalamnya terkandung berita gembira kedatangan Nabi Muhammad SAW. Dalam ayat ini disebutkan *wara' zuhurihim* (وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ), iaitu di belakang punggung mereka yang memberi makna mereka meninggalkannya seakan-akan mereka tidak mengetahui apa isinya. Sebagai gantinya mereka memusatkan perhatiannya untuk mempelajari sihir serta menjadi pengikutnya. Oleh kerana itu, mereka bermaksud mencelakakan Rasulullah SAW Lalu mereka menyihirnya melalui sisir, buntelan secarik kain, dan tandan kering pohon kurma yang disimpan di bawah batu di pinggir sumur Arwan. Orang yang melakukan hal ini dalam kalangan mereka adalah seorang lelaki yang dikenal dengan nama Labid bin A'sam, semoga laknat Allah SWT menimpa dirinya, dan semoga Allah SWT membinasakannya. Maka Allah SWT memperlihatkan hal tersebut kepada Rasulullah SAW dan menyembuhkannya serta menyelamatkannya dari sihir tersebut, seperti yang dinyatakan dalam kitab Sahihain secara panjang lebar dari Siti Aisyah RA Umm al-Mu'minin, yang hadisnya akan dibentangkan kemudian.

Al-Suddi menyatakan berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “ *Dan sesudah datang kepada mereka seorang rasul dari sisi Allah SWT yang membenarkan kitab yang ada pada mereka.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 101) Ketika Nabi Muhammad SAW datang kepada mereka, mereka menentangnya dengan kitab Taurat dan mendebatnya, tetapi pada akhirnya kitab Taurat selari dengan al-Quran. Lalu mereka meninggalkan kitab Taurat dan mengambil kitab *Asif* serta sihir Harut dan Marut, kerana tidak setuju dengan al-Quran. kerana itu, pada akhir ayat disebutkan: *seolah-olah mereka tidak mengetahui.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 101)

Qatadah menyatakan berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “ *Seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya).* (Surah *al-Baqarah*, 2: 101) Sesungguhnya kaum yang bersangkutan adalah orang yang mengetahui (bahawa al-Quran itu adalah kitab Allah), tetapi mereka menjauhi pengetahuan mereka dan menyembunyikannya serta mengingkarinya.

SURAH AL-BAQARAH (2: 102-103)

Dalam membahaskan bahagian tafsiran ini, pembahagian boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian tafsiran ayat berkaitan sihir dan pembahagian sihir.

Tafsiran Ayat Berkaitan Sihir

Allah SWT membongkar keingkaran kaum Bani Israil terhadap al-Quran dan meninggalkannya untuk memilih kitab sihir sebagai pegangan hidup akibat daripada sikap berpatah arang mereka terhadap Allah SWT, pemilihan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul terakhir, dan kebenaran al-Quran walaupun mereka mengetahui bahawa pilihan mereka itu akan menjerumuskan mereka ke lembah api neraka. Firman-Nya:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ
 سُلَيْمَانُ وَلَا كَنَّ الشَّيْطِينُ كَفَرُوا يَعْلَمُونَ النَّاسَ
 السِّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَرْوَتَ وَمَا
 يَعْلَمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا
 تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ
 وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ
 وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ
 اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلَبَسَ مَا شَرَوْا بِهِ
 أَنفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا
 لَمَثُوبَةٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّو كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksud: Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sibir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sibir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sibirnya) kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sibir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babylon, sedang

mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya).” Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua, iaitu ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui. (102) Dan kalau sebenarnya mereka itu tetap beriman dan bertaqwa (nescaya mereka akan mendapat pahala); sesungguhnya pahala dari sisi Allah itu adalah lebih baik, kalau mereka mengetahui. (103)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102-103)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/346) menjelaskan bahawa Sayidina Ibn ‘Abbas menyatakan tentang makna firman Allah SWT yang bermaksud, “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 102). Tersebutlah bahawa ketika kerajaan Nabi Sulaiman AS terlepas dari tangannya, maka murtadlah segolongan jin dan manusia. Lalu mereka mengikuti hawa nafsu mereka. Sesudah Allah SWT mengembalikan kerajaan kepada Nabi Sulaiman AS semula, maka orang ramai pun tunduk dan patuh sesuai dengan hukum agama seperti asalnya. Sesungguhnya Nabi Sulaiman AS berjaya menemukan kitab sihir mereka, lalu menguburnya di bawah singgasananya. Tidak lama kemudian Nabi Sulaiman AS meninggal dunia. Akan tetapi, manusia dan jin dapat menemukan kitab sihir tersebut sesudah Nabi Sulaiman AS wafat. Lalu mereka berkata, “Kitab inilah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Sulaiman,

tetapi Nabi Sulaiman AS menyembunyikannya.” Maka mereka mengambil kitab tersebut dan menjadikannya sebagai agama. Lalu turunlah firman Allah SWT, “Dan apabila datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah (Nabi Muhammad SAW), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka, sebahagian dari orang yang diberikan Kitab itu melemparkan Kitab Allah ke belakang mereka, seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya). (Surah *al-Baqarah*, 2: 101). Maka mereka mengikuti kemahuan hawa nafsu mereka yang dibacakan oleh syaitan, iaitu alat muzik dan permainan serta segala sesuatu yang melalaikan berzikir kepada Allah SWT. Kenyataan ini mirip dengan *athar* yang dikeluarkan oleh Imam (Al-Nasa’i, 1991: 10927):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: كَانَ أَصِفُ كَاتِبُ سُلَيْمَانَ، وَكَانَ يَعْلَمُ
 الْإِسْمَ "الْأَعْظَمَ"، وَكَانَ يَكْتُبُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ سُلَيْمَانَ
 وَيَدْفِنُهُ تَحْتَ كُرْسِيِّهِ، فَلَمَّا مَاتَ سُلَيْمَانَ أَخْرَجَهُ الشَّيَاطِينُ،
 فَكَتَبُوا بَيْنَ كُلِّ سَطْرَيْنِ سِحْرًا وَكُفْرًا، وَقَالُوا: هَذَا الَّذِي كَانَ
 سُلَيْمَانَ يَعْمَلُ بِهَا. قَالَ: فَأَكْفَرَهُ جُهَّالُ النَّاسِ وَسَبُّهُ، وَوَقَفَ
 عُلَمَاؤُهُمْ فَلَمْ يَزَلْ جُهَّالُهُمْ يَسُبُّونَهُ، حَتَّى أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى
 مُحَمَّدٍ ﷺ: (وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ
 وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا).

Maksud: *Ibn ‘Abbas yang menyatakan bahawa Asif adalah juru tulis Nabi Sulaiman. Dia adalah orang yang mengetahui Ism al-A’zam, dan mencatat segala sesuatu atas izin Nabi Sulaiman, lalu Nabi Sulaiman AS mengubur catatan tersebut di bawah singgasananya.*

Ketika Nabi Sulaiman AS wafat, catatan tersebut dikeluarkan oleh syaitan, lalu mereka menyisipkan catatan mengenai sihir dan kekufuran antara tiap dua barisnya. Mereka menyatakan, inilah yang dahulu diamalkan oleh Sulaiman. Ibn 'Abbas melanjutkan kisahnya, bahwa sesudah ada keterangan dari syaitan, maka orang yang tidak mengerti mengafirkan Nabi Sulaiman AS dan mencaci makinya, tetapi para ulama dalam kalangan mereka hanya diam. Orang yang bodoh dalam kalangan mereka terus-menerus mencaci maki Nabi Sulaiman, hingga Allah SWT menurunkan ayat berikut kepada Nabi Muhammad SAW, iaitu: Dan mereka mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan pada masa kerajaan Nabi Sulaiman AS (dan mereka menyatakan bahwa Nabi Sulaiman AS itu mengerjakan sihir), padahal Nabi Sulaiman AS tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). (Surah al-Baqarah, 2: 102)

(Al-Nasa'i)

Ibnu Jarir menjelaskan bahawa Ibn 'Abbas yang menceritakan riwayat berikut (Ibn Jarir, 2001: 1660; Al-Nasa'i, 1991: 10926):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: «كَانَ الَّذِي أَصَابَ سُلَيْمَانَ بْنَ دَاوُدَ فِي سَبَبِ أَنَّاسٍ مِنْ أَهْلِ امْرَأَةٍ يُقَالُ لَهَا: جَرَادَةٌ، وَكَانَتْ مِنْ أَكْرَمِ نِسَائِهِ عَلَيْهِ». قَالَ: «فَكَانَ هَوَى سُلَيْمَانَ أَنْ يَكُونَ الْحَقُّ لِأَهْلِ الْجَرَادَةِ فَيَقْضِي لَهُمْ، فَعُوقِبَ حِينَ لَمْ يَكُنْ هَوَاهُ فِيهِمْ وَاحِدًا». قَالَ: «وَكَانَ سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَدْخُلَ الْخَلَاءَ أَوْ يَأْتِيَ شَيْئًا مِنْ نِسَائِهِ أَعْطَى الْجَرَادَةَ حَاتَمَهُ. فَلَمَّا أَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَبْتَلِيَ سُلَيْمَانَ بِالَّذِي ابْتَلَاهُ بِهِ، أَعْطَى

الجُرَادَةَ ذَاتَ يَوْمٍ خَاتَمَهُ، فَجَاءَ الشَّيْطَانُ فِي صُورَةِ سُلَيْمَانَ. فَقَالَ لَهَا: «هَاتِي خَاتَمِي. فَأَخَذَهُ فَلَبِسَهُ، فَلَمَّا لَبِسَهُ دَانَتْ لَهُ الشَّيَاطِينُ وَالْجِنُّ وَالْإِنْسُ». قَالَ: «فَجَاءَهَا سُلَيْمَانَ فَقَالَ: هَاتِي خَاتَمِي.» فَقَالَتْ: «كَذَبْتَ، لَسْتُ بِسُلَيْمَانَ.» قَالَ: «فَعَرَفَ سُلَيْمَانَ أَنَّهُ بَلَاءٌ ابْتِي بِهِ.» قَالَ: فَانْطَلَقَتِ الشَّيَاطِينُ فَكَتَبَتْ فِي تِلْكَ الْأَيَّامِ كُتُبًا فِيهَا سِحْرٌ وَكُفْرٌ ثُمَّ دَفَنُوهَا تَحْتَ كُرْسِيِّ سُلَيْمَانَ، ثُمَّ أَخْرَجُوهَا فَفَرَّوْهَا عَلَى النَّاسِ، وَقَالُوا: «إِنَّمَا كَانَ سُلَيْمَانَ يَغْلِبُ النَّاسَ بِهَذِهِ الْكُتُبِ.» قَالَ: «فَبَرِئَ النَّاسُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَأَكْفَرُوهُ، حَتَّى بَعَثَ اللَّهُ مُحَمَّدًا ﷺ، فَأَنْزَلَ جَلَّ ثَنَاؤُهُ: (وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ) [البقرة: ١٠٢: ٢]، يَعْنِي الَّذِي كَتَبَ الشَّيَاطِينُ مِنَ السِّحْرِ وَالْكَفْرِ، (وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانَ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا) [البقرة: ١٠٢: ٢]، فَأَنْزَلَ اللَّهُ جَلَّ وَعَزَّ وَعَدَّزُهُ.»

Maksud: Tersebutlah bahawa Nabi Sulaiman AS apabila hendak memasuki kamar mandi atau menggauli salah seorang isterinya, terlebih dahulu ia menyerahkan cincinnya kepada pembantu pribadinya, iaitu seorang wanita. Ketika Allah SWT hendak menguji Nabi Sulaiman AS dengan ujian yang dikehendaki-Nya, maka pada suatu hari Nabi Sulaiman AS menyerahkan cincinnya kepada pembantunya. Lalu datanglah syaitan dalam rupa Nabi Sulaiman AS dan berkata kepada

pembantu Sulaiman, "Serahkanlah cincinku." Si pembantu menyerahkan cincin itu kepadanya, dan ia segera memakainya. Ketika syaitan memakainya, maka tunduklah semua syaitan, jin, dan manusia kepadanya. Ibn 'Abbas melanjutkan kisahnya, bahwa Nabi Sulaiman AS datang kepada pembantunya itu dan berkata kepadanya, "Berikanlah cincinku kepadaku." Si pembantu berkata, "Engkau dusta, engkau bukan Sulaiman." Maka sejak ketika itu Nabi Sulaiman AS mengetahui bahwa hal ini merupakan cubaan yang ditimpakan kepada dirinya. Ibn 'Abbas berkata bahwa pada hari (kekuasaannya itu) syaitan menulis berbagai macam kitab yang dalamnya terkandung sihir dan kekufuran, lalu mereka menguburnya di bawah singgasana Raja Sulaiman. (Sesudah Nabi Sulaiman AS wafat) mereka mengeluarkan kitab itu dan membacakannya di hadapan semua orang, lalu mereka berkata, "Sesungguhnya dahulu Nabi Sulaiman AS dapat berkuasa atas manusia melalui kitab ini." Ibn 'Abbas melanjutkan kisahnya, bahwa sesudah itu semua orang berlepas diri dari apa yang dilakukan oleh Nabi Sulaiman AS dan mengafirkannya. Sesudah Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW., maka diturunkan-Nyalah ayat berikut, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, "Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya)." (Surah al-Baqarah, 2: 102).

(Ibn Jarir dan Al-Nasa'i)

Ibnu Jarir menyatakan bahawa Imran, iaitu al-Haris yang menceritakan (Ibn Jarir, 2001: 1662):

بَيْنَا نَحْنُ عِنْدَ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا إِذْ جَاءَ رَجُلٌ فَقَالَ لَهُ: «مِنْ
أَيْنَ جِئْتَ؟» قَالَ: «مِنَ الْعِرَاقِ.» قَالَ: «مَنْ أَيُّهُ؟» قَالَ: «مِنَ
الْكُوفَةِ.» قَالَ: «فَمَا الْخَبْرُ؟» قَالَ: «تَرَكْتُهُمْ يَتَحَدَّثُونَ أَنَّ عَلِيًّا

خَارِجِ إِلَيْهِمْ.» فَفَزِعَ ثُمَّ قَالَ: «مَا تَقُولُ؟ لَا أَبَا لَكَ! لَوْ شَعَرْنَا مَا نَكَحْنَا نِسَاءَهُ، وَلَا قَسَمْنَا مِيرَاثَهُ، أَمَا إِنِّي سَأُحَدِّثُكُمْ عَنْ ذَلِكَ: إِنَّهُ كَانَتِ الشَّيَاطِينُ يَسْتَرْقُونَ السَّمْعَ مِنَ السَّمَاءِ، فَيَجِيءُ أَحَدُهُمْ بِكَلِمَةٍ حَقٌّ قَدْ سَمِعَهَا، فَإِذَا جَرَّبَ مِنْهُ صِدْقٌ كَذَبَ مَعَهَا سَبْعِينَ كَذِبَةً، قَالَ: «فَدَثَّرْتُهَا قُلُوبُ النَّاسِ. فَأَطْلَعَ اللَّهُ عَلَيْهَا سُلَيْمَانَ ﷺ، فَدَفَنَهَا تَحْتَ كُرْسِيِّهِ. فَلَمَّا نُوفِّيَ سُلَيْمَانُ، ﷺ، قَامَ شَيْطَانُ الطَّرِيقِ.» فَقَالَ: «أَفَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى كَنْزِهِ الْمَمْنَعِ الَّذِي لَا كَنْزَ لَهُ مِثْلُهُ؟ تَحْتَ الْكُرْسِيِّ. فَأَخْرَجُوهُ.» فَقَالُوا: «هَذَا سِحْرُهُ فَتَنَاسَخَا الْأُمَّمَ-حَتَّى بَقَايَاهَا مَا يَتَحَدَّثُ بِهِ أَهْلُ الْعِرَاقِ.» وَأَنْزَلَ اللَّهُ ﷻ: (وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا).

Maksud: Ketika kami berada di rumah Ibn 'Abbas RA., tiba-tiba datanglah seorang lelaki, lalu Ibn 'Abbas bertanya kepadanya, "Dari manakah kamu?" Lelaki itu menjawab, "Dari negeri Irak. Ibn 'Abbas bertanya, "Dari bahagian mana?" Lelaki menjawab, "Kufah." Ibn 'Abbas bertanya, "Bagaimanakah beritanya?" Lelaki menjawab, "Ketika aku meninggalkan mereka, mereka sedang hangat membicarakan bahawa Ali RA berangkat menuju ke arah mereka (untuk memerangi mereka)." Maka Ibn 'Abbas merasa bimbang dan menyatakan, "Tidak seharusnya kamu berkata demikian, hanya orang yang tidak berayah

yang menyatakan demikian. Seandainya kami percaya (dengan apa yang diberitakannya itu), pasti kami tidak mahu menikahi wanitanya, tidak pula membagikan harta warisannya. Ingatlah, sesungguhnya aku akan menceritakan kepada kamu tentang jawapan yang sebenarnya. Bahawa dahulu syaitan mencuri-curi berita di langit, lalu seseorang dari mereka datang membawa kalimat hak yang didengarnya; tetapi bila ia hendak sampaikan, maka ia mencampurinya dengan tujuh puluh pembbohongan.” Ibn ‘Abbas melanjutkan kisahnya, bahawa kalimat tersebut sempat memperoleh perhatian banyak orang hingga meresap ke dalam hati mereka. Maka Allah SWT memperlihatkan hal tersebut kepada Nabi Sulaiman AS, lalu Nabi Sulaiman AS menguburkannya di bawah kerusi singgasananya. Apabila Nabi Sulaiman AS wafat, syaitan jualan bangkit, lalu berkata, “Mahukan kamu aku tunjukkan kepada kamu simpanan terlarang yang tiada simpanan seperti simpanan itu? Ia berada di bawah kerusi singgasananya.” Lalu mereka mengeluarkannya, dan syaitan itu berkata, “Ini ilmu sihir.” Maka orang menggandakan catatan tersebut dari generasi ke generasi yang lain, hingga bakinya adalah yang sekarang hangat dibicarakan oleh penduduk Irak. Lalu Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya)..., hingga akhir ayat, (Surah al-Baqarah, 2: 102).

(Ibn Jarir)

Al-Suddi menyatakan tentang tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. (Surah al-Baqarah, 2: 102) dengan petikan athar berikut (Ibn Abi Hatim, 1998: 987; Ibn Jarir, 2001: 1646):

كَانَتِ الشَّيَاطِينُ تَصْعَدُ إِلَى السَّمَاءِ فَتَفْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ
لِلسَّمْعِ فَيَسْمَعُونَ كَلَامَ الْمَلَائِكَةِ فِيمَا يَكُونُ فِي الْأَرْضِ
مِنْ مَوْتٍ أَوْ غَيْبٍ أَوْ أَمْرٍ فَيَأْتُونَ الْكَهَنَةَ فَيُخْبِرُونَهُمْ،
فَتُحَدِّثُ الْكَهَنَةُ النَّاسَ فَيَجِدُونَهُ كَمَا قَالُوا، حَتَّى إِذَا
أَمَّنَتْهُمْ الْكَهَنَةُ كَذَبُوا لَهُمْ فَأَدْخَلُوا فِيهِ غَيْرَهُ فَزَادُوا مَعَ كُلِّ
كَلِمَةٍ سَبْعِينَ كَلِمَةً، فَكَتَبَ النَّاسُ ذَلِكَ الْحَدِيثَ فِي
الْكِتَابِ، وَفَشَا فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّ الْحِنَّ تَعْلَمُ الْغَيْبَ، فَبَعَثَ
سُلَيْمَانُ فِي النَّاسِ فَجَمَعَ تِلْكَ الْكِتَابَ فَجَعَلَهَا فِي صُنْدُوقٍ
ثُمَّ دَفَنَهَا تَحْتَ كُرْسِيِّهِ وَلَمْ يَكُنْ أَحَدٌ مِنَ الشَّيَاطِينِ
يَسْتَطِيعُ أَنْ يَدْنُو مِنَ الْكُرْسِيِّ إِلَّا احْتَرَقَ. لَا أَسْمَعُ أَحَدًا
يَذْكُرُ أَنَّ الشَّيَاطِينِ تَعْلَمُ الْغَيْبَ إِلَّا ضَرَبْتُ عُنُقَهُ. فَلَمَّا
مَاتَ سُلَيْمَانُ، وَذَهَبَتِ الْعُلَمَاءُ الَّذِينَ كَانُوا يَعْرِفُونَ أَمْرَ
سُلَيْمَانُ، وَخَلَفَ بَعْدَ ذَلِكَ خَلْفٌ، تَمَثَّلَ الشَّيْطَانُ فِي صُورَةِ
إِنْسَانٍ، ثُمَّ أَتَى نَفَرًا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ، فَقَالَ: «هَلْ أَدُلُّكُمْ
عَلَى كَنْزٍ لَا تَأْكُلُونَهُ أَبَدًا؟» قَالُوا: «نَعَمْ.» قَالَ: «فَاحْفَرُوا تَحْتَ
الْكُرْسِيِّ.» وَذَهَبَ مَعَهُمْ فَأَرَاهُمُ الْمَكَانَ. فَقَامَ نَاحِيَةً، فَقَالُوا

لَهُ: «فَادُنْ». قَالَ: «لَا وَلَكِنِّي هَاهُنَا فِي أَيِّدِكُمْ، فَإِنْ لَمْ تَحِدُوهُ فَاقْتُلُونِي.» فَحَفَرُوا فَوَجَدُوا تِلْكَ الْكُتُبَ، فَلَمَّا أَخْرَجُوهَا قَالَ الشَّيْطَانُ: «إِنَّ سُلَيْمَانَ إِنَّمَا كَانَ يَضِطُّ الْإِنْسَ وَالشَّيَاطِينَ وَالطَّيْرَ بِهَذَا السَّحْرِ.» ثُمَّ طَارَ فَذَهَبَ. وَفَشَا فِي النَّاسِ أَنَّ سُلَيْمَانَ كَانَ سَاحِرًا وَاتَّخَذَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تِلْكَ الْكُتُبَ. فَلَمَّا جَاءَهُمْ مُحَمَّدٌ ﷺ خَاصَمُوهُ بِهَا، فَذَلِكَ حِينَ يَقُولُ: (وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانَ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السَّحْرَ) [البقرة: ١٠٢:٢].

Maksud: Pada masa kerajaan Nabi Sulaiman AS. Tersebutlah bahawa syaitan sering naik ke langit, lalu sampai pada suatu kedudukan yang darinya mereka dapat mencuri pendengaran. Lalu mereka mencuri sebahagian dari perkataan para malaikat tentang apa yang bakal terjadi di bumi berkaitan perkara kematian, atau hal yang ghaib atau suatu kejadian. Kemudian syaitan itu menyampaikan hal tersebut kepada tukang tenung, lalu tukang tenung (juru ramal) menceritakan kepada manusia hal tersebut, dan ternyata kejadiannya mereka jumpai seperti apa yang dikatakan oleh para tukang tenung itu. Sesudah para juru ramal percaya kepada syaitan tersebut, maka syaitan itu mulai berdusta kepada mereka dan memasukkan hal yang lain ke dalam berita yang dibawanya; mereka menambah tujuh puluh kalimat (pembbohongan) pada setiap kalimatnya. Lalu orang mencatat berita bohong itu ke dalam buku hingga tersiarlah dalam kalangan Bani Israil bahawa jin mengetahui hal yang ghaib. Kemudian Nabi Sulaiman AS mengirinkan utusannya kepada semua orang untuk mengambil buku itu. Sesudah terkumpul, semua buku dimasukkan ke

dalam peti, lalu peti itu dikuburnya di bawah kerusi singgasananya. Tiada suatu syaitan pun yang berani mendekati ke kerusi tersebut melainkan ia pasti terbakar. Nabi Sulaiman AS berkata, "Tidak sekali-kali aku mendengar seseorang menyatakan bahawa syaitan itu mengetahui hal yang ghaib melainkan aku pasti menebas batang lehemya sebagai hukumannya." Sesudah Nabi Sulaiman AS wafat dan semua ulama yang mengetahui perihal Nabi Sulaiman AS tiada, lalu mereka diganti oleh generasi sesudahnya. Maka datanglah syaitan dalam bentuk seorang manusia. syaitan itu mendatangi segolongan kaum Bani Israil dan berkata kepada mereka, "Mahukan kamu aku tunjukkan kepada suatu perbendaharaan yang tidak akan habis kamu makan untuk selama-lamanya?" Mereka menjawab, "Tentu sahaja kami mahu." syaitan berkata, "Galilah tanah di bawah kerusi singgasananya." Syaitan pergi bersama mereka dan memperlihatkan tempat tersebut kepada mereka, sedangkan dia sendiri berdiri di salah satu tempat yang agak jauh dari tempat tersebut. Mereka berkata, "Hampirilah kamu ke sini." syaitan menjawab, "Tidak, aku hanya di sini sahaja dekat dengan kamu. Tetapi jika kamu tidak menemukannya, kamu boleh membunuhku." Mereka menggali tempat tersebut dan akhirnya mereka menjumpai kitab itu. Ketika mereka mengeluarkannya, syaitan berkata kepada mereka. "Sesungguhnya Nabi Sulaiman AS dapat menguasai dan mengatur manusia, syaitan, dan burung hanyalah melalui ilmu sihir ini." Sesudah itu syaitan tersebut terbang dan pergi. Maka mulai tersiarlah dalam kalangan manusia bahawa Nabi Sulaiman AS adalah ahli sihir, dan orang Bani Israil mengambil kitab itu. Ketika Nabi Muhammad SAW diutus oleh Allah, mereka mendebatnya dengan kitab tersebut, seperti yang dijelaskan oleh firman Allah SWT yang bermaksud, "Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya). (Surah al-Baqarah, 2: 102)

(Ibn Abi Hatim dan Ibn Jarir)

Al-Rabi' Ibn Anas menyatakan (Ibn Jarir, 2001: 1647):

إِنَّ الْيَهُودَ سَأَلُوا مُحَمَّدًا ﷺ زَمَانًا عَنْ أُمُورٍ مِنَ التَّوْرَةِ، لَا يَسْأَلُونَهُ عَنْ شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ إِلَّا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ مَا سَأَلُوهُ عَنْهُ فَيُخَصِّمُهُمْ. فَلَمَّا رَأَوْا ذَلِكَ قَالُوا: «هَذَا أَعْلَمُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْنَا مِنَّا.» وَإِنَّهُمْ سَأَلُوهُ عَنِ السِّحْرِ وَخَاصْمُوهُ بِهِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ ﷻ: (وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ) [البقرة: ١٠٢]. وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ عَمَدُوا إِلَىٰ كِتَابٍ فَكَتَبُوا فِيهِ السِّحْرَ وَالْكَهَانَ وَمَا شَاءَ اللَّهُ مِنْ ذَلِكَ، فَدَفَنُوهُ تَحْتَ مَجْلِسِ سُلَيْمَانَ، وَكَانَ سُلَيْمَانَ لَا يَعْلَمُ الْغَيْبَ، فَلَمَّا فَارَقَ سُلَيْمَانَ الدُّنْيَا اسْتَخْرَجُوا ذَلِكَ السِّحْرَ، وَخَدَعُوا بِهِ النَّاسَ وَقَالُوا: «هَذَا عَلِمَ كَانَ سُلَيْمَانَ يَكْتُمُهُ وَيَحْسُدُ النَّاسَ عَلَيْهِ.» فَأَخْبَرَهُمُ النَّبِيُّ ﷺ بِهِذَا الْحَدِيثِ. فَرَجَعُوا مِنْ عِنْدِهِ، وَقَدْ حَزَنُوا وَأَدْحَضَ اللَّهُ حُجَّتَهُمْ.»

Maksud: Sesungguhnya orang Yahudi pernah bertanya kepada Nabi Muhammad SAW di suatu masa mengenai hal yang terkandung dalam kitab Taurat, Tiada suatu pertanyaan pun darinya yang mereka ajukan melainkan Allah SWT menurunkan wahyu kepada baginda apa yang dijadikan senjata oleh baginda untuk membantah mereka. Sesudah mereka melihat jawapan tersebut, mereka berkata, “Orang ini lebih mengetahui daripada kami tentang apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada kami.” Sesungguhnya mereka menanyakan kepada Nabi SAW tentang ilmu sihir serta mendebatnya dengan ilmu tersebut.

Maka Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan mereka mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan pada masa kerajaan Nabi Sulaiman AS (dan mereka menyatakan bahawa Nabi Sulaiman AS itu mengerjakan sihir), padahal Nabi Sulaiman AS tidak kafir (mengerjakan sihir), hanya syaitan itulah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia. (Surah al-Baqarah, 2: 102). Sesungguhnya syaitan itu dengan sengaja membuat suatu kitab, lalu mereka mencatat ke dalamnya tentang sihir dan tenung serta hal yang dikehendaki oleh Allah SWT dari hal tersebut. Lalu mereka menguburnya di bawah kerusi singgasana Nabi Sulaiman, sedangkan Nabi Sulaiman AS sendiri tidak mengetahui hal yang ghaib. Sesudah Nabi Sulaiman AS wafat, lalu mereka (atas petunjuk syaitan) mengeluarkan buku sihir itu dan memperdaya manusia dengan kitab itu. Mereka menyatakan, “Kitab inilah yang dahulu disembunyikan oleh Sulaiman, ia menggunakannya untuk melampiaskan dengkiya terhadap manusia.” Maka Nabi SAW menceritakan kisah yang sesungguhnya, dan mereka (orang Yahudi itu) kembali ke tempat tinggalnya dari sisi baginda SAW dalam keadaan tidak berdaya kerana hujah mereka dipatahkan oleh wahyu Allah SWT.

(Ibn Jarir)

Mujahid menyatakan sehubungan dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman.” [Surah al-Baqarah, 2: 102](Ibn Jarir, 2001: 1647):

كَانَتِ الشَّيَاطِينُ تَسْتَمِعُ الْوَحْيَ مِنَ السَّمَاءِ، فَمَا سَمِعُوا مِنْ
كَلِمَةٍ زَادُوا فِيهَا مِثْلَهَا. وَإِنَّ سُلَيْمَانَ أَخَذَ مَا كَتَبُوا مِنْ ذَلِكَ
فَدَفَنَهُ تَحْتَ كُرْسِيِّهِ؛ فَلَمَّا نُؤْفِي وَجَدْتُهُ الشَّيَاطِينُ فَعَلَّمَتْهُ النَّاسَ.

Maksud: Dahulu syaitan sering mencuri-curi pendengaran dari wahyu, maka tidak sekali-kali mereka mendengar suatu kalimat pun dari wahyu itu melainkan mereka menambahkan kepadanya dua ratus kali lipat hal yang semisal dari diri mereka sendiri. Kemudian Nabi Sulaiman AS mengirimkan utusannya untuk mencatat hal tersebut. Sesudah Nabi Sulaiman AS wafat, maka syaitan menemukan catatan itu (iaitu ilmu sihir), lalu mereka mengajarkannya kepada manusia.

(Ibn Jarir)

Sa'id Ibn Jubair menyatakan (Ibn Jarir, 2001: 1659):

كَانَ سُلَيْمَانَ يَتَّبِعُ مَا فِي أَيْدِي الشَّيَاطِينِ مِنَ السَّحْرِ، فَيَأْخُذُهُ
فَيَدْفِنُهُ تَحْتَ كُرْسِيِّهِ فِي بَيْتِ خِزَانَتِهِ. فَلَمْ تَقْدِرِ الشَّيَاطِينُ
أَنْ يَصِلُوا إِلَيْهِ، فَدَنَّتْ إِلَى الْإِنْسِ، فَقَالُوا لَهُمْ: «أَتُرِيدُونَ الْعِلْمَ
الَّذِي كَانَ سُلَيْمَانَ يُسْحَرُ بِهِ الشَّيَاطِينُ وَالرِّيَّاحُ وَغَيْرَ ذَلِكَ؟»
قَالُوا: «نَعَمْ.» قَالُوا: «فَإِنَّهُ فِي بَيْتِ خِزَانَتِهِ وَتَحْتَ كُرْسِيِّهِ.
فَأَسْتَثَارَتْهُ الْإِنْسُ فَأَسْتَخْرَجُوهُ فَعَمِلُوا بِهِ.» فَقَالَ أَهْلُ الْحِجَازِ:
«كَانَ سُلَيْمَانَ يَعْمَلُ بِهِذَا وَهَذَا سِحْرٌ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ جَلَّ ثَنَاؤُهُ عَلَى
لِسَانِ نَبِيِّهِ مُحَمَّدٍ ﷺ بَرَاءَةَ سُلَيْمَانَ.» فَقَالَ: (وَاتَّبَعُوا مَا
تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ) [البقرة: ١٠٢: ٢]. الْآيَةَ،
فَأَنْزَلَ اللَّهُ بَرَاءَةَ سُلَيْمَانَ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّهِ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ.»

Maksud: Dahulu Nabi Sulaiman AS merampas semua ilmu sihir yang ada di tangan syaitan. Kemudian baginda kuburkan ilmu tersebut di bawah kerusi singgasananya, iaitu dalam gudangnya, hingga syaitan tidak dapat mencapainya. Kemudian syaitan mendekati manusia dan berkata kepada mereka, “Tabukah kamu ilmu apakah yang dipakai oleh Nabi Sulaiman AS untuk menundukkan syaitan, angin serta lain-lainnya?” Mereka menyetujui pendapat syaitan, lalu syaitan berkata kepada mereka, “Sesungguhnya kitab itu ada dalam gudang rumahnya, tepatnya di bawah kerusi singgasananya.” syaitan memujuk manusia untuk mengeluarkannya, lalu mengamalkannya. Orang Hijaz menyatakan bahawa dahulu Nabi Sulaiman AS mengerjakan ilmu sihir tersebut. Maka Allah SWT menurunkan kepada Nabi-Nya wahyu yang membersihkan nama Nabi Sulaiman AS dari sihir tersebut. Untuk itu Allah SWT berfirman, “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir.” (Surah al-Baqarah, 2: 102).

(Ibn Jarir)

Muhammad Ibn Ishaq Ibn Yasar menyatakan (Ibn Jarir, 2001: 1650):

عَمَدَتِ الشَّيَاطِينُ حِينَ عَرَفَتْ مَوْتَ سُلَيْمَانَ بْنِ دَاوُدَ ﷺ،
فَكَتَبُوا أَصْنَافَ السَّحْرِ: «مَنْ كَانَ يُحِبُّ أَنْ يَبْلُغَ كَذَا وَكَذَا،
فَلْيَفْعَلْ كَذَا وَكَذَا.» حَتَّى إِذَا صَنَعُوا أَصْنَافَ السَّحْرِ، جَعَلُوهُ
فِي كِتَابٍ. ثُمَّ خَتَمُوا عَلَيْهِ بِخَاتَمٍ عَلَى نَقِشِ خَاتَمِ سُلَيْمَانَ،

وَكُتِبُوا فِي عُنْوَانِهِ: «هَذَا مَا كَتَبَ آصَفُ بْنُ بَرْخِيَا الصَّدِيقُ
 لِلْمَلِكِ سُلَيْمَانَ بْنِ دَاوُدَ مِنْ ذَخَائِرِ كُنُوزِ الْعِلْمِ». ثُمَّ دَفَنُوهُ
 تَحْتَ كُرْسِيِّهِ، فَاسْتَخْرَجَتْهُ بَعْدَ ذَلِكَ بَقَايَا بَنِي إِسْرَائِيلَ
 حِينَ أَحَدَثُوا مَا أَحَدَثُوا، فَلَمَّا عَثَرُوا عَلَيْهِ قَالُوا: «مَا كَانَ
 سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ إِلَّا بِهِدَا». فَأَفْشُوا السَّحْرَ فِي النَّاسِ وَتَعَلَّمُوهُ
 وَعَلَّمُوهُ، فَلَيْسَ فِي أَحَدٍ أَكْثَرَ مِنْهُ فِي يَهُودَ. فَلَمَّا ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ
 ﷺ فِيمَا نَزَلَ عَلَيْهِ مِنَ اللَّهِ سُلَيْمَانَ بْنَ دَاوُدَ وَعَدَّهُ فِي مَنَ
 عَدَّهُ مِنَ الْمُرْسَلِينَ، قَالَ مَنْ كَانَ بِالْمَدِينَةِ مِنْ يَهُودَ: «أَلَا
 تَعَجَبُونَ لِمُحَمَّدٍ ﷺ يَزْعُمُ أَنَّ سُلَيْمَانَ بْنَ دَاوُدَ كَانَ نَبِيًّا.
 وَاللَّهِ مَا كَانَ إِلَّا سَاحِرًا». فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِي ذَلِكَ مِنْ قَوْلِهِمْ عَلَى
 مُحَمَّدٍ ﷺ: (وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا
 كَفَرَ سُلَيْمَانٌ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ
 السَّحْرَ) [البقرة: ١٠٢: ٢].

Maksud: Sesudah syaitan mengetahui kewafatan Nabi Sulaiman bin Nabi Dawud AS, maka dengan sengaja mereka menulis berbagai macam ilmu sihir. Dalamnya dicatatkan bahawa barang siapa yang ingin mencapai sekian dan sekian, hendaklah ia melakukan ini dan itu. Sesudah semuanya terhimpun, lalu mereka mencatatkannya ke dalam sebuah buku, lalu mereka cop dengan memakai cop seperti cop Nabi Sulaiman. Mereka mencatat judulnya dengan kalimat sebagai berikut:

“Inilah semua yang dicatat oleh Asif bin Barkhia, teman rapat Nabi Sulaiman AS bin Dawud AS dalamnya terkandung perbendaharaan berbagai ilmu yang jarang-jarang ada.” Kemudian mereka mengubur buku tersebut di bawah kerusi singgasana bekas Nabi Sulaiman. Tidak lama kemudian buku tersebut digali oleh sebahagian Bani Israil. Sesudah menemukannya, mereka berkata, “Demi Allah, kerajaan Nabi Sulaiman AS hanyalah tertegak melalui ilmu ini.” Lalu mereka menyebarkan ilmu sihir dalam kalangan manusia, mempelajarinya, juga mengajarkannya. Maka tiada sesuatu pun dari ilmu sihir itu dimiliki oleh seseorang melainkan orang Yahudi jauh lebih banyak darinya. Ketika Rasulullah SAW menyebutkan antara wahyu yang diturunkan kepadanya dari Allah SWT mengenai diri Nabi Sulaiman bin Nabi Dawud AS dan menyebutnya sebagai salah seorang dalam kalangan rasul Allah, maka orang Yahudi yang ada di Madinah menyatakan, “Tidakkah kamu hairan dengan apa yang dikatakan oleh Muhammad ini. Dia mengatakan bahawa Nabi Sulaiman AS bin Dawud adalah seorang nabi. Demi Allah, tiada lain Nabi Sulaiman AS itu hanyalah seorang ahli sihir.” Maka berhubung dengan hal tersebut Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, “Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) (Surah al-Baqarah, 2: 102) hingga akhir ayat.”

(Ibn Jarir)

Ibnu Jarir menyatakan bahawa Shar bin Hawshab yang menceritakan (Ibn Jarir, 2001: 1666):

لَمَّا سَلَبَ سُلَيْمَانَ مُلْكُهُ كَانَتِ الشَّيَاطِينُ تَكْتُبُ السَّحْرَ
فِي غَيْبَةِ سُلَيْمَانَ، فَكَتَبَتْ: «مَنْ أَرَادَ أَنْ يَأْتِيَ كَذَا وَكَذَا

فَلْيَسْتَقْبِلِ الشَّمْسَ وَلْيَقُلْ كَذَا وَكَذَا، وَمَنْ أَرَادَ أَنْ يَفْعَلَ
 كَذَا وَكَذَا فَلْيَسْتَدْبِرِ الشَّمْسَ وَلْيَقُلْ كَذَا وَكَذَا. فَكَتَبَتْهُ
 وَجَعَلَتْ عُنْوَانَهُ: «هَذَا مَا كَتَبَ آصِفُ بْنُ بَرِّخْيَا لِلْمَلِكِ
 سُلَيْمَانَ بْنِ دَاوُدَ مِنْ ذِخَائِرِ كُنُوزِ الْعِلْمِ» ثُمَّ دَفَنْتَهُ تَحْتَ كُرْسِيِّهِ.
 فَلَمَّا مَاتَ سُلَيْمَانَ قَامَ إِبْلِيسُ حَظِيبًا، فَقَالَ: «يَا أَبَيْهَا النَّاسُ
 إِنَّ سُلَيْمَانَ لَمْ يَكُنْ نَبِيًّا، وَإِنَّمَا كَانَ سَاحِرًا، فَالْتَمِسُوا
 سِحْرَهُ فِي مَتَاعِهِ وَبُيُوتِهِ. ثُمَّ دَلَّهُمْ عَلَى الْمَكَانِ الَّذِي دُفِنَ فِيهِ،
 فَقَالُوا: «وَاللَّهِ لَقَدْ كَانَ سُلَيْمَانَ سَاحِرًا، هَذَا سِحْرُهُ، بِهِذَا
 تَعْبَدْنَا، وَبِهِذَا فَهَرْنَا. فَقَالَ الْمُؤْمِنُونَ: «بَلْ كَانَ نَبِيًّا مُؤْمِنًا،
 فَلَمَّا بَعَثَ اللَّهُ النَّبِيَّ مُحَمَّدًا ﷺ جَعَلَ يَذْكُرُ الْأَنْبِيَاءَ حَتَّى
 ذَكَرَ دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ، فَقَالَتِ الْيَهُودُ: «انظُرُوا إِلَى مُحَمَّدٍ يَخْلِطُ
 الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ، يَذْكُرُ سُلَيْمَانَ مَعَ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّمَا كَانَ سَاحِرًا
 يَرْكَبُ الرِّيحَ. فَأَنْزَلَ اللَّهُ عُذْرَ سُلَيْمَانَ: (وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا
 الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ) [البقرة: ١٠٢: ٢].

Maksud: Ketika kerajaan Nabi Sulaiman AS dirampas dari tangannya, maka selama Nabi Sulaiman AS tiada, syaitan mencatat ilmu sihir. syaitan tersebut mencatat bahawa barang siapa yang ingin mendapatkan sekian-sekian, hendaklah ia menghadap ke arah matahari dan

mengucapkan mantera ini dan itu. Barang siapa yang hendak melakukan sekian-sekian, hendaklah ia membelakangi matahari dan mengucapkan mantera ini dan itu. syaitan itu mencatat semuanya dan menamakan catatannya itu dengan suatu judul, iaitu, "Inilah yang dicatat oleh Asif bin Barkhia buat Raja Nabi Sulaiman bin Dawud AS, mengandung perbendaharaan rahsia ilmu yang terpendam." Ketika Nabi Sulaiman AS mengetahui kitab catatan itu, maka ia menguburnya di bawah kerusi singgasananya. Sesudah Nabi Sulaiman AS meninggal dunia, iblis berdiri lalu berkhotbah dengan menyatakan, "Hai manusia, sesungguhnya Nabi Sulaiman AS itu bukanlah seorang nabi, melainkan seorang penyihir. Maka carilah ilmu sihirnya itu antara barang miliknya dan rumahnya." Kemudian iblis menunjukkan kepada mereka tempat Nabi Sulaiman AS menguburkan kitab tersebut. Maka mereka berkata, "Demi Allah, sesungguhnya Nabi Sulaiman AS adalah seorang penyihir. Inilah sihirnya. Dengan sihir ini kita diperhambakan, dan dengan sihir ini kita dikalahkan." Orang yang beriman menyatakan, "Tidak, bahkan dia adalah seorang nabi lagi Mukmin." Ketika Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW dan baginda SAW menceritakan perihal Nabi Dawud dan Nabi Sulaiman AS, maka orang Yahudi menyatakan, "Lihatlah oleh kamu Muhammad ini, dia mencampuradukkan antara yang hak dengan yang batil. Dia menyebut Nabi Sulaiman AS tergolong dalam kalangan para nabi, padahal sesungguhnya Nabi Sulaiman AS hanyalah tukang sihir yang dapat menaiki angin." Maka Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman. Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) (Surah al-Baqarah, 2: 102).

(Ibn Jarir)

Ibnu Jarir menyatakan menceritakan satu riwayat daripada Abu al-Mijlaz (Ibn Jarir, 2001: 1661):

أَخَذَ سُلَيْمَانَ مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ عَهْدًا، فَإِذَا أُصِيبَ رَجُلٌ فَسُئِلَ
بِذَلِكَ الْعَهْدِ خَلِيٍّ عَنْهُ، فَرَأَى النَّاسَ السَّجْعَ وَالسَّحْرَ،
وَقَالُوا: هَذَا كَانَ يَعْمَلُ بِهِ سُلَيْمَانٌ؛ فَقَالَ اللَّهُ جَلَّ ثَنَاؤُهُ: (وَمَا
كَفَرَ سُلَيْمَانٌ وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ
السَّحْرَ) [البقرة: ١٠٢:٢].

Maksud: Nabi Sulaiman AS mengikat binatang melata dengan sebuah janji. Untuk itu apabila seorang lelaki memperolehnya (dalam perang), lalu Nabi Sulaiman AS memintanya, maka ia harus menyerahkannya. Maka orang menambah sajak dan sihir, lalu mereka berkata, "Inilah yang diamankan oleh Nabi Sulaiman AS bin Dawud." Maka Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, "Padahal Nabi Sulaiman AS tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) (Surah al-Baqarah, 2: 102).

(Ibn Jarir)

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 983) menyatakan bahawa al-Hasan menceritakan tentang tafsiran firman Allah SWT yang bermaksud, "Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan (Surah al-Baqarah, 2: 102):

ثُلُثُ الشَّعْرِ، وَثُلُثُ السَّحْرِ، وَثُلُثُ الْكِهَانَةِ.

Maksud: Sepertiganya berisikan syair, sepertiganya lagi berisikan sihir, sedangkan sepertiga yang terakhir berisikan ramalan.

(Ibn Abi Hatim)

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 986) menambah dari al-Hasan berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, “*Dan mereka mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan pada masa kerajaan Sulaiman* (Surah *al-Baqarah*, 2: 102):

وَاتَّبَعْتُهُ الْيَهُودُ عَلَىٰ مُلْكِهِ. وَكَانَ السَّحْرُ قَبْلَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ
لَمْ يَزَلْ بِهَا، وَلَكِنَّهُ إِنَّمَا اتَّبَعَ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ.

Maksud: *Orang Yahudi mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan itu pada masa kerajaan Nabi Sulaiman. Sebelum itu ilmu sihir memang ada di muka bumi ini, tetapi baru diikuti hanya pada masa kerajaan Nabi Sulaiman.*

(Ibn Abi Hatim)

Demikianlah perbincangan para imam terdahulu sehubungan dengan makna ayat ini. Tetapi pada garis besarnya tidak samar lagi kesemuanya dapat digabungkan menjadi suatu kesimpulan, dan pada hakikatnya antara pendapat tersebut tidak ada pertentangan, menurut pandangan orang yang mempunyai pemahaman yang mendalam.

Manakala huraian tafsiran ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/350) dengan beliau memulakan perbincangan tafsir dalam Firman Allah SWT berikut:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكِ سُلَيْمَانَ ^ط

Maksud: *Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran sihir yang dibacakan oleh puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Apa yang dimaksudkan dengan mereka ialah orang Yahudi yang diberi al-kitab (Taurat). Hal ini terjadi sesudah mereka berpaling dari ajaran kitab tersebut yang ada di tangan mereka dan sesudah mereka menentang Rasulullah SAW dan sesudah kesemuanya itu mereka mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan. Yang dimaksud dengan bacaan syaitan ialah riwayat, berita, dan kisah yang dibacakan oleh syaitan pada masa era kerajaan Nabi Sulaiman AS. Dalam ungkapan ini kata kerja *tatlu* (تَتْلُو) adalah kata kerja muta'addi dengan huruf 'ala (على) kerana dalamnya terkandung pengertian membaca secara dusta.

Imam Ibn Jarir (2001: 2/367) menyatakan bahawa huruf 'ala (على) dalam ayat ini mengandungi makna sama dengan huruf *fi* (في), iaitu *tatlu fi mulki Sulaiman* (تَتْلُو فِي مُلْكِ سُلَيْمَانَ), yang bererti, "Yang dibacakan oleh syaitan dalam kerajaan Sulaiman." Ibn Jarir menukil pendapat ini dari Ibn Juraij dan Ibn Ishaq. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/350), dalam ayat ini terkandung makna *tadammun* (لَا تَضْمُنُ), iaitu yang terkandung pengertian membaca dan berdusta adalah lebih baik dan lebih utama.

Mengenai pendapat al-Hasan al-Basri yang menyatakan bahawa pada masa dahulu sebelum masa Nabi Sulaiman bin Nabi Dawud AS, sihir itu memang sudah wujud dan pendapat ini memang benar dan tidak diragukan lagi. Hal ini demikian kerana tukang sihir banyak didapati pada zaman Nabi Musa AS, sedangkan zaman Nabi Sulaiman bin Dawud AS sesudah itu, seperti yang dijelaskan oleh firman-Nya:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الْمَلَأِ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ بَعْدِ مُوسَى إِذِ
قَالُوا لِنَبِيِّهِمْ لَهُمْ أَوْعَتْ لَنَا مِلْكًا نُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ

هَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ أَلَّا تُقَاتِلُوا
 وَمَا لَنَا أَلَّا نُقَاتِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَدْ أَخْرَجَنَا مِنْ
 دِيَارِنَا وَأَبْنَائِنَا فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ تَوَلَّوْا إِلَّا
 قَلِيلًا مِّنْهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٢٤٦﴾

Maksud: Tidakkah engkau ketahui (wahai muhammad), tentang (kisah) ketua dari Bani Israil sesudah (wafatnya) Nabi Musa, ketika mereka berkata kepada seorang Nabi mereka, “Lantiklah seorang raja untuk kamu, supaya boleh kami berperang (bersama-sama dengannya) pada jalan Allah.” Nabi mereka menjawab, “Tidakkah harus, jika kamu kelak diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang?” Mereka berkata, “Mengapa pula kami tidak akan berperang pada jalan Allah, sedang kami diusir dari kampung halaman kami, dan (dari) anak-anak kami?” Maka apabila perang itu diwajibkan atas mereka, mereka membelakangkan kewajiban itu kecuali sebahagian kecil dari mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan orang yang zalim. (246)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 246).

Kemudian dalam kisah selanjutnya disebutkan melalui firman-Nya:

وَقَتَلَ دَاوُدُ جَالُوتَ وَعَاتَهُ اللَّهُ الْمَلِكَ
 وَالْحِكْمَةَ

Maksud: *Dan Nabi Dawud (yang turut serta dalam tentera Talut membunuh Jalut. Dan (sesudah itu) Allah memberikan kepadanya (Nabi Dawud) kuasa pemerintahan, dan hikmat (pangkat kenabian).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 251)

Sedangkan kaum Nabi soleh AS yang merupakan kaum sebelum Nabi Ibrahim AS juga ada berkata kepada Nabi mereka, iaitu Nabi Salih bagi membuktikan kewujudan ilmu sihir ini, seperti yang dinyatakan oleh firman-Nya:

قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ ﴿١٥٣﴾

Maksud: *Mereka menjawab, "Sesungguhnya engkau ini hanyalah salah seorang dari golongan yang kena sihir! (153)*

(Surah *al-Shu'ara'*, 26: 153)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/350), pendapat yang masyhur bahawa lafaz al-Musahharin (المُسَحَّرِينَ) bererti al-Mashurin (المُسْحُورِينَ), iaitu orang yang terkena sihir.

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/350) menyambung perbincangan tafsiran dengan firman Allah SWT berikut:

وَمَا أَنْزَلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَرْوَتَ وَمَا يَعْلَمَانِ
 مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ﴿١٥٤﴾
 فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَرَوْجِهِ ﴿١٥٥﴾

Maksud: *Dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babylon (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)." Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua, iaitu ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya (102)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Para ulama berbeza berpendapat berhubung dengan takwil ayat ini. Sebahagian dari mereka menyatakan bahawa huruf *ma* (مَا) adalah *nafiyah*, iaitu huruf *ma* yang terdapat dalam firman-Nya, (وَمَا أَنْزَلَ عَلَىٰ مَلَائِكَةٍ) yang akan membawa maksud, "*Dan tidak diturunkan kepada dua malaikat.*" Kenyataan ini disokong oleh Imam Al-Qurtubi (2003: 2/50) menyatakan bahawa *ma* (مَا) adalah *nafiyah* yang di'atafkan kepada firman-Nya, (وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ) "*Wa ma kafara Sulaimanu.*" Selanjutnya dalam ayat berikut disebutkan:

وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنزِلَ

Maksud: *akan tetapi puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa tidak diturunkan.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Perkataan *wama inzila* (وَمَا أَنْزَلَ) merujuk kepada sihir kerana dahulu orang Yahudi mempercayai bahawa ilmu sihir tersebut diturunkan oleh Malaikat Jibril dan Mikail. Maka Allah SWT membantah pembohongan mereka itu melalui firman-Nya bahawa yang menurunkannya ialah *Harut* dan *Marut* (هَارُوتَ وَمَارُوتَ). Oleh itu, Kedudukan kedua-dua lafaz ini menjadi badal dari lafaz *al-shayatin* (الشَّيَاطِينَ). Selanjutnya Imam al-Qurtubi

menyatakan, hal seperti ini dinilai sah kerana adakalanya jamak itu disebut dengan lafaz yang menunjukkan pengertian dua, seperti pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT:

فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ

Maksud: *Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik).*

(Surah *al-Nisa*, 4: 11)

Atau kerana kedua-dua mereka mempunyai banyak pengikut, atau kedua-dua mereka diutamakan dalam sebutan antara mereka kerana kedua-dua mereka sangat jahat. Bentuk kalimat secara lengkap menurut al-Qurtubi ialah seperti berikut, “*Mereka mengajarkan sihir kepada manusia di Babylon, iaitu Harut dan Marut.*” Kemudian al-Qurtubi menyatakan, “Takwil inilah yang menurut pendapatku merupakan takwil yang paling utama dan paling sahih pada ayat ini, sedangkan yang lainnya tidak perlu diperhatikan lagi.”

Imam Ibn Jarir (2001: 2/331) meriwayatkan athar daripada Ibn ‘Abbas berhubung dengan tafsiran firman Allah SWT yang bermaksud, “*dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babylon (Babylon).* (Surah *al-Baqarah*, 2: 102), hingga akhir ayat bahawa Ibn ‘Abbas menyatakan yang Allah SWT sebenarnya tidak menurunkan sihir. Kenyataan yang sama juga seperti yang dikeluarkan oleh al-Rabi’ bin Anas. Oleh itu, Ibn Jarir menyatakan bahawa takwil ayat ini seperti berikut:

Dan mereka mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan pada masa zaman kerajaan Sulaiman, iaitu berupa ilmu sihir, padahal Nabi Sulaiman AS tidak menggunakan sihir dan Allah SWT pun tidak pernah menurunkan ilmu sihir kepada dua malaikat, hanya syaitanlah

yang kafir. Mereka mengajarkan ilmu sihir pada manusia di negeri Babylon, iaitu Harut dan Marut.”

Dengan demikian, bererti lafaz *biBabylona haruta wa maruta* (بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ) termasuk lafaz yang diakhirkan, tetapi maknanya didahulukan. Seterusnya Imam Ibn Jarir menyatakan bahawa seandainya ada seseorang bertanya, “Apakah alasan yang membolehkan taqdim (pendahuluan) tersebut?” Sebagai jawabannya ialah dikemukakan bahawa takwil ayat seperti berikut:

Dan mereka mengikuti apa yang dibacakan oleh syaitan pada masa kerajaan Sulaiman, iaitu berupa ilmu sihir, padahal Nabi Sulaiman AS tidak kafir (tidak mengamalkan sihir), tidak pula Allah SWT menurunkan ilmu sihir kepada dua malaikat, hanya syaitanlah yang kafir. Mereka mengajarkan ilmu sihir kepada manusia di Babylon, iaitu Harut dan Marut.”

Lafaz *malakayni* dimaksudkan adalah Malaikat Jibril dan Malaikat Mikail AS, kerana para ahli sihir orang Yahudi menurut berita yang tersiar dalam kalangan mereka mempercayai bahawa Allah SWT menurunkan ilmu sihir melalui lisan Jibril dan Mikail yang disampaikan kepada Nabi Sulaiman AS bin Dawud. Maka Allah SWT mendustakan tuduhan yang mereka sebarkan itu, dan memberitahukan kepada Nabi Muhammad SAW bahawa Jibril dan Mikail sama sekali tidak pernah menurunkan ilmu sihir. Dan Allah SWT membersihkan Nabi Sulaiman AS dari tuduhan bahawa baginda mempraktikkan ilmu sihir yang mereka sebarkan itu. Hal ini sekali gus, Allah SWT memberitahukan kepada orang Yahudi bahawa sihir itu merupakan perbuatan syaitan. Syaitanlah yang mengajarkannya kepada manusia di Babylon. Orang yang mengajarkan sihir kepada mereka adalah dua orang lelaki, salah seorangnya bernama Harut, sedangkan yang lain adalah Marut.

Berdasarkan takwil ini bererti Harut dan Marut adalah nama manusia, sekali gus sebagai bantahan terhadap apa yang mereka tuduhkan terhadap kedua-dua malaikat, iaitu Jibril dan Mikail.

Selain itu, Imam Ibn Abi Hatim (1998: 997) menyatakan bahawa beliau pernah menceritakan riwayat Atiyah:

وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ قَالَ: مَا أُنزِلَ عَلَى جِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ السَّحْرِ.

Maksud: *Allah SWT sama sekali tidak menurunkan ilmu sihir kepada Malaikat Jibril dan Malaikat Mikail.*

(*Ibn Abi Hatim*)

Begitu juga, Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1000) menyatakan bahawa Abd al-Rahman bin Abza selalu membaca ayat berikut dengan bacaan:

كَانَ يَقْرُوهَا وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ.

Maksud: *Bahawa beliau membacanya dengan bacaan:*

وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَائِكَةِ دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ

Erti: Dan tidak diturunkan kepada kedua-dua malaikat terhadap Nabi Dawud dan Nabi Sulaiman.

(*Ibn Abi Hatim*)

Abu al-'Aliyah menyatakan bahawa Allah SWT tidak menurunkan ilmu sihir kepada kedua-dua mereka, iaitu Nabi Dawud dan Nabi Sulaiman AS. Kedua-dua mereka hanya mengajarkan tentang keimanan dan memperingatkan agar menjauhi kekufuran, sedangkan sihir termasuk perbuatan dan amalan kufur. Kedua-dua mereka juga selalu melarang perbuatan kufur dengan larangan yang sangat keras. Demikianlah menurut riwayat (Ibn Abi Hatim, 1998: 1/185).

Kemudian Imam Ibn Jarir (2001: 2/232) melanjutkan kata-katanya sehubungan dengan bantahannya terhadap pendapat Imam al-Qurtubi

tadi, bahawa huruf *ma* (ما) dalam ayat ini bermakna *al-lazi* (الَّذِي). Kemudian beliau membahasnya dengan pembahasan yang panjang lebar. Beliau juga percaya bahawa Harut dan Marut adalah dua malaikat yang diturunkan ke bumi oleh Allah SWT. Bahkan Allah SWT mengizinkan kedua-dua-kedua-dua mereka untuk mengajarkan ilmu sihir sebagai satu bentuk cubaan buat para hamba-Nya. Hal ini sekali gus sebagai ujian kepada mereka sesudah Allah SWT menjelaskan kepada hamba-Nya melalui lisan rasul-Nya bahawa melakukan sihir itu merupakan perbuatan terlarang. Imam Ibn Jarir percaya bahawa Harut dan Marut dalam mengajarkan ilmu sihir tersebut dianggap sebagai malaikat yang taat. Hal ini kerana kedua-dua mereka dalam rangka melaksanakan perintah Allah SWT. Namun menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/352) bahawa pendapat yang dibentangkan oleh Imam Imam Ibn Jarir (2001: 2/232) ini sangat gharib. Namun ada pendapat yang lebih gharib lagi dari itu, iaitu pendapat orang yang menyatakan bahawa Harut dan Marut adalah dua kabilah dalam kalangan makhluk jin, seperti yang dikatakan oleh Ibn Hazm. Ada juga pendapat lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1002) yang daripada al-Dahhak bin Muzahim bahawa kedua-dua mereka adalah dua orang kafir dalam kalangan penduduk negeri Babylon. Alasan yang dipegang oleh orang yang berpendapat demikian ialah bahawa *al-inzal* (الْإِنزَال) di sini bermakna menciptakan, bukan menurunkan seperti pengertian yang terkandung di dalam firman Allah SWT lainnya, iaitu:

وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ الْأَنْعَامِ ثَمَنِيَةَ أَزْوَاجٍ

Maksud: *Dan Ia mengadakan untuk kamu binatang ternak delapan ekor.*

(Surah *al-Zumar*, 39: 6)

Begitu juga dengan firman Allah SWT berikut:

وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ

Maksud: *Dan kami menciptakan besi dengan keadaannya mengandung kekuatan yang handal.*

(Surah *al-Hadid*, 57: 25)

Makna yang sama juga boleh dilihat dalam firman Allah SWT berikut:

وَيُنَزِّلُ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا

Maksud: *Dan yang menciptakan (untuk jasmani kamu) sebab rezeki dari langit.*

(Surah *Gafir*, 40: 13)

Kenyataan makna *anzal* sebagai menciptakan juga terdapat dalam sebuah hadis disebutkan seperti berikut (Al-Bukhari, 2001: 5678):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Tidak sekali-kali Allah SWT menciptakan penyakit melainkan Dia menciptakan pula ubat penawarnya.*

(Al-Bukhari)

Hal ini sebagaimana dikatakan dalam suatu pepatah,

أَنْزَلَ اللَّهُ الْحَيْرَ وَالشَّرَّ

Maksud: *Allah menciptakan kebaikan dan keburukan.*

Imam Al-Qurtubi (2003: 2/50) meriwayatkan melalui Ibn ‘Abbas, Ibn Abza, dan al-Hasan al-Basri, bahawa mereka semua pernah membaca ayat ini seperti berikut, (وَمَا أَنْزَلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ), iaitu dengan huruf lam pada (الْمَلَكَيْنِ) yang dikasrahkan. Ibn Abza menyatakan, yang dimaksud dengan al-*malikaini* adalah Dawud dan Sulaiman. Imam Qurtubi menyatakan bahawa dengan bacaan ini bererti huruf *ma* ialah nafiyah. Ulama lainnya berpendapat mewaqafkan pada firman-Nya, “*Yu‘allimuna al-nas al-sihra,*” (يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ) sedangkan huruf *ma* adalah nafiyah.

Imam Ibn Jarir (2001: 1678) menyatakan dari al-Qasim bin Muhammad ketika ditanya mengenai takwil firman-Nya oleh seorang lelaki, iaitu, kerana merekalah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babylon (Babylon).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 102):

يُعَلِّمَانِ النَّاسَ مَا أَنْزَلَ عَلَيْهِمَا، أَمْ يُعَلِّمَانِ النَّاسَ مَا لَمْ
يُنزَلْ عَلَيْهِمَا؟ قَالَ الْقَاسِمُ: مَا أُبَالِي أَيَّتَهُمَا كَانَتْ

Maksud: *Bahawa kedua-dua mereka adalah dua orang lelaki, mereka mengajarkan kepada manusia apa yang diturunkan kepada kedua-dua mereka. Menurut yang lainnya, kedua-dua mereka mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diturunkan kepada kedua-dua mereka. Al-Qasim bin Muhammad menyatakan, “Aku tidak pedulikan lagi mana yang dimaksud antara kedua-dua mereka.”*

(Ibn Jarir)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/352), kebanyakan ulama Salaf berpendapat bahwa Harut dan Marut adalah dua malaikat dari langit, dan bahwa kedua-dua mereka diturunkan ke bumi, kemudian terjadilah apa yang dialami oleh kedua-dua mereka. Kisah kedua-dua mereka itu disebutkan dalam hadis Imam Ahmad nanti. Berdasarkan pengertian ini, berarti dari penggabungan antara pendapat ini dengan dalil yang menyatakan bahwa para malaikat itu terpelihara dari kesalahan dapat disimpulkan bahwa peristiwa yang dialami oleh kedua-dua malaikat ini sejak zaman azali diketahui oleh ilmu Allah SWT. Dengan demikian, berarti peristiwa ini merupakan kekhususan bagi kedua-dua mereka. Maka tidak ada pertentangan pada kedua-dua dalilnya, seperti juga yang diketahui oleh ilmu Allah SWT mengenai perkara Iblis dalam keterangan tafsir yang terdahulu (Jasmi, 2018). Tidak bertentangan pula dengan pendapat yang menyatakan bahwa pada awalnya iblis merupakan segolongan dari malaikat, sebagaimana yang disebutkan oleh firman-Nya:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى

Maksud: *Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat, "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam." Lalu mereka sekamunya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 34)

Juga dengan ayat lainnya yang menunjukkan makna tersebut. Tetapi perlu diingat bahwa apa yang dilakukan oleh Harut dan Marut, yaitu apabila ditinjau dari kisah kedua-dua mereka, maka jauh lebih ringan daripada apa yang dialami oleh iblis yang dilaknat Allah SWT. Hal ini diriwayatkan oleh al-Qurtubi, dari Ali, Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Ibn

Umar, Ka'b al-Ahbar, al-Suddi, dan al-Kalbi. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 6178):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ: أَنَّهُ سَمِعَ نَبِيَّ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «إِنَّ
 آدَمَ ﷺ لَمَّا أَهْبَطَهُ اللَّهُ إِلَى الْأَرْضِ». قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ: «أَيُّ
 رَبِّ (أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ
 نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِيَّيَّيْ أَعَلِمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ)
 [البقرة: ٣٠:٢].» قَالُوا: «رَبَّنَا، نَحْنُ أَطْوَعُ لَكَ مِنْ بَنِي آدَمَ.»
 قَالَ اللَّهُ تَعَالَى لِلْمَلَائِكَةِ: «هَلُمُّوا مَلَائِكِينَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ
 حَتَّى نُهْبِطَهُمَا إِلَى الْأَرْضِ، فَنَنْظُرَ كَيْفَ يَعْمَلَانِ؟» قَالُوا:
 «بَرَبَّنَا، هَارُوتَ وَمَارُوتَ.» فَأُهْبِطَا إِلَى الْأَرْضِ وَمِثَلَتْ لَهُمَا
 الزُّهْرَةُ امْرَأَةً مِنْ أَحْسَنِ الْبَشَرِ، فَجَاءَتْهُمَا، فَسَأَلَاهَا نَفْسَهَا.
 فَقَالَتْ: «لَا وَاللَّهِ حَتَّى تَتَكَلَّمَا بِهَذِهِ الْكَلِمَةِ مِنَ الْإِشْرَاقِ.»
 فَقَالَا: «وَاللَّهِ لَا نُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا أَبَدًا.» فَذَهَبَتْ عَنْهُمَا ثُمَّ
 رَجَعَتْ بِصَبِيٍّ تَحْمِلُهُ، فَسَأَلَاهَا نَفْسَهَا. فَقَالَتْ: «لَا وَاللَّهِ
 حَتَّى تَقْتُلَا هَذَا الصَّبِيَّ.» فَقَالَا: «لَا وَاللَّهِ لَا نَقْتُلُهُ أَبَدًا.» ثُمَّ
 ذَهَبَتْ فَرَجَعَتْ بِقَدَحِ خَمْرٍ تَحْمِلُهُ، فَسَأَلَاهَا نَفْسَهَا. فَقَالَتْ:
 «لَا وَاللَّهِ حَتَّى تَشْرَبَا هَذَا الْخَمْرَ.» فَشَرَبَا فَسَكِرَا، فَوَفَّعَا

عَلَيْهَا، وَقَتَلَا الصَّيِّ. فَلَمَّا أَفَاقَا قَالَتِ الْمَرْأَةُ: «وَاللَّهِ مَا تَرَكْتُمَا شَيْئًا أَبِيئْتُمَاهُ عَلَيَّ إِلَّا قَدْ فَعَلْتُمَاهُ حِينَ سَكْرَتُمَا.»
فَخَيْرَا بَيْنَ عَذَابِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، فَاخْتَارَا عَذَابَ الدُّنْيَا.»

Maksud: *Abdullah bin Umar RA menceritakan bahawa beliau pernah mendengar Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya Adam AS ketika diturunkan oleh Allah SWT ke bumi, para malaikat berkata, "Wahai Tuhan, mengapa Engkau bendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau?" Tuhan berfirman, "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui." Mereka bermaksud, "Wahai Tuhan kami, kami lebih taat kepada-Mu daripada Bani Adam." Allah SWT berfirman kepada para malaikat, "Datangkanlah dua malaikat oleh kamu untuk Kami turunkan ke bumi, lalu Kami lihat apa yang akan dikerjakan oleh kedua-dua mereka." Mereka berkata, "Wahai Tuhan kami, Harut dan Marut." Kemudian kedua-dua mereka diturunkan ke bumi, dan diciptakan bagi kedua-dua mereka Zahrab, iaitu seorang wanita yang paling cantik pada masanya. Lalu Zahrab datang kepada kedua-dua mereka, maka kedua-dua mereka meminta agar Zahrab menyerahkan diri kepadanya. Zahrab menjawab, "Tidak, demi Allah, sebelum kamu berdua mengucapkan kalimat ini (yang mengandung makna kemusyrikan)." Kedua-dua malaikat itu menjawab, "Tidak, demi Allah, kami tidak mahu menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu pun untuk selamanya." Zahrab pergi dari kedua-dua mereka, lalu kembali lagi dengan membawa seorang bayi lelaki yang digendongnya. Kedua-dua malaikat itu meminta Zahrab agar menyerahkan diri kepada kedua-dua mereka, maka Zahrab menjawab, "Tidak, demi Allah, sebelum kamu berdua membunuh bayi kecil ini." Kedua-dua mereka menjawab, "Tidak, demi Allah, kami tidak akan membunuhnya selamanya." Zahrab pergi meninggalkan kedua-dua mereka, lalu*

kembali lagi dengan membawa sebuah wadah yang berisikan arak. Ketika kedua-dua mereka meminta agar ia menyerahkan diri kepada kedua-dua mereka, maka ia menjawab, "Tidak, demi Allah, sebelum kamu berdua meminum arak ini." Kedua-dua mereka meminum arak itu hingga mabuk, dan akhirnya kedua-dua mereka menggauli Zahrah, lalu membunuh anak kecil itu." Ketika kedua-dua mereka sadar, si wanita itu, iaitu Zahrah berkata kepada kedua-dua mereka, "Demi Allah, tiada sesuatu pun" yang pada mulanya kamu berdua menolak kepadaku tidak mahu melakukannya, melainkan sekarang kamu melakukannya pada ketika kamu berdua mabuk." Akhirnya kedua-dua malaikat itu disuruh memilih antara azab di dunia dan azab di akhirat, maka kedua-dua mereka memilih azab di dunia.

(Ahmad)

Imam Ibn Jarir (2001: 1688) menyatakan daripada riwayat Nafi', iaitu Nafi' menceritakan:

سَافَرْتُ مَعَ ابْنِ عُمَرَ، فَلَمَّا كَانَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ، قَالَ: «يَا نَافِعُ انظُرْ طَلَعَتِ الْحُمْرَاءُ.» قَالَهَا مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا. ثُمَّ قُلْتُ: «قَدْ طَلَعَتْ.» قَالَ: «لَا مَرْحَبًا وَلَا أَهْلًا.» قُلْتُ: «سُبْحَانَ اللَّهِ نَجْمٌ مُسَخَّرٌ سَامِعٌ مُطِيعٌ؟» قَالَ: «مَا قُلْتُ لَكَ إِلَّا مَا سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.» وَقَالَ: «قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ الْمَلَائِكَةَ قَالَتْ: «يَا رَبِّ كَيْفَ صَبْرُكَ عَلَى بَنِي آدَمَ فِي الْخَطَايَا وَالذُّنُوبِ؟» قَالَ: «إِنِّي ابْتَلَيْتُهُمْ وَعَافَيْتُهُمْ.» قَالُوا: «لَوْ كُنَّا

مَكَانَهُمْ مَا عَصَيْنَاكَ.» قَالَ: فَاخْتَارُوا مَلَكَيْنِ مِنْكُمْ. قَالَ:
«فَلَمْ يَأْلُوا أَنْ يَخْتَارُوا، فَاخْتَارُوا هَارُوتَ وَمَارُوتَ.»

Maksud: Aku pernah bermusafir bersama Ibn Umar. Ketika malam hari sampai pada penghujung waktunya, Ibn Umar berkata, “Hai Nafi’, lihatlah apakah bintang merah terbit?” Aku menjawab, “Belum,” sebanyak dua atau tiga kali. Kemudian aku katakan, “Ia terbit.” Ibn Umar menjawab, “Tiada selamat terbit dan tiada selamat datang baginya.” Aku berkata, “Subhanallah (Maha Suci Allah), bintang itu diciptakan dalam keadaan tunduk dan taat (kepada perintah Allah).” Ia menjawab bahawa tidak sekali-kali ia menyatakan demikian melainkan sesudah ia mendengar Rasulullah SAW bersabda kepadanya menceritakan kisah berikut, “Sesungguhnya para malaikat pernah berkata, “Wahai Tuhan, bagaimanakah Engkau sabar terhadap Bani Adam yang gemar melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa itu?” Allah SWT berfirman, “Sesungguhnya Aku menimpakan cubaan kepada mereka, sedangkan kamu Aku bebaskan dari cubaan.” Mereka berkata, “Seandainya kami menggantikan mereka, nescaya kami tidak akan berdosa kepada-Mu.” Allah SWT berfirman, “Pilihlah oleh kamu dua malaikat dalam kalangan kamu.” Maka mereka mengerahkan segala kemampuannya untuk melakukan pilihan, akhirnya mereka memilih Harut dan Marut.

(Ibn Jarir)

Riwayat ini pun sangat gharib, dan yang lebih dekat kepada kebenaran dalam hal ini ialah yang bersumber dari riwayat Abdullah bin Umar dan Ka’ab RA (Ibn Jarir, 2001: 1684; Al-Bayhaqi, 2003: 6269):

ذَكَرَتِ الْمَلَائِكَةُ أَعْمَالَ بَنِي آدَمَ وَمَا يَأْتُونَ مِنَ الذُّنُوبِ،
فَقِيلَ لَهُمْ: «اخْتَارُوا مِنْكُمْ اثْنَيْنِ.» وَقَالَ الْحَسَنُ بْنُ يَحْيَى

فِي حَدِيثِهِ: «اخْتَارُوا مَلَائِكِينَ فَاخْتَارُوا هَارُوتَ وَمَارُوتَ. فَقِيلَ لَهُمَا: «إِنِّي أُرْسِلُ إِلَى بَنِي آدَمَ رُسُلًا، وَلَيْسَ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ رَسُولٌ، أَنْزِلَا لَا تُشْرِكَا بِي شَيْئًا، وَلَا تَزْنِيَا، وَلَا تَشْرَبَا الْخَمْرَ.» قَالَ كَعْبٌ: «قَوْلَ اللَّهِ مَا أَمْسِيَا مِنْ يَوْمِهِمَا الَّذِي أُهْبِطَ فِيهِ إِلَى الْأَرْضِ، حَتَّى اسْتَكْمَلَا جَمِيعَ مَا نُهِيَا عَنْهُ.» وَقَالَ الْحَسَنُ بْنُ يَحْيَى فِي حَدِيثِهِ: «فَمَا اسْتَكْمَلَا يَوْمَهُمَا الَّذِي أَنْزِلَا فِيهِ حَتَّى عَمِلَا مَا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِمَا.»

Maksud: Para malaikat membicarakan tentang amal perbuatan anak Adam dan dosa yang dilakukan mereka. Maka dikatakan kepada para malaikat, "Pilihlah dua malaikat dalam kalangan kamu." Lalu mereka memilih Harut dan Marut, dan Allah SWT berfirman kepada kedua-dua mereka, "Sesungguhnya Aku akan mengirimmkan para rasul kepada Bani Adam, tetapi antara Aku dan kamu berdua tidak ada rasul. Turunlah kamu berdua (ke bumi); janganlah kamu sekutukan Aku dengan sesuatu pun, jangan berzina, dan jangan minum arak." Ka'ab melanjutkan kisahnya, "Demi Allah, tidak sekali-kali kedua-dua mereka mengalami petang hari pada hari mereka diturunkan ke bumi, melainkan kedua-dua mereka sempurna mengerjakan semua hal yang kedua-dua mereka dilarang melakukannya." Sedangkan al-Hasan bin Yahya dalam hadisnya menjelaskan, "Maka tidaklah kedua-dua mereka menyempurnakan hari mereka turun ke dunia sehinggalah mereka melakukan apa yang Allah SWT haramkan kepada kedua-dua mereka."

(Ibn Jarir dan al-Bayhaqi)

Terdapat juga riwayat athar yang lain yang menceritakan tentang athar yang menceritakan Harut, Marut dan Zahrah, iaitu riwayat berikut (Ibn Jarir, 2001: 1683):

عَنْ عَمْرِو بْنِ سَعِيدٍ، قَالَ سَمِعْتُ عَلِيًّا، يَقُولُ: «كَانَتْ
الرُّهْرَةُ امْرَأَةً جَمِيلَةً مِنْ أَهْلِ فَارِسَ، وَإِنَّهَا خَاصَمَتْ إِلَى
الْمَلَائِكِينَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ فَرَاوَدَاهَا عَنْ نَفْسِهَا، فَأَبَتْ إِلَّا
أَنْ يُعَلِّمَاهَا الْكَلَامَ الَّذِي إِذَا تَكَلَّمَ بِهِ يَعْرُجُ بِهِ إِلَى السَّمَاءِ.
فَعَلَّمَاهَا فَتَكَلَّمَتْ فَعَرَجَتْ إِلَى السَّمَاءِ فَمَسِخَتْ كَوْكَبًا.»

Maksud: 'Amr bin Sa'id berkata, "Ali RA menceritakan athar berikut: Zahrah adalah seorang wanita cantik dalam kalangan penduduk negeri Parsi. Sesungguhnya ia pernah mengadukan suatu perkara kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut. Akan tetapi, Harut dan Marut merayunya agar mahu menyerahkan diri kepada kedua-dua mereka. Ia menolak ajakan tersebut, kecuali bila kedua-dua mereka mengajarkan kepadanya suatu mantera yang bila dibacakan oleh seseorang, maka ia dapat terbang naik ke langit. Lalu kedua-dua mereka mengajarkan mantera itu kepadanya, dan ia segera membacanya. Maka naiklah ia ke langit, tetapi sesudah itu ia dikutuk (oleh Allah SWT.) menjadi sebuah bintang (iaitu bintang Zahrah atau Venus).

(Ibn Jarir)

Satu athar yang lain pula ada menjelaskan dengan lebih lanjut tentang Malaikat Harut dan Marut (Ibn Jarir, 2001: 1682):

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ وَابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُمَا، قَالَا: «لَمَّا كَثُرَ بَنُو آدَمَ وَعَصَوْا، دَعَتِ الْمَلَائِكَةُ عَلَيْهِمُ وَالْأَرْضُ وَالسَّمَاءُ وَالْجِبَالُ: «رَبَّنَا أَلَا تُهْلِكُهُمْ؟» فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَى الْمَلَائِكَةِ: «إِنِّي لَوْ أَنْزَلْتُ الشَّهْوَةَ وَالشَّيْطَانَ مِنْ قُلُوبِكُمْ وَنَزَلْتُمْ لَفَعَلْتُمْ أَيضًا.» قَالَ: «فَحَدِّثُوا أَنْفُسَهُمْ أَنْ لَوْ ابْتُلُوا اعْتَصَمُوا.» فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِمْ أَنْ اخْتَارُوا مَلَكَ مِنْ أَفْضَلِكُمْ. فَاخْتَارُوا هَارُوتَ وَمَارُوتَ، فَأُهْبِطَا إِلَى الْأَرْضِ وَأُنزِلَتِ الزَّهْرَةُ إِلَيْهِمَا فِي صُورَةِ امْرَأَةٍ مِنْ أَهْلِ فَارِسَ، وَكَانَ أَهْلُ فَارِسَ يُسَمُّونَهَا بَيْدَخَتْ قَالَ: فَوَقَعَا بِالْحَطِيئَةِ، فَكَانَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَعْفِرُونَ لِلَّذِينَ آمَنُوا. (رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا) [غافر: ٧:٤٠]. فَلَمَّا وَقَعَا بِالْحَطِيئَةِ اسْتَعْفَرُوا لِمَنْ فِي الْأَرْضِ: (أَلَا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ) [الشورى: ٥:٤٢] فَخَيْرًا بَيْنَ عَذَابِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ فَاخْتَارَا عَذَابَ الدُّنْيَا.»

Maksud: Ibn Mas'ud dan Ibn 'Abbas berkata, "Ketika Bani Adam bertambah banyak jumlahnya dan mereka sering melakukan maksiat, maka para malaikat, bumi, dan gunung-gunung mendoakan kebinasaan bagi mereka, "Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau tangguhkan mereka." Maka Allah SWT berfirman kepada para malaikat, "Sesungguhnya Aku lenyapkan dari hati kamu nafsu berahi dan syaitan, sedangkan dalam hati mereka Aku jadikan nafsu berahi dan syaitan.

Seandainya kamu menduduki tempat mereka, nescaya kamu pun akan melakukan hal yang sama.” Maka dalam hati para malaikat terdetik kata-kata yang menyatakan, “Seandainya mereka diuji, nescaya mereka akan berteguh hati.” Maka Allah SWT berfirman kepada mereka, “Pilihlah dua malaikat dalam kalangan malaikat yang paling utama dari kamu.” Lalu mereka memilih Harut dan Marut, kemudian kedua-dua mereka diturunkan ke bumi. Lalu Zahrah diturunkan dalam rupa seorang wanita cantik dalam kalangan penduduk negeri Parsi yang dikenal oleh mereka dengan sebutan Baizakhat. Akhirnya kedua-dua malaikat itu terjerumus ke dalam perbuatan yang berdosa. Pada mulanya malaikat selalu memohonkan ampunan buat orang yang beriman sahaja (seraya mengucapkan), “Wahai Tuhan kami, rahmat dan ilmu Engkau meliputi segala sesuatu... (surah al-Shura, 40: 5) hingga akhir ayat, akan tetapi, sesudah kedua-dua malaikat tersebut terjerumus ke dalam perbuatan dosa, maka mereka memohonkan ampun buat semua orang yang berada di muka bumi (seraya mengucapkan), “Ingatlah, bahawa sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Surah al-Mu'min, 42: 7). Lalu kedua-dua mereka disuruh memilih antara azab di dunia dan azab di akhirat, maka kedua-dua mereka memilih azab di dunia..

(Ibn Jarir)

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1007) menceritakan dari Mujahid yang menceritakan athar berikut:

كُنْتُ نَازِلًا عَلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ فِي سَفَرٍ فَلَمَّا كَانَ ذَاتَ
 لَيْلَةٍ قَالَ لِغُلَامِهِ: «انْظُرْ طَلَعَتِ الْحُمْرَاءُ لَا مَرْحَبًا بِهَا وَلَا
 أَهْلًا وَلَا حَيَاهَا اللَّهُ هِيَ صَاحِبَةُ الْمَلَائِكِينَ.» قَالَتْ
 الْمَلَائِكَةُ: «رَبِّ كَيْفَ تَدْعُ عُصَاةَ بَنِي آدَمَ وَهُمْ يَسْفِكُونَ

الدَّمِ الْحَرَامِ، وَيَنْتَهَكُونَ مَحَارِمَكَ، وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ؟
 قَالَ: «إِنِّي قَدْ ابْتَلَيْتُهُمْ فَلَعَلِّي إِنْ ابْتَلَيْتُكُمْ بِمِثْلِ الَّذِي
 ابْتَلَيْتُهُمْ بِهِ فَعَلْتُمْ كَالَّذِي يَفْعَلُونَ.» قَالُوا: «لَا.» قَالَ:
 «فَاخْتَارُوا مِنْ خِيَارِكُمْ اثْنَيْنِ، فَاخْتَارُوا هَارُوتَ وَمَارُوتَ
 فَقَالَ لَهُمَا إِنِّي مُهْبِطُكُمَا إِلَى الْأَرْضِ وَعَاهِدُ إِلَيْكُمَا أَنْ لَا
 تُشْرِكَا وَلَا تَزْنِيَا، وَلَا تَخُونَا.» فَأُهْبِطَا إِلَى الْأَرْضِ، وَالْقَى
 عَلَيْهِمَا الشَّبَقَ وَأُهْبِطَتْ لَهُمَا الزُّهْرَةُ فِي أَحْسَنِ صُورَةِ امْرَأَةٍ
 فَتَعَرَّضَتْ لَهُمَا فَأَرَادَاهَا عَنْ نَفْسِهِمَا، فَقَالَتْ: «إِنِّي عَلَى دِينِ
 لَا يَصْلُحُ لِأَحَدٍ أَنْ يَأْتِيَنِي إِلَّا مَنْ كَانَ عَلَى مِثْلِهِ.» قَالَا: «وَمَا
 دِينُكَ؟» قَالَتْ: «الْمَجُوسِيَّةُ.» قَالَا: «الشَّرْكُ هَذَا شَيْءٌ لَا
 نَقْرِبُهُ.» فمكثت عنهما ما شاء الله ثمَّ تَعَرَّضَتْ لَهُمَا،
 فَأَرَادَاهَا عَنْ نَفْسِهِمَا، فَقَالَتْ: «مَا سِئْتُمَا غَيْرَ أَنْ لِي زَوْجًا
 وَأَنَا أَكْرَهُ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيَّ هَذَا مِنِّي فَأَفْتَضِحَ فظنَّ أَقْرَبْتُمَا لِي
 بِدِينِي وَشَرَطْنَا لِي أَنْ تَصْعَدَا إِلَى السَّمَاءِ فَعَلْت.» فَأَقْرَاهَا
 بِدِينِهَا وَأَتْيَاهَا فِيمَا يَرِيَانِ ثُمَّ صَعِدَا بِهَا إِلَى السَّمَاءِ، فَلَمَّا
 انْتَهَيَا بِهَا إِلَى السَّمَاءِ اخْتُطِفَتْ مِنْهُمَا وَقُطِعَتْ أَجْنِحَتُهُمَا

فَوَقَعَا خَافِئَيْنِ نَادِمَيْنِ يَبْكِيَانِ، وَفِي الْأَرْضِ نَبِيٌّ يَدْعُوا بَيْنَ
الْجُمُعَتَيْنِ، فَإِذَا كَانَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أُحِيبَ. فَقَالَا: «لَوْ أَتَيْنَا فُلَانًا
فَسَأَلْنَاهُ يَطْلُبُ لَنَا التَّوْبَةَ فَأَتَيْاهُ.» فَقَالَ: «رَحِمَكُمَا اللَّهُ كَيْفَ
يَطْلُبُ أَهْلُ الْأَرْضِ لِأَهْلِ السَّمَاءِ؟» قَالَا: «إِنَّا قَدْ ابْتُلِينَا.»
قَالَ: «إِنِّي بَانِي فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ.» فَأَتَيْاهُ فَقَالَ: «مَا أُجِبْتُ فِيكُمْ
بِشَيْءٍ إِثْتِيَانِي فِي الْجُمُعَةِ الثَّانِيَةِ. فَأَتَيْاهُ فَقَالَ: اخْتَارَا فَقَدْ
خَيْرْتُمَا إِنْ أَحْبَبْتُمَا مُعَاقِبَةَ الدُّنْيَا وَعَذَابَ الْآخِرَةِ، وَإِنْ
أَحْبَبْتُمَا فَعَذَابَ الدُّنْيَا وَأَنْتُمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى حُكْمِ اللَّهِ.»
فَقَالَ أَحَدُهُمَا: «الدُّنْيَا لَمْ يَمُضْ مِنْهَا إِلَّا قَلِيلٌ.» وَقَالَ
الْآخَرُ: «وَيَحْكُ إِنِّي قَدْ أَطَعْتُكَ فِي الْأَمْرِ الْأَوَّلِ فَأَطِيعِي الْآنَ.
إِنَّ عَذَابًا يَفْنَى لَيْسَ كَعَذَابِ يَبْقَى. وَإِنَّا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى
حُكْمِ اللَّهِ. فَأَخَافُ أَنْ يُعَذَّبَنَا.» قَالَ «لَا، إِنِّي لِأَرْجُو إِنْ
عَلِمَ اللَّهُ أَنَّا قَدْ اخْتَرْنَا عَذَابَ الدُّنْيَا مَخَافَةَ عَذَابِ الْآخِرَةِ
أَنْ لَا يَجْمَعَهُمَا عَلَيْنَا.» قَالَ: «فَاخْتَارُوا عَذَابَ الدُّنْيَا فَجَعَلَا
فِي بَكَرَاتٍ مِنْ حَدِيدٍ فِي قَلْبِ مَمْلُوءَةٍ مِنْ نَارٍ، عَالِيَهُمَا سَافِلَهُمَا.»

Maksud: Aku turun istirahat di rumah Abdullah bin Amr dalam
suatu perjalananku. Ketika datang suatu malam, beliau berkata kepada

pelayannya, “Lihatlah apakah bintang Hamra’ terbit? Tiada selamat datang dan tiada selamat terbit buatnya, dan semoga Allah SWT tidak menghidupkannya lagi; dia adalah teman wanita dari dua malaikat.” Ibnu Umar melanjutkan kisahnya bahawa pada mulanya para malaikat berkata, “Wahai Tuhan kami, mengapa Engkau biarkan sahaja orang dosa dalam kalangan Bani Adam itu? Mereka gemar mengalirkan darah secara haram, mengerjakan hal yang diharamkan oleh-Mu, dan membuat kerosakan di muka bumi.” Allah SWT berfirman, “Sesungguhnya Aku menimpakan cubaan terhadap mereka. Barangkali jika Aku timpakan kepada kamu cubaan yang sama seperti cubaan yang Aku timpakan kepada mereka, maka kamu pun akan melakukan seperti apa yang dilakukan oleh mereka itu.” Mereka menjawab, “Tidak mungkin.” Allah SWT berfirman, “Pilihlah oleh kamu dua malaikat yang terkemuka dari kamu.” Maka mereka memilih Harut dan Marut. Allah SWT berfirman kepada kedua-dua mereka, “Sesungguhnya Aku akan menurunkan kamu berdua ke bumi dan mengadakan perjanjian dengan kamu, bahawa kamu tidak boleh melakukan kesyirikan, tidak boleh berzina, dan tidak boleh khianat.” Kedua-dua malaikat itu diturunkan ke bumi dan Allah SWT memberinya nafsu syahwat, lalu Allah SWT pun menurunkan Zahrah bersama kedua-dua mereka dalam rupa seorang wanita yang paling cantik. Zahrah menampilkan dirinya kepada kedua-dua mereka, maka kedua-dua mereka merayu kepada Zahrah agar menyerahkan diri kepada kedua-dua mereka. Tetapi Zahrah berkata, “Sesungguhnya aku adalah pemeluk suatu agama yang melarang seseorang mendatangkiku kecuali jika orang itu seagama denganku,” Kedua-dua mereka bertanya, “Apakah agamamu?” Zahrah menjawab, “Majusi.” Kedua-dua mereka berkata, “Agama musyrik. Agama ini sama sekali tidak kami akui.” Maka Zahrah pergi meninggalkan kedua-dua mereka selama masa yang dikehendaki oleh Allah SWT. Kemudian Zahrah memunculkan dirinya lagi kepada kedua-dua mereka, lalu kedua-dua mereka merayunya agar menyerahkan diri kepada kedua-dua mereka, tetapi Zahrah menjawab, “Aku mahu menuruti kehendak kamu berdua, hanya sahaja aku mempunyai suami dan aku tidak suka bila suamiku nanti mengetahui perbuatanku yang akibatnya rahsiaku akan terbongkar. Akan tetapi, jika kamu berdua berjanji

kepadaku mahu masuk agamaku dan mengajarkan kepadaku cara naik ke langit, nescaya aku akan memenuhi kemahuanmu.” Kedua-dua mereka memasuki agama wanita itu dan mendatanginya seperti apa yang dikehendaki oleh kedua-dua mereka. Sesudah itu kedua-dua mereka membawa Zahrah naik ke langit. Tetapi sesudah mereka sampai di langit, wanita itu diculik dari tangan kedua-dua mereka, dan sayap kedua-dua mereka dipotong hingga akhirnya kedua-dua mereka terjatuh ke bumi dalam keadaan takut, menyesal, dan menangisi perbuatan mereka. Pada masa itu di bumi terdapat seorang nabi yang selalu memanjatkan doa antara dua Jumaat. Apabila datang hari Jumaat berikutnya, maka doanya diperkenankan. Kedua-dua mereka berkata, “Sebaiknya kita datang kepada si Fulan (nabi tersebut), lalu kita meminta kepadanya agar sudi memohonkan taubat buat kita.” Kedua-dua mereka datang kepada nabi itu, lalu si nabi berkata, “Semoga Allah SWT mengasihani kamu berdua, mana mungkin penduduk bumi memohonkan taubat buat penduduk langit?” Kedua-dua mereka berkata, “Sesungguhnya kami tertimpa cubaan.” Nabi tersebut berkata, “Kalau demikian, datanglah kamu berdua pada hari Jumaat.” Pada hari Jumaat kedua-dua mereka datang kepada nabi itu, dan nabi berkata, “Aku masih belum dikabulkan barang sedikit pun buat kamu berdua. Sebaiknya kamu datang lagi kepadaku pada hari Jumaat berikutnya.” Maka kedua-dua mereka datang kepadanya pada Jumaat berikutnya. Nabi itu berkata, “Kamu berdua harus memilih, kerana sesungguhnya kamu disuruh memilih salah satu antara dua alternatif. Kamu boleh memilih selamat di dunia dan azab di akhirat. Atau jika kamu suka, boleh memilih azab di dunia, sedangkan di akhirat urusan kamu berdua berada di tangan kekuasaan Allah SWT.” Salah satu dari kedua-dua mereka berkata, “Sesungguhnya masa yang dilalui oleh dunia baru sebentar.” Yang lain menyatakan, “Celakalah kamu, sesungguhnya aku pada mulanya mahu menuruti kemahuanmu, sekarang kamu harus mahu menuruti kemahuanku. Sesungguhnya azab yang fana (azab di dunia) tidaklah seperti azab yang kekal (azab di akhirat).” Malaikat pertama berkata, “Sesungguhnya kita pada hari kiamat nanti berada dalam tangan kekuasaan Allah, maka aku merasa takut bila Dia mengazab kita nantinya.” Malaikat yang kedua-dua menjawab, “Tidak, sesungguhnya aku berharap Allah

SWT pasti mengetahui bahawa kita memilih azab di dunia kerana takut azab akhirat, semoga sahaja Dia tidak menggabungkan kedua-dua mereka pada kita.” Kedua-dua mereka sepakat memilih azab di dunia, maka kedua-dua mereka diterbalikkan dalam keadaan terikat oleh rantai besi ke dalam sebuah lubang yang bahagian atas dan bahagian bawahnya dipenuhi dengan api.

(Ibn Abi Hatim)

Athar paling dekat kepada kebenaran sehubungan dengan masalah ini ialah apa yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas RA yang menceritakan kisah beriku (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: «لَمَّا وَقَعَ النَّاسُ مِنْ بَعْدِ آدَمَ فِيمَا وَقَعُوا فِيهِ مِنَ الْمَعَاصِي وَالْكَفْرِ بِاللَّهِ.» قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ فِي السَّمَاءِ: «يَا رَبِّ هَذَا الْعَالَمُ الَّذِي إِنَّمَا خَلَقْتَهُمْ لِعِبَادَتِكَ وَطَاعَتِكَ قَدْ وَقَعُوا فِيمَا وَقَعُوا فِيهِ وَارْتَكَبُوا الْكُفْرَ وَقَتَلَ الْأَنْفُسَ وَأَكَلَ مَالِ الْحَرَامِ وَالزَّيْنَةَ وَالسَّرِقَةَ وَشَرِبَ الْحُمُرِ، فَجَعَلُوا يَدْعُونَ عَلَيْهِمْ وَلَا يَعْذُرُونَهُمْ.» فَقِيلَ: «إِنَّهُمْ فِي عَيْبٍ فَلَمْ يَعْذُرُوهُمْ.» فَقِيلَ لَهُمْ: «اخْتَارُوا مِنْكُمْ مِنْ أَفْضَلِكُمْ مَلَكَيْنِ أَمْرَهُمَا وَأَنْهَاهُمَا.» فَاخْتَارُوا هَارُوتَ وَمَارُوتَ، فَأُهْبِطَا إِلَى الْأَرْضِ، وَجَعَلَ لَهُمْ شَهَوَاتِ بَنِي آدَمَ وَأَمْرَهُمَا اللَّهُ أَنْ يَعْْبُدَاهُ وَلَا يُشْرِكَا بِهِ شَيْئًا، وَنُهِيَا عَنْ قَتْلِ

النَّفْسِ الْحَرَامِ وَأَكْلِ مَالِ الْحَرَامِ وَعَنِ الزَّانَا وَالسَّرِقَةِ وَشُرْبِ
 الْخَمْرِ، فَلَبِثَا فِي الْأَرْضِ زَمَانًا يَحْكُمَانِ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ،
 وَذَلِكَ فِي زَمَانِ إِدْرِيسَ، وَفِي ذَلِكَ الزَّمَانِ امْرَأَةٌ حُسْنُهَا فِي
 النِّسَاءِ كَحُسْنِ الزُّهْرَةِ فِي سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، وَإِنَّهُمَا أَتَيَا
 عَلَيْهَا فَخَضَعَا لَهَا الْقَوْلَ، وَأَرَادَاهَا عَلَى نَفْسِهَا فَأَبَتْ إِلَّا أَنْ
 يَكُونَا عَلَى أَمْرِهَا وَعَلَى دِينِهَا، فَسَأَلَا عَنْ دِينِهَا فَأَخْرَجَتْ
 لَهُمَا صَنْمًا، فَقَالَتْ: «هَذَا أَعْبُدُهُ». قَالَا: «لَا حَاجَةَ لَنَا فِي
 عِبَادَةِ هَذَا.» فَذَهَبَا فَعَبَّرَا مَا شَاءَ اللَّهُ، ثُمَّ أَتَيَا عَلَيْهَا
 فَأَرَادَاهَا عَلَى نَفْسِهَا، فَفَعَلَتْ مِثْلَ ذَلِكَ، فَذَهَبَا ثُمَّ أَتَيَا
 عَلَيْهَا فَأَرَادَاهَا عَلَى نَفْسِهَا، فَلَمَّا رَأَتْ أَنَّهَا قَدْ أَبَيَا أَنْ
 يَعْبُدَا الصَّنَمَ، قَالَتْ لَهُمَا: «فَاخْتَارَا أَحَدَ الْحِلَالِ الثَّلَاثِ:
 «إِمَّا أَنْ تَعْبُدَا الصَّنَمَ، وَإِمَّا أَنْ تَقْتُلَا هَذِهِ النَّفْسَ، وَإِمَّا أَنْ
 تَشْرَبَا هَذَا الْخَمْرَ.» فَقَالَا: «كُلُّ هَذَا لَا يَنْبَغِي، وَأَهْوَنُ هَذَا
 شُرْبُ الْخَمْرِ.» فَشَرِبَا الْخَمْرَ فَأَخَذَتْ فِيهِمَا، فَوَاقَعَا الْمَرْأَةَ
 فَخَشِيَ أَنْ تُخْبِرَ الْإِنْسَانَ عَنْهُمَا فَقَتَلَاهُ، فَلَمَّا ذَهَبَ عَنْهُمَا
 السُّكْرُ، وَعَلِمَا مَا وَقَعَا فِيهِ مِنَ الْخَطِيئَةِ أَرَادَا أَنْ يَصْعَدَا إِلَى

السَّمَاءِ فَلَمْ يَسْتَطِيعَا وَحِيلَ بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ ذَلِكَ، وَكُشِفَ
 الْغِطَاءُ فِيمَا بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ أَهْلِ السَّمَاءِ، فَنَظَرَتِ الْمَلَائِكَةُ
 إِلَى مَا وَقَعَا فِيهِ مِنَ الْخَطِيئَةِ فَعَجِبُوا كُلُّ الْعَجَبِ، وَعَرَفُوا
 أَنَّهُ كَانَ فِي غَيْبٍ فَهُوَ أَقْلُ خَشِيَّةٍ فَجَعَلُوا بَعْدَ ذَلِكَ يَسْتَغْفِرُونَ
 لِمَنْ فِي الْأَرْضِ، فَتَزَلَّ فِي ذَلِكَ: (وَالْمَلَائِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ
 وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَنْ فِي الْأَرْضِ). [الشورى: ٤٢:٥] فَقِيلَ لَهُمَا «اخْتَارَا
 عَذَابَ الدُّنْيَا أَوْ عَذَابَ الْآخِرَةِ». فَقَالَا: «أَمَّا عَذَابُ الْآخِرَةِ
 فَلَا انْقِطَاعَ لَهُ، وَأَمَّا عَذَابُ الدُّنْيَا فَإِنَّهُ يَنْتَقِعُ وَيَذْهَبُ.»
 فَاخْتَارَا عَذَابَ الدُّنْيَا فَجُعِلَا بَبَابِلَ فَهُمَا يُعَذَّبَانِ.»

Maksud: Ketika manusia sesudah masa Nabi Adam AS terjerumus ke dalam perbuatan maksiat dan kufur kepada Allah, maka para malaikat yang ada di langit berkata, “Wahai Tuhan, makhluk yang Engkau ciptakan hanya untuk beribadah dan taat kepada-Mu kini terjerumus ke dalam perbuatan yang membinasakan. Mereka mengerjakan kekufuran, membunuh jiwa, memakan harta haram, zina, mencuri, dan minum arak.” Lalu para malaikat mengutuk perbuatan mereka dan tidak memaafkan mereka. Ketika dikatakan kepada para malaikat bahawa mereka dalam keadaan tidak sadar, maka para malaikat tetap pada sikapnya. Dikatakan kepada mereka (para malaikat), “Pilihlah oleh kamu dua malaikat yang paling utama antara kamu, Aku akan mentakliffkan perintah dan larangan kepada mereka.” Lalu mereka memilih Harut dan Marut, kedua-dua mereka diturunkan ke bumi, dan dibekalkan kepada kedua-dua mereka berbagai macam hawa nafsu seperti Bani Adam. Allah SWT memerintahkan kepada

kedua-dua mereka agar menyembah-Nya dan jangan mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Allah SWT melarang mereka membunuh jiwa yang diharamkan, dan memakan harta yang haram, serta melarangnya berzina, mencuri, dan minum arak. Kedua-dua mereka tinggal di bumi seraya memutuskan hukum antara manusia secara hak selama beberapa waktu. Hal ini terjadi pada zaman Nabi Idris AS. Pada zaman itu terdapat seorang wanita yang kecantikannya dengan wanita lainnya sama dengan kecantikan bintang Zabrah (Venus) dengan bintang lainnya. Kedua-dua malaikat itu sering datang kepadanya, dan akhirnya kedua-dua mereka menuruti apa yang dikatakan oleh wanita itu. Kedua-dua mereka menginginkan diri wanita itu, tetapi si wanita menolak kecuali jika kedua-dua mereka menuruti apa yang dikatakannya dan memasuki agamanya. Kedua-dua mereka bertanya kepada si wanita tentang agama yang dipeluknya, lalu si wanita mengeluarkan sebuah berhala untuk kedua-dua mereka dan berkata, "Sembahlah ini!" Kedua-dua malaikat menjawab, "Kami tidak perlu menyembah berhala ini." Lalu kedua-dua mereka pergi dan tidak datang lagi selama masa yang dikehendaki oleh Allah SWT. Kemudian kedua-dua mereka datang lagi kepada wanita itu dan menginginkan diri wanita tersebut, sedangkan si wanita melakukan hal yang sama, lalu kedua-dua mereka pergi meninggalkannya. Akan tetapi, sesudah itu kedua-dua mereka datang lagi dan menginginkan diri si wanita itu. Ketika si wanita melihat bahawa kedua-dua mereka tetap menolak, iaitu tidak mahu menyembah berhala, maka berkatalah ia, "Pilihlah olehmu salah satu antara ketiga perkara ini, iaitu apakah kamu berdua menyembah berhala ini, atau kamu berdua membunuh jiwa ini, atau kamu berdua meminum arak ini." Kedua-dua mereka menyatakan, "Semuanya tidak sewajarnya dilakukan, tetapi yang ringan dari kesemuanya ialah meminum arak." Maka kedua-dua mereka meminum arak itu hingga mabuk. Akhirnya mereka berdua menggauli wanita itu; dan kerana rasa takut perbuatan kedua-dua mereka akan diceritakan kepada orang lain, maka kedua-dua mereka membunuh orang tersebut. Ketika rasa mabuk lenyap dari kedua-dua mereka dan kedua-dua mereka menyadari perbuatan dosa yang dilakukan oleh mereka, maka kedua-dua mereka bermaksud naik ke langit; tetapi tidak mampu, seakan-akan kedua-dua mereka dihilangi

hingga tidak dapat terbang. Tersingkaplah penutup antara kedua-dua mereka dan semua malaikat penduduk langit. Maka para malaikat melihat apa yang dilakukan oleh kedua-dua mereka hingga mereka semua merasa sangat hairan. Akhirnya mereka mengetahui bahawa orang yang dalam keadaan tidak sedar, rasa takutnya berkurang. Sejak itu para malaikat memohonkan ampun buat penduduk bumi. Sehubungan dengan kisah tersebut diturunkanlah ayat berikut, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan malaikat bertasbih serta memuji Tuhan-Nya dan memohonkan ampun bagi orang yang ada di bumi. (Surah al-Shura, 42: 5). Lalu dikatakan kepada kedua-dua mereka, “Pilihlah oleh kamu berdua azab dunia atau azab akhirat.” Kedua-dua mereka berkata, “Adapun azab dunia, sesungguhnya ia ada masa akhirnya dan berhenti, sedangkan azab akhirat tidak ada berputusan.” Kedua-dua mereka memilih azab di dunia, lalu kedua-dua mereka diazab di negeri Babylon.

(Ibn Abi Hatim dan Ibn Jarir)

Selain itu, terdapat juga riwayat Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1008) yang menyatakan bahawa Ibn ‘Abbas yang menceritakan athar berikut:

إِنَّ أَهْلَ السَّمَاءِ الدُّنْيَا أَشْرَفُوا عَلَى أَهْلِ الْأَرْضِ فَرَأَوْهُمْ
يَعْمَلُونَ بِالْمَعَاصِي، فَقَالُوا: «يَا رَبِّ، أَهْلُ الْأَرْضِ يَعْمَلُونَ
بِالْمَعَاصِي.» فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: «أَنْتُمْ مَعِيَ، وَهُمْ غَيْبٌ عَنِّي.»
فَقِيلَ لَهُمْ: «اخْتَارُوا مِنْكُمْ ثَلَاثَةً.» فَاخْتَارُوا مِنْهُمْ ثَلَاثَةً
عَلَى أَنْ يَهْبِطُوا إِلَى الْأَرْضِ عَلَى أَنْ يَحْكُمُوا بَيْنَ أَهْلِ الْأَرْضِ،
وَجَعَلَ فِيهِمْ شَهْوَةَ الْأَدَمِيِّينَ، فَأَمَرُوا أَنْ لَا يَشْرَبُوا خَمْرًا، وَلَا

يَقْتُلُوا النَّفْسَ وَلَا يَزْنُوا وَلَا يَسْجُدُوا لَوْثِنٍ، فَاسْتَقَالَ مِنْهُمْ
وَاحِدٌ فَأُقِيلَ، فَأُهْبِطَ اثْنَانِ إِلَى الْأَرْضِ فَأَتَتْهُمَا امْرَأَةٌ مِنْ
أَحْسَنِ النَّاسِ يُقَالُ لَهَا مَنَاهِيْدُ، فَهَوِيَاَهَا جَمِيْعًا، ثُمَّ أَتِيَا
مَنْزِلَهَا فَاجْتَمَعَا عِنْدَهَا فَأَرَادَاهَا، فَقَالَتْ: «لَا حَتَّى
تَشْرَبَا خَمْرِي، وَتَقْتُلَا ابْنَ جَارِي وَتَسْجُدَا لَوْثِي». فَقَالَا: «لَا
نَسْجُدُ، ثُمَّ شَرِبَا الخَمْرَ، ثُمَّ قَتَلَا، ثُمَّ سَجَدَا.» فَأَشْرَفَ أَهْلُ
السَّمَاءِ عَلَيْهِمَا، وَقَالَتْ لَهُمَا: «أَخْبِرَانِي بِالْكَلِمَةِ الَّتِي إِذَا
قُلْتُمَاهَا طُرْتُمَا.» فَأَخْبَرَاهَا فَطَارَتْ فَمَسَحَتْ جَمْرَةً وَهِي
هَذِهِ الزَّهْرَةُ، وَأَمَّا هُمَا فَارْسِلَ إِلَيْهِمَا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ
فَخَيَّرَهُمَا بَيْنَ عَذَابِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الآخِرَةِ، فَاخْتَارُوا
عَذَابَ الدُّنْيَا، فَهُمَا مُنَاطَانِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ "

Maksud: Bahawa penduduk langit dunia memandang kepada penduduk bumi, maka penduduk langit (para malaikat) melihat mereka sering mengerjakan kemaksiatan. Lalu para malaikat berkata, "Wahai Tuhan kami, penduduk bumi gemar mengerjakan perbuatan maksiat." Allah SWT berfirman, "Kamu selalu bersama-Ku, sedangkan mereka dalam keadaan tidak dapat melihat Aku." Lalu dikatakan kepada para malaikat, "Pilihlah dari kamu tiga malaikat," maka mereka memilih tiga malaikat dalam kalangan mereka untuk turun ke bumi dengan syarat hendaknya mereka memutuskan perkara antara manusia penduduk bumi. Allah SWT menjadikan dalam diri mereka syahwat seperti yang ada pada manusia. Mereka diperintahkan agar jangan

minum arak, jangan membunuh jiwa, jangan berzina, dan jangan sujud kepada berhala. Akan tetapi, salah satu dari ketiga malaikat itu mengundurkan diri, hingga akhirnya hanya tinggal dua malaikat sahaja yang diturunkan ke bumi. Kedua-dua mereka didatangi seorang wanita yang paling cantik pada masanya, namanya Manahiyah. Kedua-dua mereka sama-sama jatuh cinta kepada wanita itu. Kemudian kedua-dua mereka mendatangi rumah wanita tersebut, lalu berkumpul dalam rumahnya, dan akhirnya kedua-dua mereka menginginkan wanita itu. Maka wanita itu berkata kepada kedua-dua mereka, "Aku tidak mahu melayani kamu sebelum kamu minum arakku, membunuh anak tetanggaku, dan sujud kepada berhalaku." Kedua-dua mereka berkata, "Kami tidak akan sujud." Kemudian kedua-dua mereka minum arak. Akhirnya kedua-dua mereka melakukan pembunuhan dan sujud kepada berhala itu. Maka semua penduduk langit (para malaikat) melihat perbuatan kedua-dua mereka itu. Selanjutnya si wanita itu berkata kepada kedua-dua mereka, "Ceritakanlah kepadaku mantera yang bila kamu baca, maka kamu dapat terbang." Kedua-dua mereka menceritakan mantera tersebut kepadanya, akhirnya ia terbang. Sesudah ia terbang, maka ia dikutuk menjadi bara api, iaitu menjadi bintang Zahrah (Venus). Sedangkan kepada kedua-dua malaikat tersebut diutus Nabi Sulaiman bin Dawud AS, lalu Nabi Sulaiman AS menceritakan kepada mereka apa yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka. Kedua-dua mereka disuruh memilih antara siksaan di dunia atau siksaan di akhirat Ternyata kedua-dua mereka memilih siksaan di dunia, maka kedua-dua mereka digantungkan antara langit dan bumi.

(Ibn Abi Hatim)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/358), dalam konteks riwayat ini terdapat banyak tambahan. Keanehan, dan hal yang tidak masuk akal.

Kemudian Imam Ibn Jarir (2001: 1672) menyatakan kisah daripada Ma'mar dan Qatadah dan al-Zahr bahawa 'Abdullah menceritakan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, "*Dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, iaitu Harut dan Marut, di negeri Babylon.*" (Surah al-Baqarah, 2: 102) dengan membawa kisah berikut:

كَانَا مَلَكَيْنِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ فَأُهْبِطَا لِيَحْكُمَا بَيْنَ النَّاسِ. وَذَلِكَ أَنَّ الْمَلَائِكَةَ سَخِرُوا مِنْ أَحْكَامِ بَنِي آدَمَ، قَالَ: «فَحَاكَمْتِ إِلَيْهِمَا امْرَأَةً فَحَافَا لَهَا، ثُمَّ ذَهَبَا يَصْعَدَانِ، فَحِيلَ بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ ذَلِكَ وَخَيْرًا بَيْنَ عَذَابِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، فَاخْتَارَا عَذَابَ الدُّنْيَا.» قَالَ مَعْمَرٌ: قَالَ قَتَادَةُ: «فَكَانَا يُعَلِّمَانِ النَّاسَ السِّحْرَ، فَأَخَذَ عَلَيْهِمَا أَنْ لَا يُعَلِّمَا أَحَدًا حَتَّى يَقُولَا: إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ.»

Maksud: Adalah dua malaikat yang kedua-dua mereka dalam kalangan para malaikat, mereka diturunkan ke bumi untuk memutuskan hukum antara manusia. Demikian itu kerana pada mulanya para malaikat mempersenda-sendakan para hakim dalam kalangan Bani Adam. (Sesudah kedua-dua mereka menjadi hakim antara manusia), maka datanglah seorang wanita kepada kedua-dua mereka untuk meminta peradilan, tetapi kedua-dua mereka berbuat zalim terhadapnya. Sesudah itu kedua-dua mereka pergi naik ke langit, tetapi ternyata kedua-dua mereka tidak dapat terbang lagi, seakan-akan ada penghalangnya. Kemudian kedua-dua mereka disuruh memilih antara azab di dunia atau azab di akhirat. Maka kedua-dua mereka memilih azab di dunia. Ma'mar menyatakan bahawa Qatadah berkata, "Kedua-dua malaikat tersebut mengajarkan ilmu sihir kepada manusia, maka disyaratkan bagi kedua-dua mereka tidak boleh mengajarkan ilmu sihir kepada seseorang sebelum kedua-dua mereka menyatakan kepada orang tersebut, "Sesungguhnya kami hanyalah cubaan, maka janganlah kamu berbuat kekufuran'."

(Ibn Jarir)

Berhubung dengan Harut dan Marut yang mengajar sihir, Imam al-Suddi yang menyatakan (Ibn Jarir, 2001: 1686):

أَنَّهُ كَانَ مِنْ أَمْرِ هَارُوتَ وَمَارُوتَ أَنَّهُمَا طَعَنَا عَلَى أَهْلِ
 الْأَرْضِ فِي أَحْكَامِهِمْ، فَقِيلَ لَهُمَا: «إِنِّي أَعْطَيْتُ ابْنَ آدَمَ
 عَشْرًا مِنَ الشَّهَوَاتِ فِيهَا يَعْصُونِي.» قَالَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ:
 «رَبَّنَا لَوْ أَعْطَيْتَنَا تِلْكَ الشَّهَوَاتِ ثُمَّ نَزَلْنَا لِحُكْمِنَا بِالْعَدْلِ.»
 فَقَالَ لَهُمَا: «انزِلَا فَقَدْ أَعْطَيْتُكُمَا تِلْكَ الشَّهَوَاتِ الْعَشْرَ
 فَاحْكُمَا بَيْنَ النَّاسِ.» فَنَزَلَا بِبَابِلَ دُنْبَاوَنَدُ، فَكَانَا يَحْكُمَانِ،
 حَتَّى إِذَا أَمْسِيَا عَرَجَا، فَإِذَا أَصْبَحَا هَبَطَا. فَلَمْ يَزَالَا كَذَلِكَ
 حَتَّى أَتَتْهُمَا امْرَأَةٌ مُخَاصِمٌ زَوْجَهَا، فَأَعْجَبَهُمَا حُسْنُهَا
 وَأَسْمُهَا بِالْعَرَبِيَّةِ الزُّهْرَةَ، وَبِالنَّبَطِيَّةِ بَيْدَخَتْ، وَأَسْمُهَا
 بِالْفَارِسِيَّةِ أَنَاهِيدُ، فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ: «إِنَّهَا لَتُعْجِبُنِي.»
 فَقَالَ الْآخَرُ: «قَدْ أَرَدْتُ أَنْ أَذْكَرَ لَكَ فَاسْتَحْيَيْتُ مِنْكَ.»
 فَقَالَ الْآخَرُ: «هَلْ لَكَ أَنْ أَذْكَرَهَا لِنَفْسِهَا؟» قَالَ: «نَعَمْ،
 وَلَكِنْ كَيْفَ لَنَا بَعْدَابِ اللَّهِ؟» قَالَ الْآخَرُ: «إِنَّا نَرْجُو رَحْمَةَ
 اللَّهِ.» فَلَمَّا جَاءَتْ مُخَاصِمٌ زَوْجَهَا ذَكَرَا إِلَيْهَا نَفْسَهَا،
 فَقَالَتْ: «لَا، حَتَّى تَقْضِيَا لِي عَلَى زَوْجِي.» فَقَضِيَا لَهَا عَلَى

رَوَّجَهَا. ثُمَّ وَعَدْتُهُمَا خَرِبَةً مِنَ الْحَرْبِ يَأْتِيَانَهَا فِيهَا، فَأَتِيَاهَا لِذَلِكَ، فَلَمَّا أَرَادَ الَّذِي يُوَاقِعُهَا، قَالَتْ: «مَا أَنَا بِالَّذِي أَفْعَلُ حَتَّى تُخْبِرَانِي بِأَيِّ كَلَامٍ تَصْعَدَانِ إِلَى السَّمَاءِ؟ وَبِأَيِّ كَلَامٍ تَنْزِلَانِ مِنْهَا؟» فَأَخْبَرَاهَا فَتَكَلَّمَتْ فَصَعِدَتْ. فَأَنْسَاهَا اللَّهُ مَا تَنْزَلُ بِهِ فَبَقِيَتْ مَكَانَهَا، وَجَعَلَهَا اللَّهُ كَوْكَبًا فَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ كَلَّمَا رَأَاهَا لَعَنَهَا وَقَالَ: «هَذِهِ الَّتِي فَتَنْتَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ». فَلَمَّا كَانَ اللَّيْلُ أَرَادَا أَنْ يَصْعَدَا فَلَمْ يَسْتَطِيعَا فَعَرَفَا الْهَلْكَ، فَخِيَّرَا بَيْنَ عَذَابِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، فَاخْتَارَا عَذَابَ الدُّنْيَا مِنْ عَذَابِ الْآخِرَةِ، فَعُلَّقَا بِبَابِ لَيْلٍ فَجَعَلَا يُكَلِّمَانِ النَّاسَ كَلَامَهُمَا وَهُوَ السَّحْرُ.»

Maksud: Pada awalnya perkara yang dialami oleh Harut dan Marut adalah, kedua-dua mereka mencela penduduk bumi kerana keputusan hukum yang mereka laksanakan. Dikatakan kepada kedua-dua mereka, “Sesungguhnya Aku memberikan sepuluh macam syahwat kepada Bani Adam. Oleh kerana syahwat itulah mereka berbuat dosa kepada-Ku.” Harut dan Marut berkata, “Wahai Tuhan kami, seandainya Engkau memberikan kepada kami nafsu syahwat tersebut, lalu kami turun ke bumi, nescaya kami akan menghukumi mereka dengan cara yang adil.” Maka Allah SWT berfirman kepada kedua-dua mereka, “Sekarang turunlah kamu berdua ke bumi, sesungguhnya Aku memberimu semua kesepuluh nafsu syahwat tersebut, dan putuskanlah hukum antara manusia!” Lalu kedua-dua mereka turun di negeri Babylon, iaitu di Daynawan. Lalu kedua-dua mereka menjalankan hukum peradilan,

dan apabila petang hari kedua-dua mereka kembali naik ke langit. Apabila pagi hari, kedua-dua mereka turun untuk melaksanakan tugas mereka. Kedua-dua mereka terus dalam keadaan demikian selama beberapa masa, hingga datanglah kepada kedua-dua mereka seorang wanita yang mengadukan masalah suaminya. Kedua-dua mereka tertarik dengan kecantikan wanita itu, nama wanita tersebut menurut bahasa Arab adalah Zahrah, menurut bahasa Nabat Baizakhat, sedangkan menurut bahasa Parsi disebut Anahid. Salah seorang dari kedua-dua malaikat berkata kepada yang lainnya, "Sesungguhnya wanita ini benar-benar memikat hatiku." Malaikat yang lain berkata, "Sesungguhnya aku pun bermaksud menyatakan hal yang sama kepadamu, tetapi aku merasa malu." Maka malaikat pertama berkata, "Bagaimanakah pendapatmu jika aku kemukakan kepadanya kemahuan kita terhadap dirinya?" Kedua-dua Malaikat menjawab, "Setuju." Malaikat pertama bertanya, "Akan tetapi, bagaimana dengan azab Allah?" Malaikat yang kedua-dua menjawab, "Sesungguhnya kita berharap akan rahmat (ampunan) Allah SWT." Ketika wanita itu datang kepada kedua-dua mereka mengadukan perkara suaminya, maka dikemukakan kepada si wanita tersebut maksud dan keinginan kedua-dua mereka terhadap diri si wanita itu. Tetapi wanita itu menjawab, "Tidak! Sebelum kamu berdua memutuskan perkara suamiku untuk kemenangan diriku." Lalu kedua-dua mereka memutuskan perkara untuk kemenangan si wanita atas suaminya. Kemudian wanita itu menjanjikan kepada kedua-dua malaikat tersebut bahwa dirinya akan datang menemui kedua-dua mereka di suatu tempat yang sepi antara tempat yang tidak berpenghuni. Lalu kedua-dua mereka datang ke tempat tersebut memenuhi janji wanita itu. Tetapi ketika kedua-dua mereka hendak melampiaskan keinginannya, si wanita berkata, "Aku tidak akan memenuhi keinginanmu sebelum kamu berdua menceritakan kepadaku mantera yang menyebabkan kamu berdua dapat terbang naik ke langit, juga mantera yang menyebabkan kamu dapat turun darinya." Lalu kedua-dua mereka menceritakan mantera tersebut kepada si wanita. Wanita itu membacanya, lalu ia dapat terbang ke langit. Akan tetapi, Allah SWT membuatnya lupa kepada mantera yang menyebabkan dia tidak dapat turun. Maka ia tetap berada di tempatnya, dan Allah SWT mengutuknya menjadi bintang. Tersebutlah

bahawa apabila Abdullah bin Umar melihat bintang tersebut, dia melaknatnya dan menyatakan, "Bintang inilah yang memfitnah Harut dan Marut." Sedangkan yang dialami oleh kedua-dua malaikat tersebut adalah, ketika petang hari kedua-dua mereka hendak naik ke langit, tetapi ternyata kedua-dua mereka tidak mampu melakukannya, hingga kedua-dua mereka merasakan bahawa diri mereka pasti binasa. Maka kedua-dua mereka disuruh memilih antara azab di dunia atau azab di akhirat. Kedua-dua mereka memilih azab di dunia, lalu kedua-dua mereka digantung di negeri Babylon. Dan sejak itu kedua-dua mereka menceritakan kepada orang tentang perkataan yang diucapkan oleh si wanita tersebut, iaitu ilmu sihir.

(Ibn Jarir)

Imam Mujahid mengatakan (Ibn Jarir, 2001: 1689):

وَأَمَّا شَأْنُ هَارُوتَ وَمَارُوتَ، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ عَجِبَتْ مِنْ ظُلْمِ بَنِي آدَمَ، وَقَدْ جَاءَتْهُمْ الرُّسُلُ وَالْكِتَابُ وَالْبَيِّنَاتُ، فَقَالَ لَهُمْ رَبُّهُمْ: «اخْتَارُوا مِنْكُمْ مَلَكَيْنِ أَنْزِلَهُمَا يَحْكُمَانِ فِي الْأَرْضِ بَيْنَ بَنِي آدَمَ.» فَاخْتَارُوا هَارُوتَ وَمَارُوتَ، فَقَالَ لَهُمَا حِينَ أَنْزَلَهُمَا: «عَجِبْتُمَا مِنْ بَنِي آدَمَ وَمِنْ ظُلْمِهِمْ وَمَعْصِيَتِهِمْ، وَإِنَّمَا تَأْتِيهِمُ الرُّسُلُ وَالْكِتَابُ مِنْ وَرَاءِ وَرَاءِ، وَأَنْتُمَا لَيْسَ بَيْنِي وَبَيْنَكُمَا رَسُولٌ، فَافْعَلَا كَذَا وَكَذَا، وَدَعَا كَذَا وَكَذَا.» فَأَمَرَهُمَا بِأَمْرٍ وَنَهَاهُمَا، ثُمَّ نَزَلَ عَلَى ذَلِكَ لَيْسَ أَحَدٌ لِلَّهِ أَطْوَعُ مِنْهُمَا، فَحَكَمَا فَعَدَلَا، فَكَانَا يَحْكُمَانِ النَّهَارَ

بَيْنَ بَنِي آدَمَ، فَإِذَا أُمْسِيَا عَرَجًا وَكَانَا مَعَ الْمَلَائِكَةِ، وَيَنْزِلَانِ
حِينَ يُصْبِحَانِ فَيَحْكُمَانِ فَيَعْدِلَانِ، حَتَّى أُنزِلَتْ عَلَيَهُمَا
الزُّهْرَةُ فِي أَحْسَنِ صُورَةِ امْرَأَةٍ تُخَاصِمُ، فَقَضِيَا عَلَيْهَا. فَلَمَّا
قَامَتْ وَجَدَتْ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا فِي نَفْسِهِ، فَقَالَ أَحَدُهُمَا
لِصَاحِبِهِ: «وَجَدْتَ مِثْلَ مَا وَجَدْتُ؟» قَالَ: «نَعَمْ.» فَبَعَثَا إِلَيْهَا
أَنْ ائْتِينَا نَقِضَ لَكَ. فَلَمَّا رَجَعَتْ قَالَا لَهَا وَقَضِيَا لَهَا:
«ائْتِينَا.» فَأَتَتْهُمَا، فَكَشَفَا لَهَا عَنْ عَوْرَتَيْهِمَا. وَإِنَّمَا كَانَتْ
شَهْوَتُهُمَا فِي أَنْفُسِهِمَا وَلَمْ يَكُونَا كَبْنِي آدَمَ فِي شَهْوَةِ النِّسَاءِ
وَلَدَّتِيهَا. فَلَمَّا بَلَغَا ذَلِكَ وَاسْتَحَلَّاهُ وَافْتَتِنَا، طَارَتِ الزُّهْرَةُ
فَرَجَعَتْ حَيْثُ كَانَتْ. فَلَمَّا أُمْسِيَا عَرَجًا فَرَدًّا وَلَمْ يُؤَدِّنْ لَهُمَا
وَلَمْ تَحْمِلُهُمَا أَجْنِحَتُهُمَا؛ فَاسْتَعَاثَا بِرَجُلٍ مِنْ بَنِي آدَمَ، فَأَتِيَاهُ
فَقَالَا: «ادْعُ لَنَا رَبَّكَ.» فَقَالَ: «كَيْفَ يَشْفَعُ أَهْلُ الْأَرْضِ
لِأَهْلِ السَّمَاءِ؟» قَالَا: «سَمِعْنَا رَبَّكَ يَذُكُرُكَ بِخَيْرٍ فِي السَّمَاءِ.»
فَوَعَدَهُمَا يَوْمًا وَعَدَا يَدْعُو لَهُمَا. فَدَعَا لَهُمَا فَاسْتُجِيبَ لَهُ،
فَخَيَّرَا بَيْنَ عَذَابِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ. فَنَظَرَ أَحَدُهُمَا إِلَى
صَاحِبِهِ فَقَالَا: «نَعْلَمُ أَنَّ أَنْوَاعَ عَذَابِ اللَّهِ فِي الْآخِرَةِ كَذَا

وَكَذًا فِي الْخُلْدِ وَمَعَ الدُّنْيَا سَبْعَ مَرَّاتٍ مِثْلَهَا. فَأَمِيرًا أَنْ يَنْزِلَا
بِبَابِلَ، فَتَمَّ عَذَابُهُمَا وَرَزَعَمَ أَنَّهْمَا مُعَلَّقَانِ فِي الْحَدِيدِ
مَطْوِيَّانِ يَصْفَقَانِ بِأَجْنِحَتَيْهَمَا.»

Maksud: Peribah yang dialami oleh Harut dan Marut pada mulanya ialah kerana para malaikat merasa hairan dengan perbuatan zalim yang dilakukan oleh Bani Adam, padahal rasul dan kitab serta keterangan (mukjizat) didatangkan kepada mereka. Maka Allah SWT berfirman kepada mereka, "Pilihlah dari kamu dua malaikat, Aku akan menurunkan kedua-dua mereka guna memutuskan peradilan di muka bumi." Lalu mereka mengadakan pilihan antara sesama mereka, ternyata Harut dan Marut tidak menolak. Ketika menurunkan kedua-dua mereka ke bumi, Allah SWT berfirman kepada kedua-dua mereka, "Kamu berdua merasa hairan terhadap Bani Adam atas kezaliman dan kedosaan mereka, padahal mereka didatangi oleh para rasul dan kitab dari suatu masa ke masa yang lain. Sesungguhnya kini antara Aku dan kamu berdua tidak ada seorang rasul pun. Maka lakukanlah demikian dan demikian, dan serukanlah demikian dan demikian." Allah SWT memberikan kepada mereka beberapa perintah dan beberapa larangan, dan kedua-dua mereka turun dengan membawa misi tersebut. Tiada seorang pun yang lebih taat kepada Allah SWT daripada kedua-dua mereka, kedua-dua mereka memutuskan hukum (di antara manusia) dengan keputusan yang adil. Kedua-dua mereka melakukan tugas peradilannya di siang hari antara Bani Adam dan apabila petang hari, "kedua-dua mereka naik ke Langit dan bergabung bersama malaikat lainnya. Kedua-dua mereka turun kembali ke bumi pada pagi harinya, lalu memutuskan peradilan dengan cara yang adil. Hal tersebut berlangsung pada kedua-dua mereka hingga didatangkan kepada kedua-dua mereka Zahrâh dalam rupa seorang wanita yang paling cantik. Ia datang mengadukan perkara suaminya, lalu kedua-dua mereka memutuskan peradilan untuk kekalahan pihak si wanita tersebut. Ketika wanita itu bangkit hendak pergi, maka masing-masing

dari kedua-dua malaikat tersebut merasakan sesuatu pada diri mereka terhadap diri si wanita itu. Maka salah seorang berkata kepada temannya, "Apakah engkau merasakan hal yang sama seperti yang aku rasakan sekarang?" Temannya menjawab, "Ya." Maka kedua-dua mereka mengiriskan utusan kepada si wanita untuk menyampaikan pesan kedua-dua mereka, bahawa hendaknya si wanita tersebut datang lagi dan kedua-dua mereka akan memutuskan peradilan untuk kemenangannya. Ketika wanita itu kembali kepada kedua-dua mereka, mereka mengutarakan hasratnya kepada wanita itu dan memutuskan peradilan untuk kemenangan si wanita. Maka kedua-dua mereka mendatangnya dan membuka aurat kedua-dua mereka. Sesungguhnya aurat kedua-dua mereka ada pada nafas kedua-dua mereka, dan syahwat kedua-dua mereka serta kelazatan mereka terhadap wanita tidak sama dengan yang ada pada Bani Adam. Sesudah kedua-dua mereka sampai pada tahap tersebut dan menghalalkan perbuatan yang haram serta terjerat ke dalam fitnah wanita tersebut, maka wanita itu, iaitu Zahrab kembali ke tempatnya semula. Pada petang harinya ketika kedua-dua mereka hendak naik, tiba-tiba kedua-dua mereka dilarang untuk naik, dan kedua-dua sayapnya tidak lagi mahu membawa mereka terbang. Lalu kedua-dua mereka meminta tolong kepada seorang lelaki dalam kalangan Bani Adam. Kedua-dua mereka datang kepadanya dan menyatakan, "Berdoalah kepada Tuhanmu buat kami." Si lelaki (nabi) menjawab, "Mana mungkin penduduk bumi memohon syafaat buat penduduk langit?" Kedua-dua mereka berkata, "Kami pernah mendengar beritamu yang disebutkan oleh Tuhanmu dengan sebutan yang baik di langit." Kemudian si lelaki itu menjanjikan kepadanya suatu janji pada suatu hari yang pada hari itu dia mendoakan buat kedua-dua mereka. Si lelaki itu berdoa untuk kedua-dua mereka dan diperkenankan baginya, maka kedua-dua mereka disuruh memilih antara azab di dunia atau azab di akhirat. Masing-masing memandang kepada temannya dan berkata, "Tabukah kamu bahawa gelombang azab Allah SWT di akhirat demikian dan demikian dalam keadaan kekal dan abadi, sedangkan azab di dunia yang seperti itu hanya sembilan kali." Kedua-dua mereka diperintahkan agar tinggal di Babylon, lalu di tempat itulah kedua-dua mereka diazab. Diduga bahawa kedua-dua mereka

digantung dengan rantai besi dalam keadaan terbalik, sedangkan kedua-dua sayapnya digerak-gerakkannya.

(Ibn Jarir)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/360), berhubung dengan kisah Harut dan Marut ini sejumlah tabi'in mengetengahkan riwayat mereka seperti Imam Mujahid, al-Suddi, al-Hasan al-Basri, Qatadah, Abu al-'Aliyah, Al-Zuhri, al-Rabi' bin Anas, Muqatil bin Hayyan, dan lain-lainnya. Para ulama ahli tafsir dalam kalangan Mufassirin terdahulu dan yang kemudian mengetengakkannya pula, tetapi pada kesimpulannya semuanya itu merujuk kepada kisah dari Bani Israil dalam bentuk yang terperinci. Dalam pada itu, tiada suatu hadis yang marfu' lagi sahih mengenainya yang berhubung kepada Nabi SAW. Sedangkan apa yang baginda bicarakan semuanya dari wahyu yang diturunkan kepadanya. Sedangkan pengertian lahiriah dari konteks yang disajikan oleh al-Quran adalah garis besar dari kisah tersebut tanpa diperinci dan tanpa pembahasan panjang lebar. Maka kewajiban umat Islam hanya beriman dengan semua yang disebut oleh al-Quran menurut apa yang dikehendaki oleh Allah SWT sahaja dan hanya menjadikan kisah daripada Bani Israil sebagai maklumat umum sahaja dan tawaquf dalam mengimaninya melainkan untuk mengambil pengajaran. Hal ini kerana hanya Dialah Yang Maha Mengetahui hal yang sebenarnya.

Akan tetapi, berhubung dengan kisah ini terdapat sebuah athar yang gharib dengan rangkaian kisah yang aneh, sengaja diketengahkan dalam pembahasan ini untuk dijadikan sebagai peringatan dan pengajaran. Imam Abu Ja'far bin Jarir rahimahullah menceritakan dari Siti Aisyah RA (isteri Nabi SAW) yang menceritakan athar berikut (Ibn Abi Hatim, 1998: 1022; Ibn Jarir, 2001: 1695):

قَدِمَتْ عَلَيَّ امْرَأَةٌ مِنْ أَهْلِ دُومَةِ الْجَنْدَلِ، جَاءَتْ تَبْنَعِي
 رَسُولَ اللَّهِ ﷺ بَعْدَ مَوْتِهِ حَدَاثَةً ذَلِكَ، تَسْأَلُهُ عَنْ شَيْءٍ
 دَخَلَتْ فِيهِ مِنْ أَمْرِ السَّحْرِ وَلَمْ تَعْمَلْ بِهِ. قَالَتْ عَائِشَةُ
 لِعُرْوَةَ: «يَا ابْنَ أُخْتِي.» فَرَأَيْتَهَا تَبْكِي حِينَ لَمْ تَحْجِدْ رَسُولَ اللَّهِ
 ﷺ فَيَشْفِيهَا، كَانَتْ تَبْكِي حَتَّى إِتَى لِأَرْحَمِهَا، وَتَقُولُ: «إِنِّي
 لِأَخَافُ أَنْ أَكُونَ قَدْ هَلَكْتُ، كَانَ لِي زَوْجٌ فَعَابَ عَلَيَّ،
 فَدَخَلَتْ عَلَيَّ عَجُوزٌ فَشَكَوْتُ ذَلِكَ إِلَيْهَا.» فَقَالَتْ: «إِنْ
 فَعَلْتَ مَا أَمْرُكَ بِهِ فَأَجْعَلُهُ يَأْتِيكَ.» فَلَمَّا كَانَ اللَّيْلُ جَاءَتْنِي
 بِكَلْبَيْنِ أُسُودَيْنِ، فَرَكِبْتُ أَحَدَهُمَا وَرَكِبْتُ الْآخَرَ، فَلَمْ
 يَكُنْ كَشْيءٍ حَتَّى وَقَفْنَا بِبَابِلَ، فَإِذَا بِرَجُلَيْنِ مُعَلَّقَيْنِ
 بِأَرْجُلَيْهِمَا، فَقَالَا: «مَا جَاءَ بِكَ؟» فَقُلْتُ: «أَتَعَلَّمُ السَّحْرَ؟»
 فَقَالَا: «إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرِي وَارْجِعِي، فَأَبَيْتُ.»
 وَقُلْتُ: «لَا.» فَقَالَا: «أَذْهَبِي إِلَى ذَلِكَ التَّنُورِ فَبُولِي فِيهِ.»
 فَذَهَبْتُ فَفَرِزَعْتُ فَلَمْ أَفْعَلْ، فَرَجَعْتُ إِلَيْهِمَا، فَقَالَا:
 «أَفَعَلْتِ؟» قُلْتُ: «نَعَمْ.» فَقَالَا: «فَهَلْ رَأَيْتِ شَيْئًا؟» قُلْتُ:
 «لَمْ أَرِ شَيْئًا.» فَقَالَا لِي: «لَمْ تَفْعَلِي، ارْجِعِي إِلَى بِلَادِكَ وَلَا

تَكْفُرِي.» فَأَبَيْتُ، فَقَالَا: «أَذْهَبِي إِلَى ذَلِكَ التُّورِ فَبُولِي فِيهِ.» فَذَهَبْتُ، فَأَقْشَعَرْتُ وَخِفْتُ. ثُمَّ رَجَعْتُ إِلَيْهِمَا، فَقُلْتُ: «قَدْ فَعَلْتُ.» فَقَالَا: «فَمَا رَأَيْتِ؟» فَقُلْتُ: «لَمْ أَرَ شَيْئًا.» فَقَالَا: «كَذَبْتَ لَمْ تَفْعَلِي، ارْجِعِي إِلَى بِلَادِكَ وَلَا تَكْفُرِي، فَإِنَّكَ عَلَى رَأْسِ أَمْرِكِ.» فَأَبَيْتُ، فَقَالَا: «أَذْهَبِي إِلَى ذَلِكَ التُّورِ فَبُولِي فِيهِ.» فَذَهَبْتُ إِلَيْهِ فَبَلْتُ فِيهِ، فَرَأَيْتُ فَارِسًا مُتَقَنَّعًا بِحَدِيدٍ خَرَجَ مِنِّي حَتَّى ذَهَبَ فِي السَّمَاءِ وَعَابَ عَنِّي حَتَّى مَا أَرَاهُ، فَجِئْتُهُمَا فَقُلْتُ: «قَدْ فَعَلْتُ.» فَقَالَا: «مَا رَأَيْتِ؟» فَقُلْتُ: «فَارِسًا مُتَقَنَّعًا خَرَجَ مِنِّي فَذَهَبَ فِي السَّمَاءِ حَتَّى مَا أَرَاهُ.» فَقَالَا: «صَدَقْتِ، ذَلِكَ إِيْمَانُكَ خَرَجَ مِنْكَ أَذْهَبِي.» فَقُلْتُ لِلْمَرْأَةِ: «وَاللَّهِ مَا أَعْلَمُ شَيْئًا وَمَا قَالَا لِي شَيْئًا.» فَقَالَتْ: «بَلَى، لَنْ تُرِيدِي شَيْئًا إِلَّا كَانَ، خُذِي هَذَا الْقَمَحَ فَابْذُرِي.» فَبَدَرْتُ، فَقُلْتُ: «أَطْلِعِي.» فَأَطْلَعَتْ، وَقُلْتُ: «أَحْقِلِي.» فَأَحْقَلْتُ، ثُمَّ قُلْتُ: «أَفْرِكِي.» فَأَفْرَكْتُ، ثُمَّ قُلْتُ: «أَيْسِسِي.» فَأَيْسَسْتُ، ثُمَّ قُلْتُ: «أَطْحِنِي.» فَأَطْحَنَتْ، ثُمَّ قُلْتُ: «أَخْبِزِي.» فَأَخْبَزَتْ. فَلَمَّا رَأَيْتُ أَنِّي لَا أُرِيدُ شَيْئًا

إِلَّا كَانَ سُقِطَ فِي يَدِي وَنَدِمْتُ وَاللَّهِ يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ، «وَاللَّهِ مَا فَعَلْتُ شَيْئًا قَطُّ وَلَا أَفْعَلُهُ أَبَدًا.» قَالَ أَهْلُ هَذِهِ الْمَقَالَةِ بِمَا وَصَفْنَا وَاعْتَلُّوا بِمَا ذَكَرْنَا، وَقَالُوا: «لَوْلَا أَنَّ السَّاحِرَ يَقْدِرُ عَلَى فِعْلِ مَا ادَّعَى أَنَّهُ يَقْدِرُ عَلَى فِعْلِهِ مَا قَدَرَ أَنْ يُفَرِّقَ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ.» قَالُوا: «وَقَدْ أَخْبَرَ اللَّهُ تَعَالَى ذِكْرُهُ عَنْهُمْ أَنَّهُمْ يَتَعَلَّمُونَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ، وَذَلِكَ لَوْ كَانَ عَلَى غَيْرِ الْحَقِيقَةِ، وَكَانَ عَلَى وَجْهِ التَّخْيِيلِ وَالْحُسْبَانِ، لَمْ يَكُنْ تَفْرِيقًا عَلَى صِحَّةٍ، وَقَدْ أَخْبَرَ اللَّهُ تَعَالَى ذِكْرُهُ عَنْهُمْ أَنَّهُمْ يُفَرِّقُونَ عَلَى صِحَّةٍ. وَقَالَ آخَرُونَ: «بَلِ السَّحْرُ أَخَذَ بِالْعَيْنِ.»

Maksud: Pernah ada seorang wanita dari Daumat al-Jandal datang kepadaku ingin bersua dengan Rasulullah SAW Hal itu terjadi dalam waktu yang tidak begitu lama sesudah Rasulullah SAW wafat. Dia bermaksud bertanya kepada Rasulullah SAW tentang beberapa hal yang memasuki dirinya berupa ilmu sihir, tetapi dia tidak mengamalkannya. Maka Siti Aisyah berkata kepada 'Urwah, "Hai anak saudaraku." Aku lihat wanita itu menangis ketika dia mengetahui bahwa Rasulullah SAW wafat, yang mana keberadaan Rasulullah SAW merupakan harapan bagi kesembuhannya. Dia terus menangis hingga aku benar-benar merasa kasihan kepadanya. Wanita itu berkata, "Sesungguhnya aku merasa khawatir bila aku menjadi orang yang binasa. Pada mulanya aku mempunyai suami, lalu suamiku pergi meninggalkanku. Kemudian datanglah seorang nenek memasuki rumahku, maka aku mengadakan

penderitaanku kepadanya. Nenek itu berkata, "Jika kamu mahu melakukan apa yang kuperintahkan kepadamu, maka aku dapat membuat suamimu datang kepadamu." Ketika hari malam, nenek tersebut datang kepadaku membawa dua ekor anjing hitam yang besar. Dia menaiki salah satunya, sedangkan aku menaiki yang lainnya. Hairannya dalam waktu yang sekejap sahaja kami berada di negeri Babylon dan tiba-tiba kami bersua dengan dua orang lelaki yang kedua-dua kakinya dalam keadaan tergantung ke atas." Lalu kedua-dua mereka berkata, "Apakah sebabnya yang mendorongmu datang kemari?" Aku menjawab, "Kami datang untuk belajar ilmu sihir." Kedua-dua mereka berkata, "Sesungguhnya kami hanya cubaan bagimu. Sebab itu, janganlah kamu kafir, maka kembalilah kamu." Aku menolak dan berkata, "Tidak!" Kedua-dua mereka berkata, "Kalau demikian, pergilah kamu ke tempat pemanggangan roti itu lalu kencingilah." Aku berangkat (menuju ke tempat pemanggangan roti itu), tetapi aku merasa takut dan tidak jadi melakukannya, lalu aku kembali kepada kedua-dua mereka. Kedua-dua mereka berkata, "Apakah engkau melakukannya?" Aku menjawab (dengan pura-pura), "Ya!" Kedua-dua mereka bertanya, "Apakah engkau melihat sesuatu?" Aku menjawab, "Aku tidak melihat sesuatu pun." Kedua-dua mereka berkata, "Kamu masih belum melakukannya, sekarang kembalilah ke negerimu dan janganlah kamu kufur." Aku merasa ragu dan bimbang. Akhirnya aku menolak, tidak mahu kembali. Maka kedua-dua mereka berkata, "Pergilah kamu ke pemanggangan roti itu dan kencingilah." Aku pergi ke pemanggangan roti itu, tetapi bulu romaku berdiri dan aku merasa takut. Maka aku kembali lagi kepada kedua-dua mereka, dan aku katakan bahawa aku melakukannya. Kedua-dua mereka bertanya, "Apakah yang kamu lihat?" Aku menjawab, "Aku tidak melihat sesuatu pun." Kedua-dua mereka menjawab, "Kamu dusta, kamu masih belum melakukannya. Sekarang kembalilah ke negerimu dan janganlah kamu berbuat kufur, kerana sesungguhnya kamu sedang berada di puncak urusanmu." Aku merasa bimbang, dan akhirnya aku menolak, tidak mahu kembali. Lalu kedua-dua mereka berkata, "Pergilah kamu ke pemanggangan roti itu dan kencingilah." Maka aku pergi ke tempat pemanggangan roti tersebut, lalu aku kencing di situ. Aku melihat seekor kuda yang memakai tutup kepala dari

besi keluar dari diriku, dan kuda itu terbang ke langit hingga tidak tampak lagi olehku. Kemudian aku datang kepada kedua-dua mereka, dan kukatakan bahawa aku melakukan perintahnya. Maka kedua-dua mereka bertanya, "Apakah yang kamu lihat?" Aku menjawab, "Aku melihat seekor kuda yang kepalanya ditutupi keluar dari diriku, lalu terbang ke langit hingga aku tidak melihatnya lagi." Kedua-dua mereka menjawab, "Kamu benar, kuda tersebut ibarat imanmu yang keluar dari dirimu. Sekarang pergilah kamu." Lalu aku berkata kepada nenek yang menemaniku itu, "Demi Allah, aku tidak mengetahui sesuatu pun dan kedua-dua mereka tidak mengajarkan sesuatu pun kepadaku." Nenek itu berkata, "Tidak! Bahkan apa yang kamu inginkan nescaya akan terjadi. Sekarang ambillah bibit gandum ini, lalu semai kanlah!" Lalu aku menanam bibit gandum itu dan kukatakan, "Tumbuhlah!" Maka tumbuhlah ia menjadi pohon gandum yang sudah masak. Aku berkata lagi, "Masaklah kamu!" Maka tanaman gandum itu masak dengan sendirinya. Kemudian aku katakan, "Pisahkanlah biji-bijianmu!" Maka biji-bijinya memisah dengan sendirinya. Kemudian kukatakan kepadanya, "Keringlah kamu!" Maka keringlah ia dengan sendirinya. Kukatakan kepadanya, "Jadilah kamu tepung!" Maka ia menjadi tepung dengan sendirinya. Lalu kukatakan pula, "Jadi rotilah kamu!" Maka ia menjadi roti. Ketika aku melihat bahawa tidak sekali-kali diriku menginginkan sesuatu melainkan pasti terjadi, maka aku merasa menyesal dan kecewa." Wanita itu berkata, "Demi Allah, wahai Umm al-Mukminin, aku belum melakukan sesuatu pun dan aku tidak akan mengerjakannya selama-lamanya."

(Ibn Abi Hatim dan Ibn Jarir)

Athar ini dijadikan dalil oleh orang yang berpendapat bahawa ilmu sihir itu mempunyai kemampuan untuk membalikkan benda dari keadaan yang sebenarnya, kerana wanita tersebut menyemai benih, lalu tanamannya menjadi masak dengan seketika. Sedangkan menurut yang lainnya, ilmu sihir tidak mempunyai kemampuan untuk itu selain hanya sekadar membalikkan kenyataan melalui imaginasi, sebagaimana yang disebutkan dalam firman-Nya:

سِحْرُ وَأَعْيُنَ النَّاسِ وَأَسْتَرَهُمْ بُوهُمُ وَجَاءَ وَسِحْرٍ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾

Maksud: Mereka menyilap mata orang ramai dan menjadikan orang itu merasa gerun, serta mereka melakukan sihir yang besar (keadaan dan caranya). (116).

(Surah *al-A'raf*, 7: 116)

Gambaran tipuan mata sahaja bukan sebenar dalam sihir juga digambarkan dalam firman Allah SWT berikut:

يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى ﴿٦٦﴾

Maksud: Tiba-tiba tali mereka dan tongkat mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda berjalan, disebabkan sihir mereka. (66)

(Surah *Taha*, 20: 66)

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/362), athar ini menurut al-Suddi dan lain-lainnya merupakan dalil yang menunjukkan bahawa Babylon yang disebut dalam al-Quran adalah Babylon yang ada di negeri Iraq, bukan yang ada di Daynawan. Athar lain yang memperkuat pendapat bahawa yang dimaksud adalah Babylon negeri Irak ialah yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1003). Dalam riwayat ini dijelaskan bahawa Sayidina Ali RA pernah melalui di negeri Babylon dalam suatu perjalanannya. Kemudian datang kepadanya juru azan yang mengumandangkan azan solat Asar, tetapi Ali diam saja. Tatkala ia keluar dari Babylon, maka ia memerintahkan kepada juru azan tadi untuk mengumandangkan azannya, lalu didirikanlah solat Asar. Sesudah selesai dari solatnya, ia berkata:

إِنَّ حَبِيبِي ﷺ نَهَانِي أَنْ أُصَلِّيَ بِأَرْضِ الْمُقْبَرَةِ وَنَهَانِي أَنْ
أُصَلِّيَ بِبَابِلَ فَإِنَّهَا مَلْعُونَةٌ

Maksud: *Sesungguhnya kekasihku (Nabi Muhammad SAW) melarangku melakukan solat di kuburan dan melarangku pula melakukan solat di Babylon, kerana sesungguhnya kota Babylon itu adalah kota yang terkutuk.*

(Ibn Abi Hatim)

Athar ini disokong dengan athar yang lain yang diriwayatkan oleh Imam (Abu Dawud, 2009: 490):

عَنْ أَبِي صَالِحِ الْغِفَارِيِّ: «أَنَّ عَلِيًّا مَرَّ بِبَابِلَ، وَهُوَ يَسِيرُ، فَجَاءَهُ
الْمُؤَدِّنُ يُؤَدِّئُهُ بِصَلَاةِ الْعَصْرِ، فَلَمَّا بَرَزَ مِنْهَا أَمَرَ الْمُؤَدِّنَ فَأَقَامَ
الصَّلَاةَ فَلَمَّا فَرَغَ.» قَالَ: «إِنَّ حَبِيبِي ﷺ نَهَانِي أَنْ أُصَلِّيَ فِي
الْمُقْبَرَةِ، وَنَهَانِي أَنْ أُصَلِّيَ بِأَرْضِ بَابِلَ، فَإِنَّهَا مَلْعُونَةٌ.»

Maksud: *Abu soleh al-Gifari menceritakan bahawa Khalifah Ali RA pernah melewati kota Babylon dalam suatu perjalanannya. Maka datanglah kepadanya juru azan yang memberitahukan bahawa waktu Asar masuk. Ketika ia keluar dari kota Babylon, maka ia memerintahkan kepada juru azan untuk mengiqamahkan solat. Sesudah selesai dari solatnya ia menyatakan: Sesungguhnya kekasihku (Rasulullah SAW) melarangku melakukan solat di kuburan, dan beliau melarangku pula melakukan solat di Babylon, kerana sesungguhnya kota Babylon itu adalah kota yang terkutuk.*

(Abu Dawud)

Dalam athar ini terkandung hukum fiqh yang menyimpulkan bahawa makruh melakukan solat di negeri Babylon sebagaimana makruh pula melakukannya di negeri kaum Samud. Hal ini demikian kerana ada larangan dari Rasulullah SAW yang memerintahkan tidak boleh memasuki negeri kaum Samud kecuali bila mereka sambil menangis (ketika memasukinya).

Menurut ahli ilmu geografi, Babylon adalah salah satu daerah bawahan negeri Irak. Jarak antara Babylon sampai kepada laut yang ada di sebelah baratnya, iaitu yang dikenal dengan nama Auqiyanius. Diperkirakan 70 darjah garis lintangnya, sedangkan garis bujurnya diperkirakan 32 darjah.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/362) seterusnya menyambung perbincangan tafsiran dalam firman Allah SWT berikut:

وَمَا يَعْلَمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا خُنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ^ط

Maksud: *Sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)."*

(Surah al-Baqarah, 2: 102)

Terdapat juga athar daripada Ibn ‘Abbas yang menceritakan (Ibn Abi Hatim, 1998: 1021):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: «إِنَّ هَارُوتَ وَمَارُوتَ أَهْبِطَا إِلَى الْأَرْضِ فَإِذَا أَنَاهُمَا الْآتِي يُرِيدُ السَّحْرَ نَهَيَاهُ أَشَدَّ النَّهْيِ، فَإِذَا

أَبَى عَلَيْهِمَا أَمْرَاهُ أَنْ يَأْتِيَ مَكَانَ كَذَا وَكَذَا فَإِذَا أَتَاهُ عَايِنَ
الشَّيْطَانَ فَعَلَّمَهُ، فَإِذَا تَعَلَّمَهُ خَرَجَ مِنْهُ الثَّوْرُ فَنَظَرَ إِلَيْهِ
سَاطِعًا فِي السَّمَاءِ، فَيَقُولُ: يَا حَسْرَتَاهُ يَا وَيْلَهُ مَاذَا صَنَعَ.»

Maksud: Apabila ada seseorang yang datang kepada kedua-dua mereka (Harut dan Marut) dengan maksud mahu belajar ilmu sihir, maka kedua-dua mereka melarangnya dengan larangan yang keras dan menyatakan kepadanya, “Sesungguhnya kami hanya cubaan bagimu. Oleh kerana itu, janganlah kamu menjadi kafir.” Demikian itu kerana kedua-dua mereka mengetahui kebaikan, keburukan, kekufuran, dan keimanan. Kedua-dua mereka mengetahui bahawa ilmu sihir merupakan suatu kekufuran. Apabila orang yang datang itu keras kepala dan tidak mahu mengikuti nasihat kedua-dua mereka, maka kedua-dua mereka memerintahkan kepadanya agar mendatangi tempat sekian dan tempat sekian. Apabila orang tersebut mendatangi tempat yang ditunjukkan oleh kedua-dua mereka, maka ia akan bersua dengan syaitan, lalu syaitan akan mengajarnya ilmu sihir. Apabila ia mempelajarinya, maka keluarlah nur (iman) dari dirinya, lalu ia memandang ke arah nur yang terang di langit itu dan menyatakan, “Aduhai, aku sangat menyesal. Celakalah diriku ini, apa yang sudah aku lakukan.”

(Ibn Abi Hatim)

Dalam menjelaskan tafsiran ayat ini, menurut al-Hasan al-Basri (Ibn Abi Hatim, 1998: 1011):

نَعَمْ أَنْزَلَ الْمَلَائِكَةَ بِالسَّحْرِ لِيُعَلِّمُوا النَّاسَ الْبَلَاءَ الَّذِي أَرَادَ
اللَّهُ أَنْ يَبْتَلِيَ بِهِ النَّاسَ، فَأَخَذَ عَلَيْهِمَا الْمِيثَاقَ أَنْ لَا يُعَلِّمَانِ

أَحَدًا حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ. وَهُمَا يَفْعَلَانِ
لَا يُعَلِّمَانِ أَحَدًا حَتَّى يَقُولَا: إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ.

Maksud: memang benar kedua-dua malaikat itu menurunkan ilmu sibir untuk mengajarkannya kepada orang yang dikehendaki oleh Allah SWT agar mereka mendapat cubaan ini. Maka Allah SWT mengambil janji dari kedua-dua mereka, bahawa janganlah kedua-dua mereka mengajarkannya kepada seorang pun sebelum kedua-dua mereka menyatakan, “Sesungguhnya kami adalah cubaan bagimu. kerana itu, janganlah kamu menjadi kafir.”

(Ibn Abi Hatim)

Keterangan yang sama juga yang diucapkan oleh Sayidina Qatadah dan juga al-Suddi dengan sedikit penambahan, iaitu (Ibn Jarir, 2001: 1696):

فَإِذَا أَبِي قَالَ لَهُ: «أَنْتِ هَذَا الرَّمَادَ، فَبُلْ عَلَيْهِ.» فَإِذَا بَالَ عَلَيْهِ
خَرَجَ مِنْهُ نُورٌ فَسَطَعَ حَتَّى يَدْخُلَ السَّمَاءَ، وَذَلِكَ الْإِيمَانُ.
وَأَقْبَلَ شَيْءٌ أَسْوَدُ كَهَيْئَةِ الدُّخَانِ حَتَّى يَدْخُلَ فِي مَسَامِعِهِ
وَكُلَّ شَيْءٍ [مِنْهُ]. وَذَلِكَ غَضَبُ اللَّهِ. فَإِذَا أَخْبَرَهُمَا بِذَلِكَ
عَلَّمَاهُ السَّحْرَ، فَذَلِكَ قَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى: (وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ
حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ) الْآيَةَ.

Maksud: Apabila orang tersebut bersikap degil, maka kedua-dua mereka menyatakan kepadanya, “Datanglah kamu ke tempat abu anu, lalu

kencinglah padanya.” Apabila orang tersebut kencing padanya, maka keluarlah nur dari dirinya, lalu terbang ke langit hingga tidak tampak lagi. Nur tersebut merupakan iman, dan datangnya sesuatu merupakan asap, lalu asap itu memasuki telinganya dan semua lubang yang ada pada tubuhnya; hal tersebut merupakan murka Allah SWT. Apabila orang tersebut menceritakan apa yang dialaminya kepada kedua-dua mereka, barulah kedua-dua mereka mengajarkan ilmu sihir. Hal yang demikian itulah yang disebutkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “Sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya).” (Surah al-Baqarah, 2: 102), hingga akhir ayat.

(Ibn Jarir)

Oleh kerana itu, Ibn Juraj berkata berhubung takwil ayat ini (Surah al-Baqarah, 2: 102) bahawa tiada seorang pun yang berani mengerjakan sihir melainkan hanya orang kafir. Erti Fitnah ialah ujian dan cubaan. Demikian juga pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT ketika menceritakan kisah Nabi Musa AS Allah SWT berfirman:

إِنَّ هِيَ إِلَّا فِتْنَتَكَ

Maksud: (Apa yang mereka lakukan) itu hanyalah cubaan-Mu.

(Surah al-A'raf, 7: 155)

Ayat ini bermaksud bahawa ujian dan cubaan dari Engkau. Dalam firman-Nya yang selanjutnya disebutkan pula:

تُضِلُّ بِهَا مَنْ تَشَاءُ وَتَهْدِي مَنْ تَشَاءُ

Maksud: *Dengan cubaan itu Engkau sesatkan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau beri petunjuk kepada sesiapa yang Engkau kehendaki..*

(Surah *al-A'raf*, 7: 155)

Sebahagian ulama menyimpulkan dalil ayat ini, iaitu *al-Baqarah* (2: 102) bahawa kafirlah orang yang belajar ilmu sihir. Mereka memperkuatkan lagi dalil mereka ini dengan sebuah hadis (Al-Bazzar, 2009: 1873):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: «مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ سَاحِرًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ، فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ ﷺ.»

Maksud: *Abdullah (bin Mas'ud) yang menyatakan, "Barang siapa yang mendatangi tukang tenung (dukun) atau tukang sihir, lalu ia percaya kepada apa yang dikatakannya, maka sesungguhnya dia kafir terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW.*

(*Al-Bazzar*)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 363) menyambung tafsiran ayat seterusnya dalam Firman Allah SWT berikut:

فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ

Maksud: *Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua, iaitu ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Ayat ini membawa maksud bahawa orang belajar sejenis ilmu sihir dari Harut dan Marut, yang kegunaannya dapat menimbulkan berbagai macam perbuatan keji hingga sesungguhnya ilmu sihir ini benar-benar dapat memisahkan sepasang suami isteri, sekalipun pada awalnya kedua-dua mereka sangat harmoni, aman, dan rukun. Hal seperti ini merupakan perbuatan syaitan sebagai yang dinyatakan dalam hadis (Muslim, t.th.: 2813):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ إِبْلِيسَ يَضَعُ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ، ثُمَّ يَبْعَثُ سَرَايَاهُ، فَأَدْنَاهُمْ مِنْهُ مَنزِلَةً أَعْظَمُهُمْ فِتْنَةً، يَجِيءُ أَحَدَهُمْ فَيَقُولُ: «فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا.» فَيَقُولُ: «مَا صَنَعْتَ شَيْئًا.» قَالَ ثُمَّ يَجِيءُ أَحَدَهُمْ فَيَقُولُ: «مَا تَرَكْتَهُ حَتَّى فَرَقْتُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ امْرَأَتِهِ.» قَالَ: «فَيَدِينِيهِ مِنْهُ.» وَيَقُولُ: «نِعْمَ أَنْتَ.» قَالَ الْأَعْمَشُ: «أَرَاهُ.» قَالَ: «فَيَلْتَزِمُهُ.»

Maksud: Jabir bin Abdullah RA menceritakan bahawa Nabi SAW pernah bersabda, “Sesungguhnya Iblis meletakkan singgasananya di atas air lalu mengirim bala tenteranya, (syaitan) yang kedudukannya paling rendah bagi Iblis adalah yang paling besar godaannya, Salah satu antara mereka datang lalu berkata, “Aku melakukan ini dan itu.” Iblis menjawab, “Kau tidak melakukan apa pun.” Lalu yang lain datang dan berkata, “Aku tidak meninggalkannya hingga aku memisahkannya dengan istrinya.” Baginda SAW bersabda, “Iblis mendekatinya lalu berkata, “Bagus kamu.” Al-A'mash menyebutkan dalam riwayatnya, “Iblis berkata, “Tetaplah (menggodanya).”

(Muslim)

Penyebab yang memisahkan sepasang suami isteri ialah imaginasi yang disusupkan oleh syaitan kepada salah seorang dari suami atau isteri hingga ia memandang teman hidupnya itu seakan-akan buruk penampilan atau buruk pekertinya atau lain sebagainya, atau seakan-akan merasa cerewet atau marah bila memandangnya atau lain-lain yang boleh menyebabkan terjadinya perpisahan.

Lafaz al-mar'u (الْمَرْءُ) dalam ayat ini bererti suami, sedangkan bentuk ta'nisnya adalah imra'atun (امْرَأَةٌ), iaitu isteri. Kedua-dua lafaz ini hanya boleh diungkapkan dalam bentuk *tasniyah* (*dua*), tetapi tidak dapat diungkapkan dalam bentuk jamak.

Untuk tafsiran yang seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 364) menjelaskan firman Allah SWT berikut:

وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ

Maksud: *Padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Menurut Sufyan al-Sauri, makna *bi'iznillah* (بِإِذْنِ اللَّهِ) ialah dengan keputusan Allah SWT. Sedangkan menurut Muhammad bin Ishaq ertinya, “kecuali bila Allah SWT membiarkan antara si tukang sihir dengan apa yang dikehendakinya.”

Al-Hasan al-Basri sehubungan dengan takwil ayat ini menyatakan, “Memang benar. Siapa yang dikehendaki oleh Allah SWT dapat dipengaruhi oleh sihir itu, nescaya ilmu sihir dapat mencelakakannya. Barang siapa yang tidak dikehendaki oleh Allah, maka ilmu sihir tidak akan dapat mencelakakannya.” Para ahli sihir tidak dapat menimpakan mudarat (kecelakaan) kepada seorang pun kecuali dengan izin Allah,

seperti yang dijelaskan dalam ayat ini. Akan tetapi, menurut suatu riwayat yang juga dari al-Hasan al-Basri, sihir tidak dapat meniupkan mudarat kecuali terhadap orang yang mengerjakan ilmu sihir.

Setelah itu, Imam Ibn al-Kathir (1999: 364) menjelaskan firman Allah SWT berikut ini:

وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ

Maksud: *Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Ayat ini menjelaskan bahwa mempelajari sihir itu memberikan mudarat pada agama mereka dan tidak memberi manfaat yang sebanding dengan mudaratnya.

Manakala firman Allah SWT berikut:

وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ

Maksud: *Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilik ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Iaitu sesungguhnya orang Yahudi yang berpaling dari mengikuti Rasul SAW dan menggantikannya dengan mengikuti ilmu sihir, mereka mengetahui bahawa di akhirat kelak dia tidak memperoleh keuntungan. Menurut Ibn ‘Abbas, Mujahid, dan al-Suddi, makna khalaf ialah bahagian. Sedangkan Ma‘mar dan Qatadah berkata bahawa takwil ayat ini ialah

ayat ini ialah, “Tiadalah baginya di akhirat nanti suatu perhatian pun dari Allah SWT.” Menurut al-Hasan ayat ini berarti tiadalah baginya agama. Sayidina Qatadah menambah berhubung dengan makna ayat ini dengan takwil bahawa, “*Sesungguhnya ahli kitab itu mengetahui (meyakini) janji Allah SWT yang ditetapkan atas diri mereka, bahawa seorang penyihir itu tiadalah baginya keuntungan di akhirat.*”

Akhir sekali, Imam Ibn al-Kathir (1999: 364) menjelaskan firman Allah SWT berikut:

وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَالُهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلِيَسَّ مَا
 شَرَوْا بِهِۦٓ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾ وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا
 وَاتَّقَوُا الْمَثُوبَةَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّو كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksud: Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui. (102) Dan kalau sebenarnya mereka itu tetap beriman dan bertaqwa (nescaya mereka akan mendapat pahala); sesungguhnya pahala dari sisi Allah itu adalah lebih baik, kalau mereka mengetahui. (103)

(Surah al-Baqarah, 2: 102-103)

Dalam ayat ini, Allah SWT berfirman bahawa seburuk-buruk pertukaran adalah sihir yang mereka beli sebagai ganti dari iman dan mengikuti Rasul SAW kalau sahaja mereka mempunyai ilmu dari apa yang diperingatkan kepada mereka. Seandainya mereka beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, nescaya pahala di sisi Allah SWT lebih baik bagi mereka. Dengan kata lain, sesungguhnya kalau mereka beriman kepada Allah SWT dan rasul-Nya serta menjauhi hal yang diharamkan, nescaya

pahala Allah SWT atas hal tersebut lebih baik bagi mereka daripada apa yang mereka pilihkan buat diri mereka dan apa yang mereka sukai itu. Makna ayat ini sama dengan apa yang dinyatakan dalam firman-Nya:

وَقَالَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَيَلَكُمْ ثَوَابُ اللَّهِ خَيْرٌ لِّمَنِ
 ءَامِنَ وَعَمِلَ صَالِحًا وَلَا يُلْقَاهَا إِلَّا الصَّابِرُونَ ﴿٨٠﴾

Maksud: *Dan berkata pula orang yang diberi ilmu (antara mereka), "Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh; dan tidak akan dapat menerima (pahala yang demikian) itu melainkan orang yang sabar."* (80)

(Surah *al-Qasas*, 28: 80)

Adapun firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّهُمْ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا

Maksud: *Dan kalau sebenarnya mereka itu tetap beriman dan bertaqwa (nescaya mereka akan mendapat pahala.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 103)

Keseluruhan tafsiran berkaitan dengan tafsiran ayat yang berkaitan dengan sihir sudah dituntaskan. Pada dasarnya sihir sudah wujud sejak zaman Nabi Idris AS lagi sewaktu penurunan Harut dan Marut, namun Nabi Sulaiman AS berjaya membendung sihir ini dalam era pemerintahannya sebelum mula disebarkan semula oleh syaitan selepas kewafatan baginda Nabi Sulaiman AS.

Hukum Sihir

Ayat ini, iaitu *al-Baqarah* (2: 102-103) menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 364) dijadikan dalil oleh orang yang berpendapat bahawa melakukan sihir hukumnya kafir, seperti yang disebutkan dalam riwayat Imam Ahmad bin Hambal dan segolongan ulama Salaf. Sedangkan menurut pendapat yang lain tidak kafir, tetapi ia hanya dikenai hukuman hudud, iaitu dengan dipancung lehernya. Hal ini berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Imam Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hambal. Kedua-dua mereka menyatakan athar berikut (Al-Bazzar, 2009: 1060; Al-Shashi, 1989: 254):

عَنْ بَجَالَةَ بْنِ عَبْدِ قَالَ: «كُنْتُ كَاتِبًا لِحِزْرِ بْنِ مُعَاوِيَةَ، عَمَّ
الْأَحْنَفِ بْنِ قَيْسٍ، إِذْ جَاءَنَا كِتَابُ عُمَرَ قَبْلَ مَوْتِهِ بِشَهْرٍ:
«اقْتُلُوا كُلَّ سَاحِرٍ وَسَاحِرَةٍ.»

Maksud: *Bujalah bin 'Abdah berkata, "Aku adalah jurutulis bagi Jiz' bin Mu'awiyah, iaitu bapa saudara al-Ahna'f bin Qays, ketika datang kepada surat daripada Khalifah Umar sebelum kewafatannya sebulan kemudian, "Bunuhlah oleh kamu setiap tukang sihir laki-laki dan perempuan."*

(Al-Bazzar dan al-Shashi)

Terdapat juga hadis yang berkaitan dengan hadis ini daripada riwayat yang lain yang menjelaskan (Abu Dawud, 2009: 3043):

عَمْرُو بْنُ أُوَيْسٍ، وَأَبَا الشَّعْثَاءِ، قَالَ: كُنْتُ كَاتِبًا لِحِزْرِ بْنِ مُعَاوِيَةَ عَمَّ
الْأَحْنَفِ بْنِ قَيْسٍ إِذْ جَاءَنَا كِتَابُ عُمَرَ قَبْلَ مَوْتِهِ بِسَنَةٍ: اقْتُلُوا كُلَّ

سَاحِرٍ، وَفَرَّقُوا بَيْنَ كُلِّ ذِي مُحْرَمٍ، مِنَ الْمَجُوسِ وَأَنْهَوْهُمْ عَنِ
 الرِّمَزَةِ، فَفَقْتَلْنَا فِي يَوْمٍ ثَلَاثَةَ سَوَاحِرَ، وَفَرَّقْنَا بَيْنَ كُلِّ رَجُلٍ مِنْ
 الْمَجُوسِ وَحَرِيمِهِ فِي كِتَابِ اللَّهِ، وَصَنَعَ طَعَامًا كَثِيرًا فَدَعَاَهُمْ فَعَرَّضَ
 السَّيْفَ عَلَى فَخْذِهِ، فَأَكَلُوا وَلَمْ يُزِمُوا، وَالْقَوَا وَقَرَبُغُلٍ أَوْ بَغْلَيْنِ
 مِنَ الْوَرِقِ، وَلَمْ يَكُنْ عُمَرُ أَخَذَ الْجُزْيَةَ مِنَ الْمَجُوسِ حَتَّى شَهِدَ
 عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَخَذَهَا مِنْ مَجُوسِ هَجَرَ»

Maksud: 'Amr bin Aus, serta Abu al-Shasha berkata, "Dahulu aku adalah seorang juru tulis bagi Jaz' bin Mu'awiyah bapa saudara kepada al-Abnaf bin Qays, tiba-tiba terdapat surat Khlalifah 'Umar datang kepada kami satu tahun sebelum ia meninggal, ia berkata, "Bunuhlah seluruh tukang sihir dan pisahkan antara setiap orang yang memiliki mahram dari dalam kalangan orang majusi, dan laranglah mereka dari bersuara rendah yang hampir tidak terdengar suaranya. Maka kami dalam sehari sudah membunuh tiga orang tukang sihir, dan memisahkan antara setiap lelaki majusi dan mahramnya dalam kitab Allah. Dan Umar membuat makanan yang banyak kemudian mengundang mereka kemudian ia memperlihatkan pedang di atas pehanya. Kemudian mereka makan tanpa mengeluarkan suara samar yang tidak jelas dan mereka menjatuhkan bawaan seekor atau dua ekor baghal dari perak, dan Umar tidak mengambil jizyah dari orang majusi hingga Abd al-Rahman bin 'Auf bersaksi bahwa Rasulullah SAW mengambilnya dari majusi Hajar.

(Abu Dawud)

Dalam athar yang sahih disebut pula (Malik, 2004: 3247):

أَنَّ حَفْصَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ ﷺ قَتَلَتْ جَارِيَةً لَهَا سَحَرْتَهَا. وَقَدْ
كَانَتْ دَبَّرَتْهَا. فَأَمَرَتْ بِهَا فَقُتِلَتْ.

Maksud: Siti Hafshah Umm al-Mu'minin pernah disihir oleh seorang budak perempuannya, maka Siti Hafshah memerintahkan agar budak tersebut dihukum mati, lalu si budak perempuan itu pun dihukum mati.

(Malik)

Imam Ahmad bin Hambal menyatakan, dalam athar sahih dari ketiga orang sahabat Nabi SAW disebutkan bahawa penyihir dihukum mati. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Al-Tirmidhi, 1998: 1460):

عَنْ جُنْدُبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: حَدُّ السَّاحِرِ صَرْبَةٌ بِالسَّيْفِ.

Maksud: Jundub berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Hukuman had bagi penyihir ialah dipancung dengan pedang (dihukum mati)."

(Al-Tirmidhi)

Ringkasnya, menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/366), Imam Syafii rahimahullah menginterpretasikan kisah sihir yang terjadi pada masa Khalifah Umar dan yang dialami oleh Siti Hafshah sebagai perbuatan syirik.

Imam Al-Razi (1999: 3/625) dalam kitab tafsirnya meriwayatkan apa yang dikatakan oleh golongan Muktazilah bahawa mereka mengingkari kewujudan sihir. Imam al-Razi menyatakan, "Barangkali mereka mengafirkan orang yang meyakini keberadaan sihir itu." Selanjutnya al-Razi menyatakan, "Adapun menurut ahli sunnah, sesungguhnya mereka berpendapat bahawa boleh sahaja seorang ahli sihir dapat terbang di udara, atau mengubah rupa manusia menjadi keldai dan rupa keldai menjadi manusia. Hanya sahaja mereka berpendapat bahawa

sesungguhnya Allah SWT menciptakan hal tersebut pada ketika seorang penyihir membacakan mantra dan jampi tertentu. Adapun bila dikatakan bahawa hal yang mempengaruhi kejadian tersebut kerana pengaruh falak dan bintang, maka hal tersebut tidak mungkin. Hal ini berbeza halnya dengan pendapat ahli filsafat dan ahli peramal serta para pemeluk agama Sabi'ah.”

Kemudian Abu Abdullah al-Razi mengemukakan dalil yang menyatakan bahawa terjadinya sihir itu adalah kerana ciptaan Allah SWT SWT, iaitu firman Allah SWT yang menyatakan:

وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ

Maksud: *Padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 102)

Sedangkan dalil dari hadis antara lain disebutkan bahawa Rasulullah SAW pernah disihir, dan bahawa sihir sempat mempengaruhinya. Juga kisah Siti Aisyah RA bersama seorang wanita yang datang kepadanya mengakui bahawa dirinya pernah belajar sihir. Banyak lagi kisah lainnya yang sudah dikemukakan dalam tulisan ini. Sesudah itu Abu Abdullah al-Razi menyatakan hal berikut:

Ilmu sihir bukan merupakan hal yang buruk, bukan pula hal yang dilarang. Ulama ahli tahqiq sepakat menyatakan hal tersebut, mengingat ilmu itu ditinjau dari eksistensinya merupakan hal yang mulia, juga kerana pengertian umum yang terkandung dalam firman-Nya:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksud: *Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?"*

(Surah *al-Zumar*, 39: 9)

Hal ini kerana ilmu sihir itu kalau tidak diketahui, nescaya tidak mungkin dapat dibezakan antara sihir dan mukjizat. Sedangkan ilmu yang menuntun untuk mengetahui sesuatu sebagai mukjizat adalah wajib, dan sesuatu yang menjadi sandaran bagi hal yang wajib hukumnya wajib pula. Maka dari hal ini tersimpul bahawa mengetahui ilmu sihir hukumnya wajib, sedangkan sesuatu yang wajib itu tidak mungkin dapat dikatakan sebagai hal yang haram atau buruk.

(Al-Razi, 1999: 3/626)

Demikianlah konteks dari pendapat Abu Abdullah al-Razi dalam masalah ini.

Pendapat ini masih perlu dipertimbangkan dari berbagai segi, antara lain beliau menyatakan bahawa mengetahui ilmu sihir bukan merupakan hal yang buruk. Jikalau yang dimaksud dengan kalimat ini ialah tidak buruk menurut rasional akal, maka orang yang menentang pendapat ini dalam kalangan golongan Muktazilah sudah pasti sangat tidak setuju dengan pendapat ini. Jika yang dimaksud ialah tidak buruk menurut penilaian syarak (agama), bererti dalam ayat ini terkandung pengertian yang mempropagandakan belajar ilmu sihir. Sedangkan dalam hadis ada menyebut (Ahmad, 2001: 9536):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، وَالْحَسَنِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: «مَنْ آتَى كَاهِنًا، أَوْ عَرَّافًا، فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ، فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ.»

Maksud: *Barang siapa yang datang kepada tukang ramal atau tukang tenung, maka sesungguhnya dia kafir (ingkar) kepada kitab (al-Quran) yang diturunkan kepada Muhammad.*

(Ahmad)

Terdapat juga hadis yang menyatakan (Al-Nasa'i, 1986: 4079):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ «مَنْ عَقَدَ عُقْدَةً، ثُمَّ نَفَثَ فِيهَا فَقَدْ سَحَرَ، وَمَنْ سَحَرَ فَقَدْ أَشْرَكَ، وَمَنْ تَعَلَّقَ شَيْئًا وَكَلَّ إِلَيْهِ»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Barang siapa yang mengikat simpulan kemudian meniupnya sungguh ia berbuat sihir, dan barang siapa yang melakukan sihir maka sungguh ia berbuat syirik dan barang siapa yang menggantungkan sesuatu maka ia akan diserahkan kepadanya.*

(Al-Nasa'i)

Dalam menanggapi perkataan Abu Abdullah al-Razi yang menyatakan, "Tiada larangan, para ulama ahli tahqiq sepakat atas hal ini," timbul suatu pertanyaan, "mengapa ilmu sihir itu tidak dilarang, padahal ayat dan hadis yang dibincangkan dan kemukakan mengecamnya?" Kesepakatan ulama ahli tahqiq seperti yang dikatakannya menuntut adanya bukti berupa nas dalam masalah ini daripada beberapa orang ulama atau dari kebanyakan mereka, lalu manakah nas mereka yang menunjukkan adanya kesepakatan tersebut? Mengenai pendapat Abu Abdullah al-Razi yang memasukkan ilmu sihir ke dalam pengertian umum firman Allah SWT dalam surah *al-Zumar* (39: 9), maka hal ini masih perlu dipertimbangkan kebenarannya, mengingat ayat ini hanyalah menunjukkan makna memuji orang yang alim dalam ilmu syariat. Oleh itu, mengapa beliau sampai berani menyatakan bahawa ilmu sihir

adalah sebahagian dari syariat, dan bahkan beliau mengangkat ilmu sihir kepada kategori ilmu yang wajib dipelajari dengan alasan untuk mengetahui mukjizat tidak dapat dilakukan melainkan dengan mengetahui ilmu sihir. Alasan ini sangat lemah, bahkan dapat dikatakan batil.

Hal ini demikian kerana mukjizat yang paling agung dari Rasul kita ialah al-Quran al-'Azim yang tidak datang kepadanya kebatilan, baik dari depan mahupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Tuhan Yang Mahabijaksana lagi Maha Terpuji. Kemudian perlu diperhatikan bahawa sesungguhnya untuk mengetahui sesuatu sebagai mukjizat, pada prinsipnya tidak bergantung kepada pengetahuan ilmu sihir. Sebagai bukti yang tepat ialah para sahabat, para tabiin, dan para imam kaum Muslim serta dalam kalangan awam; mereka mengetahui hal yang mukjizat, mereka pun dapat membezakan antara mukjizat dan sihir, sekalipun mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu sihir. Dengan kata lain, mereka tidak pernah mempelajarinya, tidak pula mengerjakannya.

Pembahagian Ilmu Sihir

Kemudian Imam Al-Razi (1999: 3/619) menyebutkan bahawa ilmu sihir itu ada delapan macam, iaitu:

(1) Sihir Orang Pendusta dan Kaum Kasydani

Bahagian pertama sihir ialah sihir orang pendusta dan kaum Kasydani, iaitu mereka yang menyembah tujuh bintang yang beredar. Mereka mempunyai keyakinan bahawa bintang tersebutlah yang mengatur alam ini, dan bintang itulah yang mendatangkan kebaikan dan kejahatan. Mereka adalah kaum yang diutus kepada mereka Nabi Ibrahim AS untuk membatalkan pendapat mereka dan mematahkan hujah mereka. Sehubungan dengan masalah ini diadakan suatu penelitian yang membuahkan karya tulis seperti *kitab SIRRUL MAKTUM FI MUKHATABATISY SYAMSI WAN NUJUM* yang dinisbatkan kepada apa yang dialami oleh Nabi Ibrahim AS pada permulaan perkaranya, sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Khalkan dan lain-lainnya. Menurut suatu pendapat,

Ibn Khalkan bertubat atas karya tulisnya itu. Menurut pendapat yang lainnya lagi, sesungguhnya Ibn Khalkan menulis hal tersebut dengan maksud menonjolkan keutamaannya, bukan bermaksud meyakinkannya. Memang tanggapan inilah yang disangkakan kepadanya, hanya dia menyebutkan dalam kitabnya itu cara mereka berdialog dengan masing-masing dari ketujuh bintang tersebut; disebutkan pula cara yang mereka lakukan serta upacara ritual yang diada-adakan mereka terhadap bintang tersebut.

(2) Sihir yang Dilakukan oleh Orang yang Memiliki Ilusi dan Jiwa yang Kuat

Bahagian kedua sihir ialah sihir yang dilakukan oleh orang yang memiliki ilusi dan jiwa yang kuat. Imam Al-Razi (1999: 3/621) mengetengahkan alasan yang membuktikan ilusi mempunyai pengaruh, bahawa seorang manusia dapat sahaja berjalan di atas jambatan yang diletakkan di atas permukaan tanah, sedangkan ia tidak dapat berjalan di atasnya bila jambatan diletakkan memanjang di atas sungai atau lainnya. Abu Abdullah al-Razi menyatakan, para tabib sepakat melarang orang yang keluar darah daripada hidup memandang kepada sesuatu yang berwarna merah, dan orang yang berpenyakit sawan babi dilarang memandang kepada sesuatu yang sangat menyilaukan atau sesuatu yang berputar. Hal tersebut tiada lain kerana jiwa manusia diciptakan tunduk kepada ilusinya. Beliau melanjutkan perbincangannya, bahawa para cendekiawan sepakat bahawa penyakit *'ain* merupakan perkara yang hak (nyata). Sebagai dalilnya dapat diketengahkan sebuah hadis sahih (Muslim, t.th.: 2188):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الْعَيْنُ حَقٌّ، وَلَوْ كَانَ شَيْءٌ سَابِقَ الْقَدَرِ سَبَقَتْهُ الْعَيْنُ، وَإِذَا اسْتُغْسِلَتْمْ فَاغْسِلُوا.»

Maksud: *Ibn ‘Abbas menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, “Penyakit ‘ain itu hal yang hak. Sekiranya ada sesuatu yang dapat mendahului takdir, nescaya penyakit ‘ain dapat mendahuluinya.*

(Muslim)

Imam Al-Razi (1999: 3/621) menyatakan, “Apabila Anda mengetahui hal ini, maka kami katakan bahawa jiwa yang dapat melakukan perbuatan tersebut adakalanya kuat sekali. Untuk itu dalam merealisasikan perbuatan itu ia tidak memerlukan bantuan kemudahan atau alat bantu lainnya. Adakalanya jiwa itu lemah, maka untuk merealisasikannya ia memerlukan peralatan tersebut.”

Hakikat hal tersebut ialah bahawa jiwa manusia apabila lebih tinggi daripada tubuh kasarnya, maka ia sangat cenderung kepada alam samawi; hingga jadilah ia seakan-akan roh samawi, dan ia mempunyai kekuatan yang menakjubkan untuk mempengaruhi semua unsur dari alam kasar ini. Sebaliknya, apabila jiwa seseorang lemah dan cenderung bergantung kepada tubuh kasarnya, maka ketika itu ia tidak mempunyai pengaruh sama sekali kecuali hanya dalam tubuh kasarnya sahaja.

Kemudian Abu Abdullah al-Razi memberikan petunjuk untuk mengubati penyakit ‘ain ini dengan cara mengurangi makan, menjauhi dari manusia, dan membebaskan diri dari perasaan riyak. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/368), apa yang diisyaratkan oleh Abu Abdullah ini termasuk ke dalam pengertian indera yang keenam atau *al-Tasarruf bi al-hal* (التَصَرُّفُ بِأَحَالٍ). Hal ini terbagi menjadi dua bahagian, iaitu adakalanya termasuk dari jenis yang benar lagi diakui oleh syariat. Pemiliknya menggunakannya untuk hal yang diperintahkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya serta menjauhi hal yang dilarang oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Indera jenis ini merupakan anugerah dari Allah SWT dan merupakan karamah bagi orang soleh dalam kalangan umat ini. Jenis ini sama sekali bukan dinamakan sihir menurut penilaian syarak.

Adakalanya keadaan yang dialami oleh pemiliknya batil serta pemiliknya tidak mengerjakan hal yang diperintahkan oleh Allah SWT

dan rasul-Nya, dan ia tidak menggunakan bakatnya itu untuk keperluan tersebut. Jenis inilah yang dialami oleh orang celaka, iaitu mereka yang menyimpang dari syariat, serta keadaan yang dialaminya itu tidak menunjukkan bahawa mereka menerimanya sebagai anugerah dari Allah SWT dan tidak menunjukkan pula bahawa Allah SWT mencintai mereka. Perihalnya sama dengan apa yang dimiliki oleh Dajjal; dia mempunyai banyak hal yang bertentangan dengan hukum alam, seperti yang dijelaskan oleh banyak hadis. Akan tetapi, sekalipun demikian hal tersebut tercela menurut penilaian syarak. Semoga laknat Allah SWT tetap atas diri Dajjal. Demikian pula keadaan orang yang menyerupai Dajjal dalam kalangan mereka yang dianugerahi bakat ini, tetapi bertentangan dengan syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

(3) Sihir Kerana Meminta Pertolongan Roh di Bumi

Termasuk ke dalam kategori sihir ini menurut Imam Al-Razi (1999: 3/623) ialah meminta bantuan kepada roh yang ada di bumi, iaitu makhluk jin. Berbeza dengan pendapat para ahli filsafat dan golongan Muktazilah, mereka berpendapat bahawa jin itu terbagi menjadi dua bahagian, iaitu jin yang Mukmin dan jin kafir, iaitu syaitan. Abu Abdullah al-Razi menyatakan, menghubungi roh jenis ini lebih mudah berbanding menghubungi roh samawi, Hal ini disebabkan adanya kesamaan dan hubungan yang berdekatan antara kedua-dua mereka. Kemudian orang yang ahli dalam bidang ini dan banyak melakukan percubaan menyaksikan bahawa berhubungan dengan roh yang ada di bumi dapat dilakukan hanya dengan melakukan perbuatan yang mudah lagi tidak banyak, seperti membaca mantera, membakar kemenyan, dan jampi. Jenis ini dinamakan *al-‘azaim* (العزائم) atau menundukkan makhluk jin.

(4) Sihir dari Tipuan Ilusi dan Silap Mata

Bahagian keempat sihir ialah sihir tipuan melalui ilusi, membalikkan pandangan mata, serta silap mata (Al-Razi, 1999: 3/624). Dasar jenis ini ialah bahawa mata itu adakalanya keliru dan sibuk dengan sesuatu

yang tertentu sehingga melupakan yang lainnya. Tidakkah dapat dilihat bahawa seorang silap mata yang cerdik dapat memperlihatkan kepada orang ramai sesuatu yang menakjubkan penglihatan orang yang menontonnya hingga semua pandangan mata mereka tertuju kepadanya. Tetapi bila semua perhatian mereka tertuju kepada sesuatu yang dilakukannya itu, maka si ahli silap mata melakukan hal yang lain secepat kilat, hingga yang tampak di mata mereka adalah sesuatu yang berbeza dengan apa yang mereka tunggu-tunggu, dan akhirnya mereka merasa takjub sekali dengan perbuatan si ahli silap mata itu. Sekiranya si ahli silap mata itu diam dan tidak menyatakan hal yang memalingkan perhatian para penontonnya kepada lawan dari perbuatan yang hendak dilakukannya itu, serta jiwa dan ilusi para penontonnya tidak memperhatikan apa yang hendak diperbuatnya, nescaya penonton akan mengerti semua perbuatan yang dilakukannya. Abu Abdullah al-Razi menyatakan, setiap kali keadaan mendukung pengurangan pandangan mata secara baik, maka hasil silap mata akan makin bertambah baik. Misalnya si silap mata duduk di tempat yang terang sekali atau di tempat yang gelap, maka pandangan mata penonton kurang fokus terhadap dirinya bila keadaannya demikian. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/369), sebahagian ahli tafsir menyatakan bahawa sesungguhnya sihir yang dilakukan di hadapan Raja Firaun tiada lain termasuk ke dalam Bab silap mata ini. Hal ini kerana Allah SWT berfirman dalam Kitab-Nya:

فَلَمَّا أَتَوْا سَحَرُوا أَعْيُنَ النَّاسِ وَأَسْرَهُبُهُمْ وَجَاءُوا

بِسِحْرِ عَظِيمٍ ﴿١١٦﴾

Maksud: *Nabi Musa menjawab, "Campakkanlah kamu (dahulu)!" Maka apabila mereka mencampakkan (tongkat dan tali masing-masing), mereka menyilap mata orang ramai dan menjadikan orang itu*

merasa gerun, serta mereka melakukan sihir yang besar (keadaan dan caranya). (116).

(Surah *al-A'raf*, 7: 116)

Dan firman Allah SWT:

يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى ﴿٦٦﴾

Maksud: Tiba-tiba tali mereka dan tongkat mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda berjalan, disebabkan sihir mereka. (66)

(Surah *Taha*, 20: 66)

Sebahagian dalam kalangan ahli tafsir menyatakan bahawa tali dan tongkat tersebut pada hakikatnya tidak merayap.

(5) Reaksi Ajaib Hasil Peralatan Kejuruteraan

Bahagian Kelima Sihir ialah sihir yang terhasil daripada reaksi ajaib yang timbul dari penyusunan berbagai alat yang disusun menurut bentuk kejuruteraan. Termasuk perbuatan sihir ini menurut Imam Al-Razi (1999: 3/624) ialah patung berbentuk seperti seorang yang menunggang kuda, sedangkan tangannya memegang sebuah gendang besar. Apabila lewat suatu tempoh pada siang hari seperti setiap satu jam, maka gendang besar itu dipukulnya tanpa ada seorang pun yang menyentuhnya. Termasuk ke dalam kategori jenis ini ialah patung yang dibuat oleh bangsa Romawi dan bangsa India hingga orang yang melihatnya tidak dapat membezakan antara patung dan manusia yang betul. Bahkan hingga mereka mampu membuatnya dalam rupa sedang tertawa dan sedang menngis.

Kemudian Abu Abdullah al-Razi menyatakan bahawa segi ini termasuk kelembutan dari hal yang bersandar kepada ilusi. Beliau

menyatakan pula bahawa sihir yang dilakukan oleh tukang sihir Raja Firaun termasuk ke dalam kategori jenis ini. Dari pendapat yang dikatakan oleh sebahagian ahli tafsir sehubungan dengan sihir yang disajikan oleh tukang sihir Raja Firaun. Disimpulkan bahawa sesungguhnya mereka terlebih dahulu mempersiapkan tali dan tongkat tersebut sebelumnya mereka isi terlebih dahulu dengan air logam berwarna perak (raksa). Oleh kerana itu, sesudah semuanya dilepaskan, maka benda itu meliuk-liuk bergerak kerana pengaruh dari air raksa tersebut. Maka terbayang di mata para penontonnya seakan-akan tali dan tongkat tersebut berjalan cepat dengan sendirinya. Al-Razi menyatakan, termasuk ke dalam bab ini ialah bangunan jam pasir (Rumah kaca untuk mengukur waktu, berdasarkan aliran suatu bahan berupa pasir dan sebagainya pada zaman dahulu), demikian pula ilmu menarik barang yang berat dengan alat yang ringan.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/369), pada hakikatnya jenis ini tidak seharusnya dikategorikan sebagai sihir, Hal ini disebabkan kejadiannya dapat diketahui melalui penyebab yang dimaklumi dan pasti. Untuk itu barang siapa yang memahaminya, nescaya ia dapat melakukannya. Menurut Imam Ibn Kathir lagi, termasuk ke dalam bab ini (yang penyebabnya jelas) ialah tipu muslihat yang dilakukan oleh orang khusus Nasrani terhadap dalam kalangan awam mereka, melalui cahaya api yang diperlihatkan kepada dalam kalangan awam, seperti kes yang terjadi di suatu gereja milik mereka di kota Baitulmaqaddis. Mereka melakukan tipu muslihat melalui hal tersebut dengan cara memasukkan api secara sembunyi-sembunyi ke dalam gereja, lalu lampu besar gereja tersebut dinyalakan melalui cara yang lembut (samar) hingga memperdaya dalam kalangan orang awam mereka. Adapun bagi dalam kalangan khusus mereka, hal tersebut sudah diketahuinya, tetapi mereka mencari-cari alasan untuk menyembunyikan rahsia itu, bahawa hal tersebut dapat dijadikan alatan untuk mempersatukan rakan seagama mereka, maka mereka memandang perbuatan tersebut sebagai hal yang diperbolehkan. Perihalnya sama dengan apa yang dilakukan oleh orang tolol lagi bodoh dalam kalangan aliran Karamiyah, iaitu mereka

yang memperbolehkan membuat hadis dalam masalah targib dan tarhib. Mereka itu termasuk ke dalam golongan orang yang diancam oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya (Al-Bukhari, 2001: 1291; Muslim, t.th.: 3):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا، فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.»

Maksud: *Barang siapa yang berdusta dengan sengaja mengatasnamakan diriku, maka hendaklah ia bersiap-siap mengambil tempat du-duknnya di neraka.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Begitu juga dengan hadis berikut (Ahmad, 2001: 11424):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «حَدِّثُوا عَلَيَّ وَلَا تَكْذِبُوا عَلَيَّ، وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَقَدْ تَبَّأَ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ، وَحَدِّثُوا عَنِّي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرْجَ.»

Maksud: *Abu Sa'id al-Khudri RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Ceritakanlah hadis dariku, tetapi janganlah kamu berdusta terhadap diriku, kerana sesungguhnya orang yang berdusta terhadapku pasti masuk neraka. Dan riwayatkanlah dari bani Israil, kamu tidak berdosa."*

(Ahmad)

Kemudian dalam bab ini Imam Al-Razi (1999: 3/624) menyebut sebuah kisah dari salah seorang rahib. Pada suatu hari ia mendengar

suara seekor burung yang mengeluarkan suara sedang sedih dan lemah gerakannya. Apabila suara itu terdengar oleh burung lainnya, burung lain merasa kasihan kepadanya. Kemudian mereka pergi dan datang lagi dengan membawa buah zaitun, lalu mereka lemparkan zaitun itu ke sarang burung yang sedang sedih tersebut agar dimakannya. Lalu rahib ini sengaja membuat sebuah boneka yang bentuknya mirip dengan burung yang sedang menderita itu, kemudian ia menjadikan boneka burungnya itu berlubang pada bahagian dalamnya; apabila ada angin yang memasuki rongga tersebut, akan keluarlah darinya suara seperti suara burung yang sedang menderita itu. Kemudian ia tinggal dalam gereja yang dibangunnya yang ia duga berada di atas kuburan salah seorang yang soleh dalam kalangan mereka. Lalu ia menggantungkan boneka burungnya itu di salah satu tempat dari gerejanya. Apabila musim buah zaitun tiba, ia membuka sebuah jendela yang berhadapan dengan arah burung buatannya itu, hingga masuklah angin dan meniup boneka burungnya dan keluarlah suara darinya. Suaranya itu terdengar oleh burung lain yang rupanya sejenis dengan boneka burung itu, lalu mereka berdatangan dengan membawa buah zaitun yang banyak jumlahnya. Orang Nasrani tidak melihat hal yang lain kecuali adanya buah zaitun tersebut dalam gerejanya, tanpa mereka ketahui sebab-musababnya; hingga mereka teperdaya, dan mereka menduga bahawa hal tersebut termasuk keramat dari pemilik kuburan yang ada dalam gereja itu. Semoga laknat Allah SWT tertimpa ke atas mereka berturut-turut hingga hari kiamat nanti kerana melakukan penipuan kepada umat manusia.

(6) Sihir dalam Ubat-ubatan dan Makanan

Termasuk ke dalam perbuatan sihir ialah menggunakan alat bantuan berupa ubat-ubatan, iaitu dalam berbagai macam makanan dan minyak-minyak. Imam Al-Razi (1999: 3/625) menyatakan, perlu diketahui bahawa sesungguhnya tiada jalan untuk mengingkari bahan yang khusus, mengingat pengaruh magnet memang dapat disaksikan. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/370), termasuk ke dalam kategori ini apa yang

banyak dilakukan oleh orang yang menamakan dirinya fakir. Dia menipu dalam kalangan awam dari manusia dengan memakai wadah bahan khusus ini, lalu mengaku bahawa hal ini terjadi kerana akibat pengaruh dari seringnya dia bergaul dengan api dan memegang ular beracun serta lain-lainnya yang termasuk ke dalam bahagian ini.

Termasuk ke dalam sihir ialah mempengaruhi hati orang lain. Misalnya seorang penyihir mengakui bahawa dirinya mengetahui Ism *al-A'zam* sehingga jin taat serta tunduk kepadanya dalam berbagai hal. Apabila propagandanya itu secara kebetulan didengar oleh orang yang lemah akalanya dan tidak matang, mereka menyangka bahawa si penyihir itu benar, lalu hatinya tertawan dan tertunduk kepadanya, dan terjadilah dalam hatinya suatu perasaan takut dan khawatir terhadap si penyihir itu. Apabila terjadi rasa takut dalam hatinya, lemahlah kekuatan pancainderanya, maka pada ketika itu si penyihir dapat menguasainya dan dapat melakukan apa yang dikehendakinya. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/370), jenis ini dikatakan *tambulah* (التَّامُلَةُ), melakukan hipnosis. Sesungguhnya jenis ini hanya dapat mengenai dalam kalangan orang yang lemah akalanya. Dalam ilmu firasat, terdapat pengetahuan yang mendorong untuk mengetahui orang yang berakal kuat dan orang yang berakal lemah. Apabila orang yang bersangkutan berakal cerdas dan menguasai ilmu firasat, maka dia akan mengetahui siapa antara mereka yang taat kepadanya dan siapa yang tidak mahu taat.

(7) Al-Namimah

Termasuk ke dalam kategori sihir ialah melakukan *namimah* dan adu domba dengan menggunakan cara yang mudah lagi lembut, tidak kelihatan. Jenis ini menurut Imam Al-Razi (1999: 3/625) terkenal dalam kalangan orang banyak. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/370), *namimah* itu terbagi menjadi dua jenis; adakalanya untuk tujuan mengadu domba antara orang lain dan memecah belah hati kaum Mukmin. Jenis ini jelas haram menurut kesepakatan semuanya. Jika *namimah* yang dilakukan untuk tujuan mendamaikan masalah antara orang lain dan untuk menyatukan serta membentuk kerukunan

umat Islam seperti yang disebutkan oleh hadis berikut (Ahmad, 2001: 27279):

عَنْ أُمِّهِ أُمِّ كَلْثُومِ بِنْتِ عُقْبَةَ - قَالَ: وَكَانَتْ مِنَ الْمُهَاجِرَاتِ الْأُولِ
- قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «لَيْسَ بِالْكَذَّابِ مَنْ أَصْلَحَ
بَيْنَ النَّاسِ فَقَالَ خَيْرًا أَوْ نَمَى خَيْرًا»، وَقَالَ مَرَّةً: «وَنَمَى خَيْرًا».

Maksud: *Umm al-Kalthum binti 'Uqbah RA yang merupakan wanita pertama yang berhijrah berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Bukanlah pendusta orang yang melakukan namimah untuk kebaikan. Baginda bersabda, "Perkara itu sangat baik" atau "Namimah itu baik." Kemudian Baginda SAW mengulanginya, "Namimah itu baik."*

(Ahmad)

Atau dengan tujuan untuk menghina dan memecah-belah antara persatuan orang kafir, maka hal ini merupakan perkara yang dianjurkan, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 6930; Muslim, t.th.: 1066):

قَالَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: «فَإِنَّ الْحَرْبَ خَدَعَةٌ.»

Maksud: *Sayidina 'Ali RA berkata, "Adalah sesungguhnya Perang itu tipu muslihat."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Juga seperti apa yang dilakukan oleh Nu'aim bin Mas'ud ketika ia memecah-belah persatuan golongan yang bersekutu dengan Bani Quraizah. Nu'aim datang kepada salah satu pihak dari kedua-dua

golongan itu, lalu beliau menceritakan kepada mereka apa yang dikatakan oleh golongan lainnya tentang diri mereka. Kemudian beliau menyampaikan kepada golongan lainnya kata-kata yang lain dari golongan yang pertama, lalu beliau adu dombakan antara kedua-dua golongan tersebut hingga mereka saling curiga mencurigai dan pecahlah persatuan mereka. Sesungguhnya orang yang dapat melakukan hal seperti ini hanyalah orang yang mempunyai kecerdasan dan pandangan yang tajam. Akhirnya hanya kepada Allah tempat untuk memohon pertolongan.

Selanjutnya Imam Al-Razi (1999: 3/625) berkata, demikianlah pembahagian sihir dan penjelasan serta tingkatannya secara global. Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/370), sesungguhnya dimasukkan ke dalam kategori sihir banyak hal yang disebut di atas, tiada lain kerana hal tersebut sulit untuk diketahui penyebabnya dan sangat halus. Hal ini berkait rapat dengan definisi sihir menurut istilah bahasa artinya sesuatu yang lembut dan samar penyebabnya. Untuk itu, dalam sebuah hadis di sebutkan (Al-Bukhari, 2001: 5767):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّهُ قَدِمَ رَجُلَانِ مِنَ الْمَشْرِقِ
فَخَطَبَا، فَعَجِبَ النَّاسُ لِبَيَانِهِمَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ
مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا، أَوْ: إِنَّ بَعْضَ الْبَيَانِ لَسِحْرٌ.»

Maksud: *Abdullah bin 'Umar RA menceritakan, "Dua orang dari penduduk Masyriq datang kepadanya, lalu keduanya berkhutbah hingga orang ramai merasa takjub dengan penjelasannya, lantas Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya dalam penjelasan (bayan) itu mengandung sihir, atau sesungguhnya sebahagian bayan (penjelasan) itu mengandung sihir."*

(Al-Bukhari)

Dinamakan *al-suhur* (السُّحُورُ) kerana dilakukan pada penghujung malam hari di ketika cuaca masih gelap tidak kelihatan. Sedangkan perkataan *al-sahar* (السَّحْرُ) bererti *ri'ah*, (الرِّيْئَةُ), iaitu paru-paru yang merupakan pusat pernapasan. Dinamakan demikian kerana tempatnya tersembunyi dan jaringannya lembut menyebarkan ke seluruh bahagian tubuh dan semua syaraf. Seperti yang dikatakan oleh Abu Jahal kepada 'Utbah pada hari Perang Badar:

اَنْتَفَخَ سَحْرُكَ

Maksud: *Paru-parunya mengembang kerana dicekam oleh rasa takut yang sangat.*

Selain itu, Siti 'A'ishah RA pernah menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 1389; Muslim, t.th.: 2443):

قَبَضَهُ اللهُ بَيْنَ سَحْرِي وَنَحْرِي وَدَفِنَ فِي بَيْتِي.

Maksud: *Allah mencabut nyawa Baginda yang berada dalam dekapan dadaku dan pangkuanku, lalu Beliau dikebumikan di rumahku".*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Perkataan sihir ini digunakan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

سَحَرُواْ عَيْنَ النَّاسِ

Maksud: *Mereka menyilap mata orang ramai.*

(Surah *al-A'raf*, 7: 116)

Ayat ini membawa pengertian bahawa mereka menyembunyikan apa yang mereka lakukan dari mata orang ramai.

Imam Al-Qurtubi (2003: 2/46) menyatakan, “Menurut Ijmak dalam kalangan kami, sihir itu merupakan perkara yang nyata.” Hal ini kerana Allah SWT menciptakan untuknya apa yang dikehendaki oleh si penyihir sebagai satu bentuk istidraj. Namun pandangan ini berbeza menurut pendapat golongan Muktazilah dan Abu Ishaq al-Isfiryani dalam kalangan mazhab Syafi'i. Mereka menyatakan bahawa sesungguhnya sihir itu adalah pengelabuan dan ilusi semata-mata. al-Qurtubi menyatakan, termasuk ke dalam kategori sihir ialah sesuatu yang dilakukan dengan tangan yang cepat seperti permainan silap mata. Ibn Faris menyatakan bahawa pendapat ini bukan diutarakan oleh penduduk pedalaman.

Imam al-Qurtubi menambah, termasuk ke dalam sihir ialah bacaan yang dihafal dan melakukan ruqyah dengan menyebut asma Allah SWT Adakalanya sihir itu merupakan perjanjian dengan syaitan, maka kejadiannya akan menimbulkan berbagai macam penyakit dan kerusakan serta lain-lainnya yang berbahaya.

Al-Qurtubi menyatakan bahawa sabda Rasul SAW yang menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 5767):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّهُ قَدِمَ رَجُلَانِ مِنَ الْمَشْرِقِ
فَخَطَبَا، فَعَجِبَ النَّاسُ لِبَيَانِهِمَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ
مِنَ الْبَيَانِ لَسِحْرًا، أَوْ: إِنَّ بَعْضَ الْبَيَانِ لَسِحْرٌ.»

Maksud: *Abdullah bin 'Umar RA menceritakan, “Dua orang dari penduduk Masyriq datang kepadanya, lalu keduanya berkhutbah hingga orang ramai merasa takjub dengan penjelasannya, lantas Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya dalam penjelasan (bayan) itu mengandungi sihir, atau sesungguhnya sebahagian bayan (penjelasan) itu mengandungi sihir.”*

(Al-Bukhari)

Kalimat ini dapat diinterpretasikan sebagai pujian, menurut apa yang dikatakan oleh segolongan ulama. Dapat pula diinterpretasikan sebagai celaan terhadap ilmu Balaghah. Selanjutnya, Imam al-Qurtubi memberikan komentarnya bahawa pendapat yang terakhir inilah yang lebih sahih, disebabkan Balaghah dijadikan sebagai wadah untuk membenarkan hal yang batil, sehingga pendengarnya terpesona dengan kata-katanya dan sehingga menyangkanya berada di pihak yang benar, seperti yang disebutkan oleh sabda Nabi SAW yang menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 7168; Muslim, t.th.: 1713):

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّكُمْ تَحْتَصِمُونَ
إِلَيَّ، وَلَعَلَّ بَعْضَكُمْ أَنْ يَكُونَ أَلْحَنَ بِحُجَّتِهِ مِنْ بَعْضٍ،
فَأَقْضِي لَهُ عَلَى نَحْوِ مِمَّا أَسْمَعُ مِنْهُ، فَمَنْ قَطَعْتَ لَهُ مِنْ حَقِّ
أَخِيهِ شَيْئًا، فَلَا يَأْخُذْهُ، فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ بِهِ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ»

Maksud: *Umm al-Salaham* berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Kamu mengadukan perkara kepadaku (kerana minta diadili), mungkin salah satu pihak lebih pandai memberikan alasannya dari pada yang lain, lalu aku putuskan perkaranya sesuai dengan yang aku dengar, jika aku memberi putusan dengan mengorbankan hak saudaranya maka janganlah ia ambil, sesungguhnya aku memberinya potongan api neraka.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis, berhujah dengan kata-kata sehingga mempengaruhi hakim atau juri dalam percabangan tetap juga berdosa sekiranya hujah tersebut menyebabkan seseorang teraniaya sedangkan dia mengetahui

hak seseorang sudah dinafikan. Sedangkan hakim dan juri yang menghukumkan berdasarkan kata-kata tersebut hanya melaksanakan hukum berdasarkan fakta yang diberikan oleh pemberi hujah. Oleh itu, mereka tidak bersalah dalam berhukum.

Hukum Belajar dan Menggunakan Sihir

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/371), Al-Wazir Abul Muzaffar, iaitu Yahya bin Muhammad bin Hubairah dalam kitabnya yang berjudul *al-Isyraf 'Ala Mazahib al Asyraf* mengetengahkan sebuah bab yang membahas masalah sihir. Ia menyatakan bahawa mereka sepakat bahawa sihir itu mempunyai kenyataan, kecuali Imam Abu Hanifah. Abu Hanifah berpendapat bahawa sihir tidak ada kenyataannya.

Para ulama berselisih pendapat mengenai orang yang belajar sihir dan menggunakannya. Imam Abu Hanifah, Imam Malik, dan Imam Ahmad menyatakan bahawa pelakunya menjadi kafir. Dari dalam kalangan murid Imam Abu Hanifah ada yang menyatakan bahawa sesungguhnya kalau seseorang belajar ilmu sihir hanya untuk pertahanan diri atau untuk menghindarinya, hukumnya tidak kafir. Barang siapa yang mempelajarinya dengan keyakinan bahawa sihir diperbolehkan atau sihir bermanfaat bagi dirinya, maka ia kafir. Demikian pula orang yang meyakini bahawa syaitan dapat melakukan apa sahaja yang dikehendakinya, maka dia kafir.

Imam Syafi'i RA menyatakan, "Apabila seseorang belajar ilmu sihir dan menguasainya, maka kami akan katakan kepadanya terlebih dahulu, "Persembahkanlah sihirmu itu kepada kami. Jika ia mempersembahkan jenis sihir yang memastikannya kafir, misalnya dia berkeyakinan seperti apa yang diyakini oleh penduduk Babylon, iaitu mendekatkan diri kepada tujuh bintang, dan bahawa ketujuh bintang tersebut dapat memberikan apa yang dimintakan kepadanya, maka dia kafir. Apabila sihir yang diperagakannya itu tidak menyebabkan dia kafir, maka ia tidak kafir; tetapi jika dia meyakini bahawa belajar sihir itu boleh, maka hukumnya kafir."

Ibnu Hubairah mempertanyakan, “Apakah seorang penyihir dibunuh hanya semata-mata kerana ia mempersembahkan sihirnya dan menggunakannya?” Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad dia dibunuh, dan menurut Imam Syafii serta Imam Abu Hanifah tidak. Tetapi jika sihirnya itu membunuh seseorang manusia, maka ia dibunuh menurut Imam Malik, Imam Syafii, dan Imam Ahmad. Menurut Imam Abu Hanifah yang menyatakan bahawa si penyihir tidak dibunuh kecuali jika ia melakukan perbuatannya membunuh orang lain dengan ilmu sihirnya secara berulang-ulang atau dia mengakui sendiri melakukannya terhadap seseorang tertentu. Apabila ilmu sihir seseorang digunakan untuk membunuh, maka ia dihukum mati sebagai hukuman hadnya menurut pendapat mereka, kecuali Imam Syafii. Imam Syafii berpendapat bahawa bila keadaannya memang demikian, maka ia dihukum mati sebagai qisas.

Ibnu Hubairah mempertanyakan, “Apakah dapat diterima taubat tukang sihir bila ia bertaubat darinya?” Imam Malik dan Imam Abu Hanifah serta Imam Ahmad menurut pendapat yang terkenal dalam kalangan mereka menyatakan bahawa taubatnya tidak diterima. Akan tetapi, Imam Syafii dan Imam Ahmad menurut riwayat yang lain menyatakan taubatnya dapat diterima.

Tukang sihir dalam kalangan ahli kitab menurut Imam Abu Hanifah dihukum mati, sebagaimana tukang sihir Muslim pun dihukum mati. Imam Malik, Imam Ahmad, dan Imam Syafii menyatakan tidak dihukum mati; kerana memetik kisah Labid bin al-A’sam.

Selain itu, para ulama berselisih pendapat mengenai wanita Muslimah tukang sihir. menurut Imam Abu Hanifah, ia tidak dibunuh melainkan hanya dihukum penjara. Sedangkan menurut ketiga imam lainnya, hukumnya sama dengan hukum seorang laki-laki penyihir.

Imam Ahmad bin Hambal menceritakan tentang kata-kata al-Zuhri, “Penyihir dalam kalangan kaum Muslim dihukum mati, sedangkan penyihir dalam kalangan kaum musyrik tidak dihukum mati kerana Rasulullah SAW pernah disihir oleh seorang wanita Yahudi, ternyata beliau tidak membunuhnya.” Imam Qurtubi menukil dari Imam

Malik RA yang menyatakan bahawa tukang sihir dalam kalangan kafir zimmi dihukum mati jika sihirnya itu ia gunakan untuk membunuh.

Ibnu Khuwaiz Mandad meriwayatkan dua buah riwayat daripada Imam Malik berhubung dengan kafir zimmi apabila mereka mempraktikkan sihir. Salah satunya menyatakan bahawa ia diminta bertaubat terlebih dahulu. Jika ia masuk Islam, tidak dihukum; tetapi jika tidak mahu masuk Islam, maka ia dihukum mati. Pendapat kedua-dua menyatakan bahawa dia tetap dihukum mati, sekalipun masuk Islam.

Seorang penyihir itu apabila ilmu sihirnya mengandung kekufuran, maka ia dihukumi kafir menurut keempat orang imam dan imam-imam lainnya. Hal ini kerana berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud, *“sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya).”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 102). Akan tetapi Imam Malik menyatakan, “Jika kekufuran tampak pada dirinya, maka taubatnya tidak diterima, kerana kedudukannya sama dengan kafir zindiq. Jika dia bertaubat sebelum menampakkan kekufurannya, lalu ia datang kepada umat Islam seraya bertaubat, maka taubatnya diterima. Jika sihirnya itu ia gunakan untuk membunuh orang, maka ia dihukum mati). Namun Imam Syafii menyatakan, “Kalau si penyihir menyatakan, “Aku tidak sengaja membunuh,” maka ia dihukumi sebagai orang yang keliru dan diharuskan membayar diat.”

Berubat dengan Menggunakan Sihir

Ada suatu pertanyaan, “Apakah penyihir boleh diminta untuk mengubati sihirnya?” Sa’id bin Musayyab RA memperbolehkannya menurut apa yang dinukil oleh Imam Al-Bukhari (2001: 1/382). Amir al-Sha’bi menyatakan, tidak mengapa menggunakan nusyrah (pengubatan dengan memakai jampi). Akan tetapi, al-Hasan al-Basri memakruhkannya. Dalam hadis sahih dari Siti Aisyah RA disebutkan bahawa ia pernah berkata, “Wahai Rasulullah, mengapa engkau tidak berubat dengan cara nusyrah? Maka beliau SAW menjawab (Al-Bukhari, 2001: 5765):

أَمَّا اللَّهُ فَقَدْ شَفَانِي، وَأَكْرَهُ أَنْ أُثِيرَ عَلَى أَحَدٍ مِنَ النَّاسِ شَرًّا.

Maksud: *Adapun Allah sesungguhnya Dia menyembuhkan diriku, dan aku merasa tidak suka (bila memakai nusrah) nanti aku membuka pintu kejahatan daripada seseorang kepada manusia.*

(Al-Bukhari)

Al-Qurtubi meriwayatkan dari Wahb yang menyatakan, “Hendaknya diambil tujuh helai daun sidr, terus ditumbuk antara dua buah batu, lalu diperah dengan memakai air seraya dibacakan ayat al-Kursi padanya. Kemudian airnya diminumkan kepada orang yang terkena sihir sebanyak tiga tegukan, sedangkan sisanya dimandikan untuknya. Sesungguhnya cara ini dapat melenyapkan sihir yang mengenainya, dan cara ini amat baik buat lelaki yang mengubati isterinya.” Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/372), pengubatan yang paling mujarab untuk melenyapkan pengaruh sihir ialah membacakan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya untuk menghilangkan hal tersebut, iaitu membaca surat Mu‘awwizatain dan ditambah dengan surah al-Ikhlâs. Hal ini kerana terdapat hadis menyebut (Al-Nasa’i, 1986):

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ الْجُهَنِيِّ، قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «قُلْ» «قُلْ» قُلْتُ: وَمَا أَقُولُ؟ قَالَ: «قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ، قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ» فَقَرَأَهُنَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، ثُمَّ قَالَ: «لَمْ يَتَعَوَّذِ النَّاسُ بِمِثْلِهِنَّ، أَوْ لَا يَتَعَوَّذُ النَّاسُ بِمِثْلِهِنَّ»

Maksud: *Uqbah bin Amir* berkata, “*Rasulullah SAW* berkata kepadaku, “*Katakanlah!*” *Aku* bertanya, “*Apa yang harus aku katakan?*” *Baginda SAW* menjawab:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ، قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ، قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ

Rasulullah SAW kemudian membaca ayat tersebut, setelah itu *Baginda* bersabda, “*Manusia tidak akan mendapatkan suatu perlindungan yang sebaik dengan ayat tersebut.*”

(*Al-Nasa'i*)

Demikian pula membaca ayat Kursi, kerana sesungguhnya ayat kerusi itu dapat digunakan untuk mengusir syaitan.

PENGAJARAN AYAT

Pengajaran ayat yang diperoleh daripada perbincangan tafsir terdiri daripada tuntutan beragama dengan syariat Nabi Muhammad SAW, ciri agama Islam dalam kitab Taurat; sihir; Asal usul dan persoalan hukum; Harut dan Marut; serta hukum berkaitan dengan bumi Babylon dan tempat yang dilaknat.

TUNTUTAN BERAGAMA DENGAN SYARIAT NABI MUHAMMAD SAW

Umat Islam dan umat manusia dituntut untuk beriman dan beramal dengan agama yang berdasarkan syariat Nabi Muhammad SAW ketika era pengutusannya. Hal ini kerana bukti tentang kenabian Nabi Muhammad SAW banyak termaktub dalam kitab agama sebelum al-Quran khususnya Kitab Taurat (surah *al-A'raf*, 7: 157). Penafian kaum Yahudi tentang wujudnya bukti kenabian Nabi Muhammad dalam kitab mereka yang disembunyikan sudah disingkap oleh Allah SWT. Manakala kegagalan untuk mereka beriman dan beramal dengan agama syariatnya menyebabkan mereka menjadi fasiq lagi kufur dan

kafir terhadap agama Allah SWT (surah al-Baqarah, 2: 99)(Jasmi, 2019c, 2019b).

Kaum Yahudi bukan sahaja tidak mahu mengikut Nabi Muhammad SAW kitab al-Quran, bahkan mereka pula memilih jalan dengan mempelajari kitab yang berkaitan dengan sihir dan menggunakan sihir tersebut untuk menyihir Baginda SAW (Surah *al-Baqarah*, 2: 102).

CIRI AGAMA ISLAM DALAM KITAB TAURAT

Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui, memahami, dan seterusnya beriman dan beramal dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang disebutkan ciri agama tersebut dalam Kitab Taurat dan Injil, tetapi disembunyikan oleh agamawan Yahudi Ibn al-Kathir (1999: 1/344) seperti berikut (surah *al-A'raf*, 7: 157):

- (1) Nabi yang membawa agama bersifat ummi, iaitu tidak tahu membaca dan menulis.
- (2) Menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar.
- (3) Menghalalkan sesuatu yang baik dan mengharamkan yang buruk dan keji.
- (4) Menghapuskan beban dan belunggu yang terdapat kepada manusia.
- (5) Mempunyai pengikut yang sangat setia yang beriman, memuliakan, menolong, dan mengikut setiap langkah cahaya pertunjuk al-Quran.

Semua ciri ini menjadikan mereka orang yang bukan sahaja berjaya di dunia bahkan juga di alam akhirat.

SIHIR, ASAL USUL, DAN PERSOALAN HUKUM

Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui, memahami, dan menjauhi sihir kerana mempelajarinya dan mengamalkannya menyebabkan seseorang menjadi kafir. Ajaran sihir ini adalah:

- (1) Ilmu sihir sudah ada sebelum era Nabi Sulaiman AS, tetapi tidak diamalkan secara tetap sebagaimana sihir yang diamalkan oleh ahli sihir zaman Firaun (surah al-Baqarah, 2: 246) serta tuduhan umat nabi Salih AS terhadap dirinya sebagai ahli sihir atau orang terkena sihir (surah al-Shu'ara', 26: 153). Selepas pemerintah Nabi Sulaiman AS, barulah sihir itu memiliki buku dan diamalkan secara tetap dalam kalangan manusia (Ibn Abi Hatim, 1998: 986).
- (2) Menurut riwayat pada asalnya sihir diturunkan bersama dengan Harut dan Marut pada era Nabi Idris AS di negeri Babylon. Sejak daripada itu hingga sekarang:
 - (a) Setiap kali kedua-dua mereka mengajar seseorang, mereka akan menasihati dengan nasihat, "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan untuk menguji imanmu. Oleh itu, janganlah engkau menjadi kafir dengan sebab mempelajarinya (Surah *al-Baqarah*, 2: 102; Ibn Abi Hatim, 1998: 1011, 1021).
 - (b) Mereka berdua akan menyuruh seseorang pergi ke suatu tempat yang ditunjukkan untuk melakukan beberapa suruhan antaranya ialah kencing di tempat abu dapur (Ibn Abi Hatim, 1998: 1022; Ibn Jarir, 2001: 1695, 1696). Apabila sampai tempat yang disuruh dan melakukan apa yang diperintahkan, pada ketika inilah Iman seseorang akan terkeluar daripada dirinya. Dalam pada itu, asap pula masuk melalui hidung dan lubang yang ada pada tubuhnya, asap ini merupakan kemurkaan Allah SWT kepada dirinya yang masuk ke dalam badannya.
 - (c) Setelah itu syaitan datang mengajarkan ilmu sihir. (Ibn Abi Hatim, 1998: 1021), atau dalam riwayat yang lain apabila dia kembali berjumpa dengan Harut dan Marut semula, barulah mereka berdua mengajarkan ilmu sihir sama ada secara langsung (Ibn Jarir, 2001: 1696) atau secara tidak langsung (Ibn Abi Hatim, 1998: 1022; Ibn Jarir, 2001: 1695).

(3) Jenis Sihir pula beberapa kategori:

- (a) Sihir Kerana Meminta Pertolongan Roh di Bumi: Penyihir meminta pertolongan jin untuk melakukan pekerjaannya. Mereka melakukan ritual seperti membaca mantra, membakar kemenyan, dan jampi bagi menundukkan jin (Al-Razi, 1999: 3/623).
- (b) Sihir ialah sihir tipuan melalui ilusi, membalikkan pandangan mata, serta silap mata (Al-Razi, 1999: 3/624): Perkara ini dilakukan oleh ahli silap mata, tetapi dalam kalangan mereka ada yang hanya semata-mata silap mata dan ada yang mencampurkan silap mata dengan amalan sihir.
- (c) Sihir dalam Ubat-ubatan dan Makanan: Menggunakan alat bantuan berupa ubat-ubatan, iaitu dalam berbagai macam makanan dan minyak-minyakan (Al-Razi, 1999: 3/625). Contoh terbaik makanan yang dijampi di bawah kelengkang untuk menundukkan suami dan minyak pengasih yang dicolet kepada wanita untuk mendatangkan rasa cinta dan kasih.
- (d) Hipnosis: Salah satu bentuk sihir untuk orang yang mempunyai jiwa yang lemah (Ibn al-Kathir, 1999: 1/370). Seseorang yang lemah jiwanya dan sudah dikuasai melalui proses dihipnosis akan melakukan suruhan orang yang menghipnosisnya. Menurut Imam Ibn Kathir lagi bahawa ketundukannya tidak lain kerana kelemahan jiwanya yang sangat mempercayai seseorang itu memiliki ilmu sihir yang menyebabkan dia sentiasa merasa takut dan menurut suruhan orang yang menyuruhnya.
- (e) Salah satu ilmu sihir ialah ilmu tenung nasib daripada peramal masa depan: Ilmu ini pada asalnya adalah ilmu yang diperoleh daripada syaitan yang mencuri dengar di langit, iaitu apa yang dibicarakan oleh para malaikat tentang berita dan peristiwa masa depan yang akan berlaku (Ibn Abi Hatim, 1998: 987; Ibn Jarir, 2001: 1646). Kemudian syaitan menyampaikan berita masa depan itu kepada ahli tenung nasib. Pada awalnya semua berita yang disampaikan adalah benar, namun selepas para

tenung nasib tersebut sudah percaya kepada para syaitan tersebut, mereka mula mencampur adukkan antara satu kalimah yang benar dengan 70 kalimah pembohongan. Lalu para ahli tenung nasib ini menyusun buku tenungan ini dan buku ini diajarkan kepada umat manusia sehingga banyak manusia yang terpedaya (Ibn Jarir, 2001: 1662). Buku ini juga disimpan sewaktu era Nabi Sulaiman AS sebagaimana buku sihir yang lain (Ibn Jarir, 2001: 1647).

- (4) Allah SWT menafikan kenyataan Rahib Yahudi daripada Kitab Taurat yang sudah diubah tentang Nabi Sulaiman AS yang mengajarkan sihir. Hakikat sebenar yang disingkap oleh al-Quran bahawa sihir itu diajarkan oleh Iblis dan syaitan kepada manusia dan diambil serta digunakan oleh kalangan Yahudi (Ibn Jarir, 2001: 1650, 1666).
- (5) Ilmu sihir pada zaman Nabi Sulaiman AS berdasarkan beberapa athar adalah dalam beberapa situasi:
 - (a) Catatan Asif adalah juru tulis Nabi Sulaiman yang mengetahui tentang Ism al-A'zam disimpan di singgahsana Nabi Sulaiman. Sewaktu Nabi Sulaiman AS diuji dengan kehilangan kuasa kerajaannya kepada syaitan yang berupa manusia, catatan nabi Sulaiman yang disimpan tersebut ditulis kembali oleh syaitan dengan dicampuradukkan dengan ajaran sihir. Lalu semua catatan yang sudah ditulis kembali tersebut disimpan kembali di bawah singgahsana Nabi Sulaiman. Selepas kewafatan Baginda, catatan yang berbentuk buku itu dikeluarkan oleh para syaitan yang berupa manusia dan disebar kepada umat manusia dengan menggunakan nama Nabi Sulaiman AS. Seolah-olah Nabi Sulaiman yang mengajarkan ilmu sihir tersebut. Padahal pada hakikatnya sudah dicampuradukkan oleh syaitan untuk menipu manusia (Al-Nasa'i, 1991: 10927; Ibn Jarir, 2001: 1659, 1660, 1666).

- (b) Terdapat juga buku sihir yang disusun oleh para syaitan selepas kewafatan Nabi Sulaiman. Buku tersebut dicop dengan mohor Nabi Sulaiman AS dan dinamakan dengan nama penulis baginda, iaitu Asif bin Barkhia dan disimpan bersama buku-buku lain di singgana Nabi Sulaiman AS (Ibn Jarir, 2001: 1650).
 - (c) Semua buku sihir yang tersimpan oleh Nabi Sulaiman AS akhirnya dibongkar kembali oleh kaum Yahudi dengan pertolongan Iblis dan syaitan yang menunjuk arah. Buku-buku ini pula diajarkan oleh kaum Yahudi kepada orang lain dengan keadaan setiap ajaran yang diajarkan kepada orang lain tidak akan melebihi pengetahuan yang mengajarkannya (Ibn Jarir, 2001: 1650).
- (6) Peristiwa sihir pada zaman Nabi Muhammad SAW ada diriwayatkan dalam athar tentang seorang wanita yang sihir masuk ke dalam dirinya dan meminta untuk dirawat (Ibn Abi Hatim, 1998: 1022; Ibn Jarir, 2001: 1695):
- (a) Beliau menderita selepas ditinggalkan oleh suaminya dan mengadu halnya kepada seorang nenek tua yang datang ke rumahnya. Nenek tua itu ingin mengajarkan sesuatu yang membolehkan suaminya kembali kepadanya semula dan beliau bersetuju.
 - (b) Pada malam hari, nenek tua itu datang bersama dengan dua ekor anjing yang besar. Lalu mereka menunggang kedua-duanya dan sampai ke negeri Babylon. Sampai di sana mereka bertemu dengan dua orang lelaki yang dalam keadaan terbalik dan terikat.
 - (c) Beliau dan nenek tua itu menyatakan hajatnya untuk mempelajari sihir, tetapi dinasihati oleh kedua-dua lelaki yang terikat itu bahawa mereka hanya ujian dan jangan sampai apa yang diajarkan mereka berdua menyebabkan dirinya menjadi kafir. Namun beliau dan nenek tua tersebut tetap dengan pendirian mereka untuk mempelajarinya.

- (d) Beliau diperintahkan untuk membuang air kecil di tempat pemanggang roti. Setelah membuang air kecil barulah berjumpa semula dengan kedua-dua lelaki tersebut. Pada awalnya perintah tersebut tidak dilaksanakan dengan sempurna, iaitu dia pergi ke tempat pemanggang roti, tetapi tidak membuang air kecil di sana. Namun, kedua-dua lelaki tersebut mengetahui bahawa perintah tersebut tidak dilaksanakan dengan sempurna. Pada kali ketiga barulah beliau betul-betul kencing di tempat pemanggang roti yang ditunjukkan.
- (e) Ketika buang air kecil tersebut, beliau ternampak seekor dua yang memakai tutup kepala keluar daripada dirinya dan naik ke langit dan tidak muncul kembali. Ketika kembali kepada kedua-dua lelaki tersebut dan menceritakan apa yang beliau nampak, kedua-dua lelaki tersebut menyatakan bahawa itulah ibarat iman yang keluar daripada dirinya disebabkan ilmu sihir sudah masuk kepada dirinya.
- (f) Sekalipun seperti tidak mempelajari sesautu daripada lelaki yang terikat tersebut, nenek tua itu menjelaskan bahawa sekarang mereka sudah mempunyai kuasa yang akan mengikut apa sahaja kemahuan dirinya. Buktinya, nenek tua itu mengambil beberapa biji gandum dan menyuruh beliau menyemai dan menyuruh beliau ucapkan agar biji tersebut tumbuh, berbuah, mengering, dan menjadi tepung. Semua perkataan yang disebut oleh beliau menjadi seperti apa yang diinginkan.
- (g) Namun, beliau merasa sangat menyesal dan mengadukan halnya kepada Umm al-Mukminin Sayidatina 'A'ishah RA dan mengatakan beliau sama sekali tidak akan menggunakan kepadaannya untuk melakukan apa-apapun.

Berdasarkan athar ini para ulama berselisih pendapat sama ada perkara yang diinginkan oleh wanita tersebut benar-benar berlaku atau tidak? Maka dua pendapat menyatakan dengan yang pertama berkata bahawa perkara tersebut benar-benar terjadi. Sedangkan

pendapat kedua pula menyatakan itu hanyalah tipuan mata sebagai maksud ayat (surah *al-A'raf*, 7: 116; surah *Taha*, 20: 66).

- (7) Ilmu sihir dalamnya mengajar pelbagai perkara antaranya:
- (a) Penggunaan peralatan dan mentera bagi menghasilkan sihir untuk memisahkan antara suami dan isteri (surah *al-Baqarah*, 2: 101) sekalipun pada asalnya mereka berdua hidup dengan aman dan harmoni. Perbuatan ini sangat disukai oleh Iblis dan Syaitan (Muslim, t.th.: 2813). Hal ini berlaku kerana imaginasi yang disusupkan oleh syaitan kepada salah seorang dari suami atau isteri hingga ia memandang teman hidupnya itu seakan-akan buruk penampilan atau buruk pekertinya atau lain sebagainya, atau seakan-akan merasa cerewet atau marah bila memandangnya atau lain-lain yang boleh menyebabkan terjadinya perpisahan.
 - (b) Mendapatkan sesuatu dengan membaca mentera sama ada mengadap matahari atau membelakangkan matahari mengikut jenis permintaan (Ibn Jarir, 2001: 1666).
 - (c) Melalui pembacaan mentera tertentu seseorang boleh terbang, boleh ditukar seseorang menjadi keldai atau sebaliknya. Hal ini kerana, sihir juga merupakan sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT. Namun sekiranya dikatakan bahawa kemampuannya hanya disebabkan pengaruh falak dan bintang maka kenyataan ini tidak benar (Al-Razi, 1999: 3/625).

Namun, segala kemudaratannya sihir tidak akan berlaku melainkan dengan izin Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 101).

- (8) Hukum belajar Ilmu Sihir adalah seperti berikut:
- (a) Sebahagian ulama dalam menafsirkan ayat surah *al-Baqarah* (2: 102) menyatakan bahawa seseorang yang mempelajari ilmu sihir juga adalah kafir sebagaimana yang ditunjukkan zahir ayat. Hal ini sebagai maksud hadis (Al-Bazzar, 2009: 1873) yang

mendokong kenyataan ini bahawa banyak dengan mendatangi ahli sihir, bomoh, dukun, dan tukang tenung sahaja serta seterusnya mempercayai mereka, maka jatuhlah imannya.

- (b) Dari dalam kalangan murid Imam Abu Hanifah ada yang menyatakan bahawa sesungguhnya kalau seseorang belajar ilmu sihir hanya untuk pertahanan diri atau untuk menghindarinya, hukumnya tidak kafir.
 - (c) Barang siapa yang mempelajarinya dengan keyakinan bahawa sihir diperbolehkan atau sihir bermanfaat bagi dirinya, maka ia kafir. Demikian pula orang yang meyakini bahawa syaitan dapat melakukan apa sahaja yang dikehendaknya, maka dia kafir.
 - (d) Pendapat lain menyatakan bahawa tidak kafir mempelajari ilmu sihir namun wajib dikenakan hukuman hudud, iaitu dihukum pancung berdasarkan dalil hadis (Abu Dawud, 2009: 3043; Malik, 2004: 3247; Al-Bazzar, 2009: 1060; Al-Shashi, 1989: 254).
 - (e) Imam Al-Razi (1999: 3/625): Boleh mempelajari ilmu sihir agar dapat membezakan antara ilmu sihir dengan mukjizat. Hal ini sebagai dalil al-Quran (surah *al-Zumar*, 39: 9). Namun pendapat ini ditolak kerana berdasarkan dalil hadis bahawa datang kepada penyihir sahaja dan mempercayai mereka adalah satu dosa syirik sebagaimana orang yang mempercayai barang sihir yang digantung atau dilakukan sesuatu seperti meniup (Al-Nasa'i, 1986: 4079) dan mereka menjadi kafir dengan sebab mendatangi mereka (Ahmad, 2001: 9536). Selain itu, kebanyakan sahabat dan tabi'in walaupun mereka tidak belajar sihir, tetapi mereka masih boleh membezakan antara sihir dan mukjizat.
- (9) Hukum menggunakan ilmu sihir pula adalah seperti berikut:
- (a) Abu Hanifah, Imam Malik, dan Imam Ahmad: Seseorang yang mengamalkan ilmu sihir, maka dia menjadi kafir ketika dia mengamalkannya (surah *al-Baqarah*, 2: 102; surah *al-A'raf*,

7: 155; Ibn al-Kathir, 1999: 364). Mereka juga wajar dihukum mati berdasarkan hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 1460).

- (b) Imam Syafi'i RA menyatakan, "Apabila seseorang belajar ilmu sihir dan menguasainya, maka kami akan katakan kepadanya terlebih dahulu, "Persembahkanlah sihirmu itu kepada kami. Jika ia mempersembahkan jenis sihir yang memastikannya kafir, misalnya dia berkeyakinan seperti apa yang diyakini oleh penduduk Babylon, iaitu mendekatkan diri kepada tujuh bintang, dan bahawa ketujuh bintang tersebut dapat memberikan apa yang dimintakan kepadanya, maka dia kafir. Apabila sihir yang diperagakannya itu tidak menyebabkan dia kafir, maka ia tidak kafir; tetapi jika dia meyakini bahawa belajar sihir itu boleh, maka hukumnya kafir."
- (c) Ibnu Hubairah mempertanyakan, "Apakah seorang penyihir dibunuh hanya semata-mata kerana ia mempersembahkan sihirnya dan menggunakannya?"
 - (i) Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad dia dibunuh
 - (ii) Menurut Imam Syafii serta Imam Abu Hanifah tidak.
 - (iii) Jika sihirnya itu membunuh seseorang manusia, maka ia dibunuh menurut Imam Malik, Imam Syafii, dan Imam Ahmad.
 - (iv) Menurut Imam Abu Hanifah yang menyatakan bahawa si penyihir tidak dibunuh kecuali jika ia melakukan perbuatannya membunuh orang lain dengan ilmu sihirnya secara berulang-ulang atau dia mengakui sendiri melakukannya terhadap seseorang tertentu.
 - (v) Apabila ilmu sihir seseorang digunakan untuk membunuh, maka ia dihukum mati sebagai hukuman hadnya menurut pendapat mereka, kecuali Imam Syafii. Imam Syafi'i berpendapat bahawa bila keadaannya memang demikian, maka ia dihukum mati sebagai qisas.
- (d) Ibnu Hubairah mempertanyakan, "Apakah dapat diterima taubat tukang sihir bila ia bertaubat darinya?"

- (i) Imam Malik dan Imam Abu Hanifah serta Imam Ahmad menurut pendapat yang terkenal dalam kalangan mereka menyatakan bahawa taubatnya tidak diterima.
- (ii) Imam Syafii dan Imam Ahmad menurut riwayat yang lain menyatakan taubatnya dapat diterima.
- (e) Tukang sihir dalam kalangan ahli kitab:
 - (i) Imam Abu Hanifah: Dihukum mati, sebagaimana tukang sihir Muslim pun dihukum mati.
 - (ii) Imam Malik, Imam Ahmad, dan Imam Syafii: Tidak dihukum mati kerana memetik kisah Labid bin al-A'sam.
- (f) Wanita Muslimah tukang sihir:
 - (i) Imam Abu Hanifah: Ia tidak dibunuh melainkan hanya dihukum penjara.
 - (ii) Menurut ketiga imam lainnya: Hukumnya sama dengan hukum seorang laki-laki penyihir.
- (g) Penyihir Muslim dan Musrik:
 - (i) Imam Ahmad bin Hambal: Penyihir dalam kalangan kaum Muslim dihukum mati. Penyihir dalam kalangan kaum musyrik tidak dihukum mati kerana Rasulullah SAW pernah disihir oleh seorang wanita Yahudi, ternyata beliau tidak membunuhnya.”
 - (ii) Imam Qurtubi menukil dari Imam Malik RA yang menyatakan bahawa tukang sihir dalam kalangan kafir zimmi dihukum mati jika sihirnya itu ia gunakan untuk membunuh.
 - (iii) Ibnu Khuwaiz Mandad meriwayatkan dua buah riwayat daripada Imam Malik berhubung dengan kafir zimmi apabila mereka mempraktikkan sihir. Salah satunya menyatakan bahawa ia diminta bertaubat terlebih dahulu. Jika ia masuk Islam, tidak dihukum; tetapi jika tidak mahu masuk Islam, maka ia dihukum mati. Pendapat kedua-dua menyatakan bahawa dia tetap dihukum mati, sekalipun masuk Islam.

- (h) Sihir yang terdapat perkara kufur dan yang tidak:
- (i) Seorang penyihir itu apabila ilmu sihirnya mengandung kekufuran, maka ia dihukumi kafir menurut keempat orang imam dan imam-imam lainnya. Hal ini kerana berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud, *“sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata, “Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya).”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 102).
 - (ii) Akan tetapi Imam Malik menyatakan, “Jika kekufuran tampak pada dirinya, maka taubatnya tidak diterima, kerana kedudukannya sama dengan kafir zindiq. Jika dia bertaubat sebelum menampakkan kekufurannya, lalu ia datang kepada umat Islam seraya bertaubat, maka taubatnya diterima.
 - (iii) Jika sihirnya itu ia gunakan untuk membunuh orang, maka ia dihukum mati). Namun Imam Syafii menyatakan, “Kalau si penyihir menyatakan, “Aku tidak sengaja membunuh,” maka ia dihukumi sebagai orang yang keliru dan diharuskan membayar diat.”
- (10) Hukum berubat dengan menggunakan sihir:
- (a) Sa‘id bin Musayyab RA memperbolehkannya menurut apa yang dinukil oleh Imam Al-Bukhari (2001: 1/382).
 - (b) Amir al-Sha‘bi menyatakan, tidak mengapa menggunakan *nusyrah* (pengubatan dengan memakai jampi). Akan tetapi, al-Hasan al-Basri memakruhkannya berdasarkan dalil hadis (Al-Bukhari, 2001: 5765).
- (11) Cara berubat daripada sihir:
- (a) Al-Qurtubi meriwayatkan dari Wahb yang menyatakan, “Hendaknya diambil tujuh helai daun sidr, terus ditumbuk antara dua buah batu, lalu diperah dengan memakai air

seraya dibacakan ayat al-Kursi padanya. Kemudian airnya diminumkan kepada orang yang terkena sihir sebanyak tiga tegukan, sedangkan sisanya dimandikan untuknya. Sesungguhnya cara ini dapat menenyapkan sihir yang mengenainya, dan cara ini amat baik buat lelaki yang mengubati isterinya.”

- (b) Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/372), pengubatan yang paling mujarab untuk menenyapkan pengaruh sihir ialah membacakan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya untuk menghilangkan hal tersebut, iaitu membaca surat Mu‘awwizatain dan ditambah dengan surah al-Ikhlash sebagaimana hadis (Al-Nasa’i, 1986).

Perbincangan tentang sihir di sini dikupas dengan lengkap bagi memberi panduan yang mudah kepada umat Islam dan umat manusia. Semoga maklumat dan ilmu pengetahuan ini sangat berguna kepada semua dalam menghadapi situasi ilmu sihir.

HARUT DAN MARUT

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui dan menjadikan kisah Harut dan Marut sebagai teladan dalam kehidupan. Kedua-dua Harut mengikut riwayat yang paling diterima adalah merupakan golongan malaikat (Ibn al-Kathir, 1999: 1/352) sebagai mana juga Iblis merupakan golongan ini sebelum dilaknat walaupun Iblis pada asalnya dicipta daripada api (Surah *al-Baqarah*, 2: 34).

Kes mereka berdua tidak terpakai untuk semua jenis malaikat yang bersifat taat dan tidak memiliki unsur nafsu. Oleh itu, tidak boleh dijadikan malaikat ini sebagai ukuran dengan malaikat yang lain kerana sifat mereka sudah dibezakan dengan ciri yang lain, iaitu selain unsur malaikat, mereka berdua juga dibekalkan dengan nafsu sebagaimana manusia yang lain.

Titik awal perbincangan ialah argumentasi para malaikat bahawa mereka adalah golongan yang lebih taat berbanding manusia dengan

mereka banyak berzikir dan melakukan solat serta menyucikan Allah SWT (surah al-Baqarah, 2: 30). Sedangkan manusia terbukti walaupun sudah didatangkan Rasul, kitab, dan mukjizat kepada mereka (Ibn Jarir, 2001: 1689), mereka masih melakukan kekufuran, membunuh jiwa, memakan harta haram, zina, mencuri, dan minum arak (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687), serta sudah banyak menumpahkan darah dan membuat kerusakan di dunia (Ibn Jarir, 2001: 1682) sehingga para malaikat dan gunung ganang bermohon agar azab Allah SWT tidak ditangguhkan untuk membinasakan manusia yang membuat kerusakan di dunia (Ibn Jarir, 2001: 1682; Ibn Abi Hatim, 1998: 1007). Selain itu, terdapat juga malaikat yang mempersendakan hakim yang tidak jujur menghukum dalam kalangan manusia (Ibn Jarir, 2001: 1672, 1686).

Allah SWT mempertahankan kelakuan manusia dengan pernyataan bahawa manusia tidak sedar dengan perbuatan mereka (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687), begitu juga para malaikat tidak ada ujian (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007) dalam bentuk unsur nafsu dalam diri dan mereka tidak boleh dihasut oleh syaitan (Ibn Jarir, 2001: 1682). Sedangkan manusia menghadapi cubaan (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007) dengan dua perkara tersebut (Ibn Jarir, 2001: 1682). Sedang syahwat yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia pula adalah 10 jenis syahwat (Ibn Jarir, 2001: 1686). Allah SWT menegaskan sekiranya para malaikat menghadapi dua unsur tersebut, nescaya mereka juga melakukan perkara yang sama (Ibn Jarir, 2001: 1682; Ibn Abi Hatim, 1998: 1007). Selain itu, manusia juga ditaklifikasikan dengan perintah dan larangan Allah SWT (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687) serta tidak dapat melihat Allah SWT sepertimana para malaikat dapat melihat Allah SWT.

Para malaikat menjawab bahawa mereka tidak mungkin melakukan seperti apa yang dilakukan oleh manusia sekiranya mereka juga diuji dengan cara yang sama manusia diuji (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007) sekalipun mereka diberikan 10 jenis syahwat sebagaimana manusia

dan mereka akan mengadili dengan adil dalam perbicaraan antara manusia (Ibn Jarir, 2001: 1686).

Bagi membuktikan kenyataan Allah SWT ini, Allah menyuruh agar datang dua malaikat yang terbaik untuk dipilih dan diberikan ujian yang sama sebagaimana manusia elemen manusia diuji dengan diberikan nafsu dan tugas serta tanggungjawab (Ahmad, 2001: 6178; Ibn Jarir, 2001: 1682, 1689; Ibn Abi Hatim, 1998: 1007). Pada asalnya tiga malaikat dipilih, tetapi satu malaikat menarik diri (Ibn Abi Hatim, 1998: 1008). Dua malaikat yang dipanggil Harut dan Marut diserahkan oleh golongan malaikat untuk diuji seperti manusia. Malaikat ini diberikan nafsu dan syahwat (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007, 1008; Ibn Jarir, 2001: 1689), serta nafsu yang diberikan pula adalah 10 jenis nafsu. Lalu kedua-dua mereka diturunkan ke dunia (Ahmad, 2001: 6178; Ibn Jarir, 2001: 1682, 1687; Ibn Abi Hatim, 1998: 1005, 1007) di negeri Babylon, iaitu di Daynawan (Ibn Jarir, 2001: 1686).

Sebelum diturunkan kedua, mereka mengikat janji (Ibn Jarir, 2001: 1689) dengan menyembah Allah SWT (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687) dan tidak mensyirikkan Allah SWT, tidak boleh berzina, mencuri, meminum arak (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005, 1007, 1008; Ibn Jarir, 2001: 1687), tidak boleh melakukan khinat (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007), tidak boleh membunuh jiwa yang diharamkan, memakan harta yang haram, dan melaksanakan hukuman dengan adil (Ibn Jarir, 2001: 1686).

Kedua-dua Harut dan Marut diturunkan ke dunia dan bertugas sebagai hakim yang memutuskan hukuman terhadap perselisihan antara manusia. Pada ketika itu adalah zaman Nabi Idris AS. Pada asalnya kedua-dua mereka menjalankan urusan mereka dengan jaya dalam beberapa waktu (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687, 1689). Menurut riwayat, kedua-dua mereka turun ke dunia pada waktu pagi dan melaksanakan pekerjaan sebagai hakim yang menghakimi orang ramai. Manakala pada waktu petang mereka kembali bersama para malaikat yang lain di langit (Ibn Jarir, 2001: 1686, 1689).

Pada ketika itu, terdapat wanita yang sangat cantik bernama Zahrah, iaitu nama dalam bahasa Arab (Ibn Jarir, 2001: 1686). Di Negeri Parsi atau Nabat, dia dikenali dengan nama Baizakhat yang beragama Majusi (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007; Ibn Jarir, 2001: 1686), dan sedangkan namanya dalam bahasa Parsi sebagai Anahid (Ibn Jarir, 2001: 1686). Terdapat riwayat bahawa namanya ialah Mahaniyyah (Ibn Abi Hatim, 1998: 1008) dan sudah berkahwin. Zahrah datang kepada kedua-duanya untuk meminta peradilan antara dirinya dengan suaminya (Ibn Jarir, 2001: 1686). Pada asalnya, kedua-dua mereka sudah mengadili bahawa keputusan peradilan adalah berpihak kepada suaminya (Ibn Jarir, 2001: 1689). Namun Kecantikannya menyebabkan kedua-dua mereka jatuh cinta pandang pertama dan menjadikan mereka merasa sangat berahi kepadanya dan mengingini dirinya (Ahmad, 2001: 6178). Kedua-dua mereka merayu kepada Zahrah untuk memenuhi keinginan syahwat mereka (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1682, 1687).

Tawaran Harut dan Marut diterima tetapi diletakkan syarat agar diberikan kemenangan kepadanya terhadap suami dalam kes yang diadakan (Ibn Jarir, 2001: 1686, 1689). Selepas kemenangan tersebut Zahrah menjemput mereka berdua di tempat yang sunyi. Ketika kedua-dua mereka hendak melepaskan keinginan nafsu mereka, Zahrah berkata bahawa dia tidak akan menunaikan permintaan mereka melainkan mereka mengatakan ikrar yang terdapat perkataan syirik kepada Allah SWT (Ibn Jarir, 2001: 1682) atau menyembah berhala yang dibawah (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687) atau keluar daripada agama Islam dan memeluk agama Majusi (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007). Namun ditolak oleh kedua-dua mereka dan Zahrah pergi tanpa memenuhi permintaan mereka (Ibn Jarir, 2001: 1682, 1687; Ibn Abi Hatim, 1998: 1005, 1007).

Tidak berapa lama kemudian sekali lagi Zahrah muncul. Kedua-dua Harut dan Marut sekali lagi merayu untuk memenuhi keinginan syahwat mereka. Pada waktu ini permintaan kedua-dua mereka diletakkan syarat agar membunuh kanak-kanak yang dibawa bersama oleh Zahrah.

Tawaran ini juga ditolak oleh kedua-dua mereka dan Zahrah sekali lagi pergi tanpa memenuhi permintaan mereka (Ibn Jarir, 2001: 1682; Ibn Abi Hatim, 1998: 1007).

Akhirnya pada waktu yang lain Zahrah menawarkan agar mereka berdua minum arak dan dipersetujui. Namun, apa yang berlaku ketika mereka mabuk mereka bukan sahaja berzina, tetapi juga membunuh kanak-kanak yang dibawah oleh Zahrah (Ahmad, 2001: 6178) atau menurut riwayat membunuh anak tetangganya (Ibn Abi Hatim, 1998: 1008) agar perbuatan mereka tidak dibocorkan (Ahmad, 2001: 6178). Mengikut riwayat yang lain kedua-duanya ketika mabuk, mereka berzina dengan Zahrah dan membunuhnya kerana tidak mahu orang lain mengetahui perbuatan mereka berdua (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687). Dalam riwayat yang lain, tawaran pada perjumpaan kedua oleh Zahrah agar mereka keluar agama dan memeluk agama Majusi serta membawa Zahrah bersama naik ke langit kerana Zahrah tidak mahu orang ramai dan suaminya mengetahui perbuatan zina mereka. Permintaan ini akhirnya diperkenankan oleh kedua-dua Harut dan Marut. Lalu mereka memenuhi keinginan syahwat tersebut dan membawa Zahrah naik ke langit bersama mereka (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007). Ketika dipertengahan jalan ke langit, Zahrah dirampas daripada tangan kedua-dua mereka dan disumpah menjadi Bintang Zuhrah. Sedangkan kedua-dua Harut dan Marut tidak dibenarkan naik lagi ke langit (Ibn Jarir, 2001: 1689), dipotong sayap mereka, dan akhirnya terdampar kembali ke dunia tanpa boleh kembali lagi naik ke langit (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007).

Menurut riwayat yang lain, selepas mereka bertiga melakukan dosa, Zahrah meminta kedua-dua Harut dan Marut untuk mengajarkan bacaan yang membolehkannya terbang ke langit dan turun semula ke dunia (Ibn Jarir, 2001: 1686). Selepas diajarkan, Zahrah membacanya dan terbang ke langit, tetapi beliau dilupakan bacaan untuk turun yang menyebabkannya tidak boleh turun. Zahrah akhir disumpah menjadi bintang Zuhrah (Ibn Abi Hatim, 1998: 1008, 1686).

Menurut riwayat bahawa setelah kedua-dua Harut dan Marut hilang mabuknya barulah mereka merasa menyesal terhadap amalan dosa yang mereka lakukan. Mereka ingin naik ke langit, tetapi sudah tidak mampu untuk naik ke langit (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005; Ibn Jarir, 2001: 1687). Kedua-dua Harut dan Marut kemudian meminta Nabi yang diutus ketika itu untuk memohon keampunan Allah SWT terhadap dosa mereka (Ibn Abi Hatim, 1998: 1007; Ibn Jarir, 2001: 1689). Mereka riwayat lain nabi yang menjadi rujukan kepada kedua-dua Harut dan Marut ialah Nabi Sulaiman AS (Ibn Abi Hatim, 1998: 1008).

Permohonan keampunan terhadap dosa yang dilakukan oleh kedua-dua Harut dan Marut menyebabkan mereka ditawarkan pengampunan dosa mereka dengan memilih sama ada mereka disiksa dengan siksaan di akhirat atau disiksa azab di dunia. Kedua-dua mereka memilih untuk diazab di dunia (Ahmad, 2001: 6178; Ibn Jarir, 2001: 1682, 1689; Ibn Abi Hatim, 1998: 1008). Akhirnya, kedua-dua mereka disiksa di dunia dengan diikat rantai besi dan diterbalikkan kaki ke atas dan kepala ke bawah dan terdapat lubang api yang membakar pada bahagian atas dan bawah (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005, 1007; Ibn Jarir, 2001: 1687, 1689).

Para malaikat sendiri berasa hairan dengan kelakuan Harut dan Marut dan mereka menyedari bahawa ketika manusia sedang dalam keadaan tidak berapa sedar kerana cinta dan arak, mereka tidak takut melakukan dosa (Ibn Abi Hatim, 1998: 1005, 1008; Ibn Jarir, 2001: 1687). Sejak daripada peristiwa ini para malaikat yang selalu berdoa kepada Allah SWT buat para Mukmin di dunia (surah al-Shura, 40-42: 5) dengan mengubah doa mereka kepada semua makhluk yang berada di muka bumi (Surah al-Mu'min, 42: 7).

Sejak di siksa di dunia ini, Harut dan Marut mengajar manusia di bumi Babylon, Iraq tentang sihir dengan sentiasa berpesanan kepada manusia yang mempelajarinya tentang ajarannya boleh membawa kepada kekufuran (Ibn Jarir, 2001: 1686). Hal ini terbukti kewujudan mereka berdua, iaitu Harut dan Marut ini di negeri Babylon sehingga ke

zaman Nabi Muhammad SAW yang mana seorang wanita mengadakan halnya mempelajari sihir daripada mereka berdua sehingga diberikan kuasa sihir. Beliau datang untuk mengadu halnya dan bagaimana untuk merawat kuasa yang ada pada dirinya untuk dibuang kepada Sayidatina ‘A’ishah RA (Ibn Abi Hatim, 1998: 1022; Ibn Jarir, 2001: 1695).

HUKUM BERKAITAN DENGAN BUMI BABYLON, IRAQ DAN TEMPAT YANG DILAKNAT

Berdasarkan ayat, umat Islam perlu mengetahui, memahami, dan mempraktikkan hukum yang berkaitan dengan Bumi Babylon, Iraq dan juga tempat lain yang dilaknat, iaitu:

- (1) Makruh bersolat di bumi Babylon, Iraq sebagaimana Makruh bersolat di Negeri Thamud berdasarkan athar (Ibn Abi Hatim, 1998: 1003; Abu Dawud, 2009: 490).
- (2) Babylon adalah salah satu daerah bawahan negeri Irak. Jarak antara Babylon sampai kepada laut yang ada di sebelah baratnya, iaitu yang dikenal dengan nama Auqiyanius. Diperkirakan 70 darjah garis lintangnya, sedangkan garis bujurnya diperkirakan 32 darjah.

Oleh itu, adalah makruh untuk berada di tempat yang dilaknat khususnya yang pernah disebutkan dalam al-Quran dan hadis untuk bersolat dalamnya sekiranya masih mempunyai waktu yang cukup. Sekiranya tidak, maka menyelesaikan solat adalah dituntut untuk dilakukan.

RUMUSAN

Perbincangan buku ini dapat menyingkap keseluruhan tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 99-101) dan surah *al-Baqarah* (2: 102-103). Berdasarkan perbincangan tafsiran tersebut, banyak pengajaran ayat

boleh diperoleh kepada umat Islam dan umat manusia berhubung dengan syariat Nabi Muhammad SAW dan sifat agamanya dan pengikutnya, perkara sihir dalam al-Quran dan tafsirannya, serta cerita berkaitan dengan Malaikat Harut dan Marut. Semoga perbincangan memberi manfaat kepada semua.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.

- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shashi, Abu Sa 'id al-Haytham. 1989. *Al-Musnad li al-Shashi*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah (Ed.). Jld. 1-2. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. *Perseteraan Iblis Terhadap Manusia: Al-Baqarah (2: 34-39)*. Kertas Kerja dalam Siri 10: Program Budaya al-Quran, 25hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta Kisah Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 99-103)*. Kertas Kerja dalam Siri 21: Program Budaya al-Quran, 7hb. Mac 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Kecintaan Kepada Dunia dan Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah*

- (2: 93-98). Kertas Kerja dalam Siri 20: Program Budaya al-Quran, 21 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisab Harut dan Marut: Surah al-Baqarah (2: 102-103)*. Jld. 18. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-101)*. Jld. 17. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Malik, Anas. 2004. *Muwatta'*. Muhammad Mustafa al-A'zami (Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- Abu Dawud*, 77, 88
- Ahmad*, 41, 44, 87, 89, 92, 100, 103, 108, 109, 120, 121, 122
- akhirat, 3, 11, 44, 49, 53, 58, 60, 61, 65, 68, 84, 85, 113, 129
- al-A'raf*, 8, 75, 80, 81, 98, 105, 112, 113, 119, 120
- al-Baqarah*, i, ii, 3, 4, 5, 6, 8, 9, 11, 13, 15, 17, 20, 22, 24, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 40, 41, 60, 77, 80, 81, 83, 84, 85, 86, 87, 90, 110, 113, 114, 119, 120, 123, 124, 125, 130
- al-Bayhaqi*, 46
- Al-Bazzar*, 81, 87
- Al-Bukhari*, 39, 100, 103, 104, 105, 107, 111
- al-Hadid*, 39
- Allah SWT, 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 13, 14, 17, 20, 21, 22, 24, 26, 28, 29, 30, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 43, 45, 46, 47, 48, 52, 56, 59, 60, 63, 67, 69, 75, 77, 79, 80, 81, 83, 84, 85, 86, 90, 92, 95, 97, 98, 101, 105, 106, 110, 111, 112, 114, 116, 119, 123, 124, 125, 126, 127, 129
- Al-Nasa'i*, 13, 15, 92, 112
- al-Nisa*, 35
- al-Qasas*, 86
- al-Quran, 2, 4, 5, 8, 9, 69, 75, 92, 93, 112, 113, 116, 120, 130, 131, 136
- al-Shashi*, 87
- al-Shu'ara'*, 33, 114
- Al-Tirmidhi*, 89
- al-Zumar*, 38, 91, 92, 120
- Babylon, 3, 10, 34, 35, 36, 38, 40, 58, 60, 63, 68, 73, 75, 76, 77, 108, 112, 114, 117, 121, 126, 129, 130
- Bani Israil, i, 1, 3, 4, 9, 19, 26, 69
- Gafir*, 39
- Harut dan Marut, 3, 9, 10, 34, 35, 36, 38, 40, 41, 43, 45, 46, 47, 49, 52, 56, 60, 62, 63, 67, 69, 78, 82, 86, 112, 114, 124, 126, 127, 128, 129, 131
- Ibn Abi Hatim*, 20, 29, 30, 37, 54, 58, 60, 74, 76, 78, 79, 114

- Ibn Jarir*, 15, 17, 20, 22, 23, 24, 26, 28, 29, 36, 40, 45, 46, 47, 49, 58, 61, 65, 69, 74, 80
- Islam, 136
- Jibril, 1, 34, 36, 37
- Jibril AS, 1
- Kitab Allah, 2, 4, 5, 8, 10, 11, 17, 22, 24, 26, 28, 29, 30
- Malik*, 6, 89, 108, 109, 110, 120, 121, 122, 123
- Muslim*, 83, 93, 95, 100, 103, 105, 107, 109, 122, 136
- Nabi Muhammad, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 8, 9, 12, 13, 15, 20, 21, 28, 36, 76, 96, 112, 113, 117, 130, 131
- Nabi Sulaiman, 2, 10, 11, 12, 14, 17, 19, 22, 23, 24, 25, 27, 29, 30, 31, 35, 36, 37, 60, 86, 114, 116, 117, 129
- sihir, 1, 2, 3, 8, 9, 10, 11, 13, 15, 17, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 40, 61, 62, 65, 72, 74, 75, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 98, 99, 101, 102, 104, 105, 106, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 129, 131
- Syaitan, 2, 10, 11, 15, 17, 20, 22, 24, 26, 28, 29, 30, 34, 119
- Taha*, 75, 98, 119
- Yahudi, 3, 5, 6, 11, 21, 26, 28, 30, 31, 34, 36, 84, 85, 109, 112, 113, 116, 117, 122

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia* (2019), *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* (2021) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran
Siri 18
Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisab Harut dan Marut:
Surah al-Baqarah (2: 102-103)

Bani Israil dan Ilmu Sihir serta kisab Harut dan Marut, surah Surah al-Baqarah (2: 102-103), Siri 18 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Kaum Bani Israil sanggup berpatah arang daripada mengikut ajaran Nabi Muhammad SAW dan memilih kitab sihir sebagai ajaran ikutan. Padahal mereka sangat mengetahui kecelaan daripada kedua-dua perkara menjadikan mereka kekal dalam neraka Allah SWT. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 99-103) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia, iaitu tuntutan beragama dengan syariat Nabi Muhammad SAW, ciri agama Islam dalam kitab Taurat; sihir: Asal usul dan persoalan hukum; Harut dan Marut; serta hukum berkaitan dengan bumi Babylon dan tempat yang dilaknat.



ISBN 978-967-2171-86-7



9 789672 171867